

Memperkasakan

Pertanian Melangkaui Perbankan

Advancing Agriculture Beyond Banking

LAPORAN TAHUNAN 2019 ANNUAL REPORT



MEMPERKASAKAN PERTANIAN MELANGKAUI PERBANKAN

ADVANCING AGRICULTURE BEYOND BANKING

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), kami komited memainkan peranan bagi memperkasa dan memajukan sektor pertanian dengan menyediakan penyelesaian kewangan yang lengkap kepada para pelanggan kami. Tumpuan kami adalah untuk membantu mereka meningkatkan kecekapan dan pengeluaran dalam ruang lingkup ekosistem pertanian pada masa yang sama menyumbang kepada kesejahteraan komuniti. Komitmen ini telah pun berterusan selama 50 tahun sejak Bank mula ditubuhkan.

Hari ini, dengan visi yang diperbaharui, Agrobank berada dalam kedudukan kukuh untuk membantu meningkatkan dan mentransformasikan sektor pertanian ke arah modenisasikan. Bank berpegang teguh pada matlamatnya untuk berkhidmat kepada para pelanggan di seluruh rantai nilai dan kitaran hayat perniagaan, serta terus memupuk dan mempersiapkan para usahawan dengan pengetahuan dan kemahiran yang betul untuk mereka berjaya dalam bidang perniagaan pertanian. Hakikat ini diterjemahkan secara tepat dalam visi kami yang diperbaharui iaitu '**Memperkasakan Pertanian Melangkaui Perbankan**' yang menjadi tema Laporan Tahunan 2019.

As a Developmental Financial Institution (DFI), we are committed to demonstrate our role in advancing and develop the agriculture sector by providing comprehensive financial solutions with a focus on helping our customers increase efficiency and productivity within the agricultural ecosystem while contributing to the betterment of communities. This commitment continues unabated after 50 years since the Bank's inception.

Today, with a renewed vision, Agrobank is in a strong position to help spur and transform the agriculture sector towards greater modernisation. The Bank is resolute in its aim to serve customers across the entire value chain and business life cycle and continue to nurture and equip entrepreneurs with the right financial knowledge and skills to be successful in the agricultural businesses. This is aptly reflected in our renewed vision, '**Advancing Agriculture Beyond Banking**' and serves as the theme of the 2019 Annual Report.

MENGENAI LAPORAN INI

ABOUT THIS REPORT

Laporan Tahunan ini mengandungi maklumat tentang prestasi kewangan dan bukan kewangan bagi tahun 2019, strategi, tadbir urus dan proses pengurusan risiko untuk menangani risiko dan peluang dalam persekitaran operasi kami dan menyampaikan nilai kepada pihak-pihak berkepentingan kami. Dalam menyediakan laporan ini, Agrobank berpandukan amalan-amalan terbaik serta mematuhi keperluan-keperluan berkanun Malaysia dan rangka kerja pelaporan termasuk:

- Dasar Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia
- Garis Panduan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)
- Dokumen Dasar dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia
- Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
- Akta Syarikat 2016
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS)

Laporan Tadbir Urus

Bank mematuhi prinsip-prinsip tadbir urus yang baik. Butiran mengenai Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan, dan pendekatan kami terhadap tadbir urus korporat yang termasuk tadbir urus Syariah terkandung dalam Laporan Tahunan ini.

Pernyataan Progresif

Laporan ini mengandungi pernyataan-pernyataan yang berbentuk memandang ke hadapan dari segi prestasi perniagaan dan kewangan Agrobank termasuk strategi, perancangan, matlamat, objektif dan pada kelazimannya, melibatkan risiko dan ketidaktentuan kerana ia berkait dengan kejadian dan bergantung pada keadaan yang mungkin atau mungkin tidak berlaku di masa hadapan. Antara lainnya, ini termasuklah faktor-faktor seperti keadaan ekonomi domestik dan global serta hal-hal berkaitan dasar dan kredit.

Tahun Asas KDNK

Angka-angka berkaitan KDNK laporan tahunan ini dinilai pada harga pasaran 2010 sebagai tahun asas.

Laporan Dalam Talian

Versi atas talian tersedia di <https://www.agrobank.com.my/home/corporate-info/annual-reports/>

Maklum Balas

Kami akan menambah baik pengumpulan dan pengukuran data sebagai sebahagian daripada usaha untuk membuat pendedahan yang lebih terperinci dalam laporan-laporan seterusnya. Kami akan berusaha menambah baik skop pelaporan dan mengalau-alukan maklum balas berhubung laporan ini. Sila hantar sebarang soalan, komen atau cadangan kepada: customer@agrobank.com.my

The Annual Report includes information on our financial and non-financial performance for 2019, our strategy, governance and risk management processes to address risks and opportunities in our operating environment and deliver value for our stakeholders. In the preparation of this report, Agrobank takes guidance and compliance from best practices and the requirements of the Malaysia statutory and reporting frameworks including:

- Bank Negara Malaysia Corporate Governance Policy
- Guidelines on Financial Reporting for Development Financial Institution (DFI)
- Bank Negara Malaysia Policy Documents and Guidelines
- Development Financial Institutions Act 2002
- Companies Act 2016
- Financial Reporting Standards (MFRS)

Governance Report

The Bank adheres to principles of good governance. Details of our Board of Directors and senior management, and our approach to corporate governance which include Shariah governance are included in this Annual Report.

Forward-looking Statements

This report contains forward-looking statements with respect to the business and financial performance of Agrobank including its strategies, plans, goals, objectives and by their nature, involves risk and uncertainty because they relate to events and depend on circumstances that may or may not occur in the future. These may include factors such as global and domestic economic conditions, policy matters, and credit matters, to name a few.

GDP Base Year

This annual report GDP related figures are evaluated at the market prices of 2010 as the base year.

Online Report

The report is available online at <https://www.agrobank.com.my/home/corporate-info/annual-reports/>


Feedback

We will continue to improve our data collection and measurement as part of our effort to produce more detailed disclosures in the subsequent reports. We continually seek to improve our reporting areas and welcome feedback on this report. Please address any questions, comments or suggestions to: customer@agrobank.com.my

Mandat Membangunkan Sektor Pertanian Negara

MANDATED TO SUPPORT THE NATION'S
AGRICULTURE SECTOR





Pertanian merupakan antara sektor penting dalam pembangunan sesebuah negara. Dengan harapan mengukuhkan industri petanian negara, kerajaan menubuhkan Bank Pertanian Malaysia (BPM) pada 1969 dengan objektif untuk membantu pesawah dan petani kecil khususnya di kawasan pedalaman dan luar bandar untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi diri dan keluarga, dan seterusnya membawa perubahan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Bank Pertanian Malaysia Berhad atau Agrobank, pada 2019 meraikan ulang tahun Jubli Emas, menandakan 50 tahun penubuhan Bank. 50 tahun penubuhannya di Malaysia telah diberikan mandat untuk membangunkan industri pertanian di negara ini.

Hari ini, industri agromakanan terus kekal signifikan sebagai salah satu sektor yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Justeru itu, untuk terus relevan dalam menyalurkan perkhidmatannya Agrobank kini bergerak seiring dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi.

Agrobank telah melalui beberapa fasa transformasi sepanjang 50 tahun sejak penubuhan, menepati kehendak perkembangan ekonomi negara dan menyalurkan solusi kewangan kepada pelanggan. Selepas dikorporatkan pada April 2008, Agrobank melalui transformasi secara agresif antara 2012 hingga 2016, termasuk diklasifikasikan sebagai sebuah institusi Perbankan Islam sepenuhnya pada Julai 2015.

Pada 2019, sempena ulang tahun ke-50 kewujudannya, Agrobank memperbaharui visi dan misi untuk memperkasakan pertanian menjangkaui perbankan dengan mengemudi hala tuju Bank yang mengutamakan penghasilan nilai merentasi perbankan untuk mewujudkan nilai yang positif dan lestari untuk sektor dan komuniti pertanian.

Agriculture is one of the important sectors in the development of a country. In the hopes of strengthening the country's agricultural industry, the government established Bank Pertanian Malaysia (BPM) in 1969 with the objective of helping farmers and smallholders, especially in suburbs and rural areas, to improve their socio-economic status, and bring about changes to the country's economic growth.


Bank Pertanian Malaysia Berhad or Agrobank, in 2019 celebrated its Golden Jubilee anniversary, marking 50 years of its establishment in Malaysia with the mandate to develop the agricultural industry in the country.

Today, the agro-food industry continues to remain significant as one of the important sectors in the country's economic growth. As such, to remain relevant in delivering its services Agrobank is moving forward with the passage of time and advancing technological developments.

Agrobank has undergone several phases of transformation over the last 50 years since its inception, meeting the needs of the country's economic development and delivering financial solutions to its customers. After being incorporated in April 2008, Agrobank underwent aggressive reforms between 2012 and 2016, including being classified as a fully Islamic Banking institution in July 2015.

In 2019, in conjunction with the 50th anniversary of its existence, Agrobank renewed its vision and mission to empower agriculture beyond banking by navigating the direction of the Bank which prioritises in creating positive and sustainable values for the agriculture sector and communities.

Imbas Kod QR dengan mengikuti langkah-langkah berikut:
Scan the QR Code by following these simple steps:



Imbas Kod QR untuk ke
Laporan Tahunan Agrobank 2019
Scan QR Code to
Agrobank Annual Report 2019

Muat Turun/Get it

Muat turun Aplikasi Kod QR Reader dari pihak ketiga Google Play (Android Market), Blackberry AppWorld, App Store (iOS/iPhone) atau Windows Phone Store

Download the "QR Code Reader" app from Google Play (Android Market), BlackBerry AppWorld, App Store (iOS/iPhone) or Windows Phone Store



Imbas/Run it

Imbas Aplikasi Kod QR Reader dan halakan kamera di Kod QR

Run the QR Code Reader app and point your camera at the QR Code



Akses/Access it

Dapatkan akses Laporan Tahunan Agrobank 2019 secara atas talian

Get access to Agrobank Annual Report 2019 online



DALAM LAPORAN INI INSIDE THIS REPORT

PEMANGKIN PERTUMBUHAN CATALYSING GROWTH



01

Mengenai Laporan Ini About This Report

Maklumat Korporat Corporate Information

50 Tahun Perjalanan Agrobank 50 Years Milestones on Our Journey

Seimbas Lalu At a Glance

Pemangkin bagi Transformasi Pertanian

- Visi & Misi
 - Nilai Teras
 - Objektif
- Catalyst for Agriculture Transformation
- Vision & Mission
 - Core Values
 - Objectives

Ringkasan Kewangan Lima Tahun Five-Year Financial Summary

Struktur Organisasi Organisational Structure

Acara Korporat Corporate Events

Sorotan Media Media Highlights

6

8

10

14

16

18

20

30

34

44

46

54

60

72

DARIPADA PIHAK ATASAN FROM THE TOP



02

Kenyataan Lembaga Pengarah Statement from the Board

Lembaga Pengarah Board of Directors

Profil Lembaga Pengarah Board of Directors' Profiles

Profil Jawatankuasa Syariah Shariah Committee's Profiles

Profil Jawatankuasa Pengurusan Management Committee's Profiles

Perbincangan dan Analisis Pengurusan Management Discussion and Analysis

72



36



20

MENINGKATKAN NILAI ENHANCING VALUE



03

Berusaha Mengatasi Jangkaan menerusi Perbankan Berasaskan Nilai

94

- Pembangunan Ekonomi
 - Pemerkasaan Sosial
 - Kelestarian Alam Sekitar
- Going The Extra Mile through Value-Based Banking
- Economic Development
 - Social Empowerment
 - Environmental Sustainability

MENCORAK MASA DEPAN SHAPING THE FUTURE



04

Strategi – Penilaian Kedudukan & Maju ke Hadapan
Strategy – Position Assessment & Going Forward

112

BUDAYA & TADBIR URUS CULTURE & GOVERNANCE



05

Penyata Pematuhan

122

Statement on Compliance

Penyata Kawalan Dalaman

128

Statement on Internal Control

Penyata Tadbir Urus Korporat

131

Statement on Corporate Governance

Penyata Pengurusan Risiko

154

Statement on Risk Management

Penyata Tadbir Urus Syariah

164

Statement on Shariah Governance

PENYATA KEWANGAN FINANCIAL STATEMENTS



06

Penyata Kewangan

174

Financial Statements

MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE INFORMATION

LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS

**DATO' DR. MOHAMAD HASHIM AHMAD
TAJUDIN**

(Dilantik/Appointed: 3 Julai/July 2014)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

DATIN SETIA SHAHARIAH HASHIM

(Dilantik/Appointed: 1 Julai/July 2016)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

AZIZAH ABDUL RAHMAN

(Dilantik/Appointed: 1 Julai/July 2016)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

IBRAHIM HASSAN

(Dilantik/Appointed: 1 Mac/March 2017)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

ABDUL RAHIM ABD HADI

(Dilantik/Appointed: 9 Januari/January 2018)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

FAIZAH ABDULLAH

(Dilantik/Appointed: 18 April/April 2017)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

JIT SINGH A/L SANTOK SINGH

(Dilantik/Appointed: 12 Oktober/
October 2018)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

DATO' MOHD SALLEHHUDDIN HASSAN

(Dilantik/Appointed: 15 Mac/March 2019)
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Non-Independent Non-Executive Director

TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL

Pengerusi/Chairman
(Tamat Tempoh/Ceased: 29 Julai/July 2019)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

DR. YUSOF ISMAIL

(Meletak Jawatan/Resigned: 3 Jun/June 2019)
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Non-Independent Non-Executive Director

JAWATANKUASA LEMBAGA KREDIT & PELABURAN/BOARD CREDIT & INVESTMENT COMMITTEE

Pengerusi/Chairman
Faizah Abdullah

Ahli/Members
Dato' Dr. Mohamad Hashim Tajudin
Haji Ibrahim Hassan
Abdul Rahim Abd Hadi

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT/ BOARD AUDIT COMMITTEE

Pengerusi/Chairman
Azizah Abdul Rahman

Ahli/Members
Datin Setia Shahariah Hashim
Jit Singh A/L Santok Singh
Dato' Dr. Yusof Ismail
(Meletak Jawatan/Resigned: 3 Jun/June 2019)
Ibrahim Hassan
(Dilantik/Appointed: 29 Ogos/August 2019)
Abdul Rahim Abd Hadi
(Meletak Jawatan/Resigned: 29 Ogos/
August 2019)

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO/BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE

Pengerusi/Chairman
Ibrahim Hassan

Ahli/Members
Datin Setia Shahariah Hashim
Faizah Abdullah
Jit Singh A/L Santok Singh

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN/NOMINATION AND REMUNERATION COMMITTEE

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan disatukan pada 1 Januari 2019/The Nomination and Remuneration Committees were merged on 1 January 2019

Pengerusi/Chairman
Datin Setia Shahariah Hashim

Ahli/Members
Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin
Dato' Mohd Sallehuddin Hassan
(Dilantik/Appointed: 29 Ogos/August 2019)
Azizah Abdul Rahman
Faizah Abdullah
Ibrahim Hassan
Abdul Rahim Abd Hadi
(Meletak Jawatan/Resigned: 29 Ogos/
August 2019)

JAWATANKUASA LEMBAGA TEKNOLOGI MAKLUMAT/BOARD INFORMATION TECHNOLOGY COMMITTEE

Pengerusi/Chairman
Abdul Rahim Abd Hadi
(Dilantik/Appointed: 1 Mac/March 2018)
Ahli/Members
Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin
Azizah Abdul Rahman
Jit Singh A/L Santok Singh

**JAWATANKUASA STRATEGI/
BOARD STRATEGIC COMMITTEE**
Jawatankuasa ini ditubuhkan pada 1 Januari 2019/
The Committee was established on 1 January 2019

Pengerusi/Chairman
Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin

Ahli/Members
Datin Setia Shahariah Hashim
Ibrahim Hassan
Azizah Abdul Rahman
Dato' Dr. Yusof Ismail
(Meletak Jawatan/Resigned: 3 Jun/June 2019)
Faizah Abdullah
(Meletak Jawatan/Resigned: 23 Oktober/
October 2019)

KUMPULAN PENGURUSAN KANAN/ SENIOR MANAGEMENT TEAM

Khadijah Iskandar*
(Dilantik/Appointed: 27 Jun/June 2019)
Penanggung Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
Covering President/Chief Executive Officer

Kamarul Azman Kamarozaman
(Dilantik/Appointed: 1 Januari/January 2019)
Ketua Pegawai Kewangan
Chief Finance Officer

Zahid Ahmad Zawawi
Ketua Pegawai Operasi
Chief Operations Officer

Ahmad Shahril Mohd Shariff
Ketua Pegawai Bisnes
Chief Business Officer

Mohamad Taufik Mahamad Zakaria
Ketua Pegawai Strategi
Chief Strategy Officer

Mohamad Yusri Abdullah
(Dilantik/Appointed: 10 Jun/June 2019)
Ketua Audit Dalaman
Chief Internal Auditor

Siti Aishah Md Lassim
(Dilantik/Appointed: 1 Oktober/October 2019)
Ketua Pegawai Sumber Manusia
Chief Human Resource Officer

Elina Ahmad
(Dilantik/Appointed: 20 Julai/July 2019)
Pemangku Ketua Pegawai Pematuhan
Acting Chief Compliance Officer

Ah Yong Mun Hoe
(Dilantik/Appointed: 3 Julai/July 2019)
Penanggung Ketua Pegawai Risiko
Covering Chief Risk Officer

Jasni Mohamed Yusoff
(Tamat Perkhidmatan/End of Employment:
19 Februari/February 2019)
Ketua Pegawai Kredit
Chief Credit Officer

Norhana Othman
Setiausaha Syarikat
Company Secretary

Hasrul Farid Hasnan
(Tamat Perkhidmatan/End of Employment:
9 Jun/June 2019)
Ketua Audit Dalaman
Chief Internal Auditor

Tuan Syed Alwi Mohamed Sultan
(Tamat Perkhidmatan/End of Employment:
27 Jun/June 2019)
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
President/Chief Executive Officer

Mad Yusof Yazid
(Tamat Perkhidmatan/End of Employment:
19 Julai/July 2019)
Ketua Pegawai Pematuhan
Chief Compliance Officer

Mohamed Parrish Ersalle Abdul Hameed
(Tamat Perkhidmatan/End of Employment:
2 Ogos/August 2019)
Ketua Pegawai Sumber Manusia
Chief Human Resource Officer

JAWATANKUASA SYARIAH/ SHARIAH COMMITTEE

Pengerusi/Chairman
Prof. Madya Dr. Mohamed Fairooz Abdul Khir

Ahli/Members
Dr. Mohamad Sabri Zakaria
Tuan Haji Jahaidi @ Jahoidi Harun
Tuan Haji Azizi Che Seman
Y.M. Engku Ahmad Fadzil Engku Ali
Dr. Ahmad Dahlan Salleh

* Pada 1 Mei 2017, Khadijah Iskandar dilantik sebagai Ketua Pegawai Risiko. Setelah pelantikan Khadijah Iskandar sebagai Penanggung Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif pada 27 Jun 2019, Ah Yong Mun Hoe telah dilantik sebagai Penanggung Ketua Pegawai Risiko pada 3 Julai 2020./On 1 May 2017, Khadijah Iskandar was appointed as Chief Risk Officer (CRO). Upon appointment of Khadijah Iskandar as Covering P/CEO on 27 June 2019, Ah Yong Mun Hoe has been appointed as Covering CRO on 3 July 2020.

50 TAHUN PERJALANAN AGROBANK

50 YEARS MILESTONES ON OUR JOURNEY

Dalam 50 tahun menerajui perkhidmatan perbankan dalam industri pertanian, Agrobank telah melalui pelbagai fasa transisi seiring dengan perkembangan semasa, memikul mandat kerajaan untuk terus memperkasakan sektor pertanian negara.

Penubuhan Agrobank merupakan asas kepada inisiatif strategik kepada pembangunan ekonomi negara. Melihat kepada fasa-fasa pertumbuhan dan transformasi yang telah dilalui sepanjang 50 tahun ini, perjalanan Agrobank bergerak seiring dengan pembangunan lima dekad Malaysia.

Pada 2019, visi dan misi Agrobank diperbaharui agar terus kekal relevan untuk 50 tahun akan datang dan seterusnya.

In its 50 years of leading banking services in the agricultural industry, Agrobank has gone through various phases of transition in line with current developments, serving the government's mandate to further empower the country's agricultural sector.

The establishment of Agrobank is a fundamental strategic initiative towards the economic development of the country. Looking at the phases of growth and transformation through these 50 years, Agrobank's journey mirrored Malaysia's five decades of development.

In 2019, Agrobank's vision and mission were renewed to remain relevant for the next 50 years and beyond.



Imbas Kod QR untuk maklumat lanjut mengenai 50 Tahun Perjalanan Agrobank
Scan QR Code to find out more about 50 Years Milestones of Agrobank

1969 ➤ 1980

1969



- Bank Pertanian Malaysia ditubuhkan
The establishment of Bank Pertanian Malaysia
- Projek awal untuk pembiayaan projek pengairan di Kedah dan Perlis di bawah MADA
BPM introduced the Short-term Paddy Production Credit Scheme in Kedah and Perlis, under the administration of MADA

1976

- Bangunan ibu pejabat di Lebuh Pasar Besar, Kuala Lumpur mula dibina
The construction of the Bank's head office in Lebuh Pasar Besar had begun



2003

- Pelancaran laman sesawang <http://www.bpm.com.my> dibuka untuk kegunaan umum
BPM's website, <http://www.bpm.com.my> was officially launched for public engagement
- Pelancaran Skim Kredit Mikro
Launch of Micro Credit Scheme

2005

- Penggunaan kad ATM BPM diperluaskan ke rangkaian MEPS ATM di seluruh negara
The use of BPM's ATM Card was broadened to the entire country via the MEPS ATM network

2006 ➤ 2011

2007

- Proses pengkorporatan bermula selepas draf Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad diluluskan pada 12 September 2007
Corporatisation exercise began to take shape after the drafting of the Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB) Act was approved on 12 September 2007
- Pelancaran surat wasiat, kerjasama antara Bank Pertanian Malaysia dan Amanah Raya Berhad
Launch of the collaboration between BPM and Amanah Raya Berhad on will writing

2016

- Pembiayaan pertama khusus untuk Orang Kurang Upaya (OKU) – Agro Bakti
Agro Bakti, the first financing programme dedicated to persons with disabilities (PWDs) was launched
- Pelancaran Pusat Pembiayaan Komersial Agrobank yang pertama di Cameron Highlands
Agrobank's first Commercial Financing Centre was launched in Cameron Highlands

- Pelancaran kajian kes Agrobank sebagai FFIB di Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) ke-12 di Jakarta, Indonesia
A case study on Agrobank as an FFIB was launched at the 12th World Islamic Economic Forum (WIEF) in Jakarta, Indonesia



1978

- Bangunan ibu pejabat Bank Pertanian Malaysia siap dibina dan menempatkan semua warga kerja bank (kecuali cawangan) BPM's headquarters building was completed and ready to be occupied by its entire workforce (except branch staff)

1980

- Bank Pertanian Malaysia menjadi institusi kewangan terbesar di Malaysia yang memberi pembiayaan kepada sektor pertanian BPM emerged as the biggest financial institution providing financing to the agricultural sector in Malaysia



2008



- 1 April 2008, Bank Pertanian Malaysia dikorporatkan dan dikenali secara komersial sebagai Agrobank
1 April 2008, BPM was corporatised and commercially known as Agrobank
- Anugerah Pohon Pengidup-Top DFI 2008 daripada Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)
Garnered the Top DFI 2008 Award from Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)

2010

- Agrobank menerima anugerah "Emerging Bank of the Year" di Malaysia Business Leadership Awards 2010
Agrobank received the 'Emerging Bank of the Year' Award at the Malaysian Business Leadership Awards 2010



1993 ➤ 2005

2012 ➤ 2016

2017 ➤ 2019

2017

- Pelancaran Agro Nurani – produk takaful pertama untuk OKU
The first takaful scheme for PWDs known as Agro Nurani was launched
- Pelancaran Program Pembiayaan Berkelompok Cili Fertigasi-i, PPK Kuala Langat Chilli Fertigation Group Financing-i was introduced to members of PPK Kuala Langat
- Perasmian Pembiayaan Korporat Agrobank yang pertama di Kuching, Sarawak
The inauguration of Agrobank's first Corporate Banking Centre in Kuching, Sarawak
- Perasmian Pusat Pembiayaan Komersial Agrobank di Hutan Melintang, Perak
The inauguration of Agrobank's Commercial Financing Centre in Hutan Melintang, Perak



1993

- PATRIOT menjadi trademark Skim Perkhidmatan dan Skim Simpanan Bank Pertanian Malaysia
- PATRIOT became the trademark for BPM's Savings and Deposit Scheme



1994

- Pembukaan bersejarah PATRIOT Rejang di Sarawak, sebuah bank terapung pertama di Malaysia
- PATRIOT Rejang was launched in Sarawak, making history as the first floating bank in Malaysia*



2000

- Pengenalan PATRIOT Al-Wadiah dan Al-Mudharabah
- Introduction of the PATRIOT Al-Wadiah and Al-Mudharabah*



2012

- Pelancaran produk Agrobank Paddy-i dan Paddy Cash-i
- Launch of Agrobank's Paddy-i and Paddy Cash-i*
- Pengenalan khidmat atas talian Agronet
- Introduction of the Agronet online service*



2014

- Pelancaran Trade Finance (Pembiayaan Perdagangan)
- Launch of Trade Finance*
- FDI pertama yang melafazkan Ikrar Integriti Korporat (CIP)
- The first FDI to undertake the Corporate Integrity Pledge (CIP)*

2015

- Diiktiraf sebagai "The Upcoming Islamic Bank" oleh Global Financial Awards (GIFA) di Manama, Bahrain
- Acknowledged as the Upcoming Islamic Bank 2015 at the Global Islamic Finance Award (GIFA) ceremony held in Manama, Bahrain*
- Pelancaran Agro Debit Visa-i, kad debit patuh syariah yang pertama di Asia Pasifik
- Launch of the first Shariah compliant debit card in Asia-Pacific, the AGRO Visa Debit-i*
- Agrobank menjadi sebuah Institusi Perbankan Islam sepenuhnya (FFIB)
- Agrobank became a Full-Fledged Islamic Bank (FFIB) on 1 July 2015*

2018

- Agro Nisa'-i Pembiayaan Mikro untuk wanita secara berkumpulan
- The Agro Nisaa'-i Micro Financing Programme specifically for women agropreneurs was launched*



2019

- Program Agro Nisa'-i Pembiayaan Mikro dengan kerjasama strategic bersama Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT)
- Agrobank inked a strategic partnership agreement with the National Fishermen's Association (NEKMAT) in providing the Agro Nisaa'-i Microfinancing Programme*



- Larian Agrobank 50 Tahun di Kedah, sempena ulang tahun ke-50
- Held the Agrobank 50-Year Run in Kedah, in honor of its 50th anniversary*

- Pelancaran Visi dan Misi baharu Agrobank pada Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun ke-50
- Launch of Agrobank's new Vision and Mission during the 50th Anniversary Dinner celebrations*

- Program Keusahawanan Asnaf, kerjasama bersama rakan strategic untuk memperkasakan kumpulan B40
- Established the Asnaf Entrepreneurship Programme, in cooperation with strategic partners, to empower the B40 group*

SEIMBAS LALU AT A GLANCE

AGROBANK DI SELURUH NEGARA


Komitmen berterusan bagi mengukuhkan kehadiran kami

65% cawangan Agrobank terletak di kawasan luar bandar demi memastikan komuniti pertanian dan golongan yang kurang mendapat liputan mempunyai **akses perkhidmatan kewangan yang meluas**.

OUR NATIONWIDE FOOTPRINT

Continuous commitment to strengthen geographical presence

65% of Agrobank's branches are located in rural areas for marginalised and agriculture communities' convenient accessibility.



1969



Ditubuhkan sebagai **Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPM)**

Established as **Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPM)**

2008



- Dikorporatkan dan dikenali secara komersial sebagai **Agrobank**
- Milik penuh Kementerian Kewangan (MOF)
- Corporatisation as **Agrobank**
- Wholly owned by Ministry of Finance (MOF)

2015



Menjadi Perbankan Islam **sepenuhnya**
Full-fledged Islamic Bank

WILAYAH/REGION 6 Penang/Kedah/Perlis

24 Cawangan/Branches
1 Pusat Komersial/Commercial Centre
134 Ejen Perbankan/AGROAgents

WILAYAH/REGION 1 Melaka/Johor

21 Cawangan/Branches/Kiosks
1 Pusat Komersial/Commercial Centre
160 Ejen Perbankan/AGROAgents

WILAYAH/REGION 3 Perak

23 Cawangan/Branches/Kiosks
3 Pusat Komersial/Commercial Centre
167 Ejen Perbankan/AGROAgents

WILAYAH/REGION 4 Kelantan/Terengganu

24 Cawangan/Branches
1 Pusat Komersial/Commercial Centre
231 Ejen Perbankan/AGROAgents

WILAYAH/REGION 2 KL/Selangor/Negeri Sembilan

31 Cawangan/Branches/Kiosks
1 Pusat Komersial/Commercial Centre
107 Ejen Perbankan/AGROAgents

WILAYAH/REGION 5 Pahang

19 Cawangan/Branches
1 Pusat Komersial/Commercial Centre
104 Ejen Perbankan/AGROAgents

MALAYSIA

192 ➔ Cawangan
Branches/Kiosks

1,197 ➔ Ejen Perbankan
AGROAgents

8

7

WILAYAH/REGION 7 Sarawak

22 Cawangan/Branches
1 Pusat Komersial/Commercial Centre
128 Ejen Perbankan/AGROAgents

WILAYAH/REGION 8 Sabah

18 Cawangan/Branches
1 Pusat Komersial/Commercial Centre
166 Ejen Perbankan/AGROAgents

PEMERKASAAN SOSIAL

Mempertingkatkan taraf sosial dengan memenuhi keperluan sosioekonomi bagi komuniti pertanian, dan mempertingkatkan taraf kehidupan golongan terbiasa terutamanya komuniti luar bandar dan terpinggir, dengan menjalankan aktiviti tanggungjawab sosial korporat dan aktiviti sosioekonomi lain yang berkaitan

SOCIAL EMPOWERMENT

Enrich social well-being by addressing the socio-economic needs of the agriculture community and uplift the lives of the marginalised community especially in rural communities through our brand of corporate social responsibility activities and socio-economic related activities

PEMBANGUNAN EKONOMI

Mendorong pertumbuhan industri pertanian yang berdaya maju dengan memanfaatkan peranan Bank sebagai pengantara kredit dan pelaburan, untuk menyediakan penyelesaian kewangan yang disesuaikan kepada kumpulan pelanggan yang disasarkan termasuk peladang kecil-kecilan, orang asli dan usahawan wanita

ECONOMIC DEVELOPMENT

Supports viable growth of the agriculture industry through its role as a credit and investment intermediary by offering financial solutions tailored to its target group of customers including smallholder farmers, indigenous people and women agropreneurs

KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Menggalakkan penerapan amalan-amalan terbaik dalam aktiviti pertanian, yang bertujuan mencapai sasaran jaminan makanan, sambil memastikan kesimbangan dalam amalan-amalan pertanian mapan untuk menghasilkan makanan menerusi sistem pengeluaran yang selamat, bersih, dan cepat

ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY

Promote best-practice agriculture activities that is geared towards achieving food security targets while balancing against sustainable agriculture practices to produce food in a safe, clean and efficient production system

Prinsip VBI Agrobank


Prinsip bersepadu sebagai panduan kepada Agrobank bagi menghasilkan nilai yang positif dan kesan lestari untuk sektor dan komuniti pertanian

Agrobank's VBI Principles

Overarching principle on how Agrobank drives positive value and sustainable impact for the agriculture sector and its communities

Revolusi Pertanian

THE AGRICULTURE REVOLUTION



Apabila Malaysia mencapai Kemerdekaan pada tahun 1957, Allahyarham Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein yang ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri (1957-1970), mengharapkan agar kawasan bandar dan luar bandar dibangunkan secara serentak untuk menjana pertumbuhan sosio-ekonomi negara. Beliau yakin pertanian adalah penyelesaian kepada masalah kemiskinan di luar bandar.

Umumnya beliau terkenal dengan gelaran “Bapa Pembangunan” negara, namun, di dunia pertanian, beliaulah pencetus kepada Revolusi Pertanian. Tun Abdul Razak menekankan pentingnya hasil sumber pertanian, sama seperti hasil galian negara lain seperti timah dan petroleum. Justeru itu, beliau mewujudkan beberapa agensi berkaitan pertanian bagi merealisasikan visi beliau untuk membangunkan industri pertanian negara.

BPM merupakan antara agensi penting yang telah ditubuhkan pada era kepimpinan Tun Abdul Razak yang bertujuan untuk memastikan pembangunan sektor pertanian dapat dilaksanakan khususnya dalam menyalurkan solusi kewangan kepada golongan pesawah padi. Mandat yang diberikan itu terus menjadi pegangan Agrobank sehingga kini.

When Malaysia achieved its independence in 1957, the late Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein, the then Prime Minister (1957-1970), emphasised that urban and rural areas should be developed simultaneously to enable the country's socio-economic growth. He believed agriculture was the solution to the problem of rural poverty.

He is generally known as the country's "Father of Development," but, in the agricultural world, he was the catalyst for the Agricultural Revolution. Tun Abdul Razak prioritised the importance of agricultural produce, and other minerals such as tin and petroleum. As a result, he set up several agriculture-related agencies to rationalise his vision for developing the country's agricultural industry.

BPM was one of the key agencies established in the era of Tun Abdul Razak's leadership aimed at ensuring the development of the agricultural sector, especially in providing financial solutions to rice farmers. This mandate continues to be held by Agrobank to this day.

PEMANGKIN BAGI TRANSFORMASI PERTANIAN

CATALYST FOR AGRICULTURE TRANSFORMATION

**MEMPERKASAKAN
PERTANIAN MELANGKAUI
PERBANKAN**

**ADVANCING
AGRICULTURE BEYOND
BANKING**

**VISI
VISION**

Meningkatkan taraf pertanian dan menyediakan sokongan berterusan untuk manfaat komuniti, ekonomi dan pemegang taruh

Elevating the standards of agriculture and providing sustained supports that create values to communities, economy, environment and stakeholders

MISI MISSION

**OBJEKTIF
OBJECTIVES**

- Menggalakkan pembangunan pertanian Malaysia yang kukuh
To promote Malaysia's agricultural development
- Menyelaras dan menyelia pemberian kredit daripada dana awam untuk tujuan pertanian oleh pelbagai orang atau kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak
To co-ordinate and supervise the grant of credit from public funds for agricultural purposes by the various persons or bodies of persons whether incorporate or unincorporate
- Menyediakan pembiayaan, pendahuluan dan kemudahan kredit untuk pembangunan pertanian dan perniagaan berkaitan pertanian
To provide financing, advances, and other credit facilities for the development of the agriculture sector and agriculture related business
- Menggalakkan simpanan dengan mengutamakan sektor pertanian dan demi memajukan objektif ini, menerima simpanan dan deposit masa
To mobilise savings with particular regard to the agricultural sector and in furtherance of this object to accept savings and time deposits
- Meningkatkan kesejahteraan komuniti pertanian
To uplift the well-being of the agricultural community
- Melaksanakan perniagaan am institusi perkhidmatan kewangan yang moden dan progresif yang menyediakan keperluan kewangan menyeluruh kepada pelanggannya
To carry on the general business of a modern and progressive financial services institution catering for the total financial needs of its customers

NILAI TERAS CORE VALUES




RINGKASAN KEWANGAN LIMA TAHUN

FIVE-YEAR FINANCIAL SUMMARY

Tahun berakhir 31 Disember/Year ended 31 December	2019	2018	2017	2016	2015
KEUNTUNGAN (RM juta)/PROFITABILITY (RM million)					
Keuntungan operasi/Operating profit	230.0	211.3	157.7	177.8	201.9
Keuntungan sebelum cukai dan zakat/Profit before tax and zakat	205.4	190.3	230.6	197.9	165.0
DATA PENTING KEDUDUKAN KEWANGAN (RM juta)/ KEY FINANCIAL POSITION DATA (RM million)					
Jumlah aset/Total assets	16,887.2	16,244.9	15,208.4	13,937.6	12,292.7
Pembiayaan dan pendahuluan (bersih)/Financing and advances (net)	11,467.3	10,431.2	9,173.9	8,270.9	6,986.7
Jumlah liabiliti/Total liabilities	13,747.1	13,322.5	12,411.5	11,315.5	9,808.3
Deposit dan simpanan pelanggan/Deposits from customers	7,557.6	7,620.3	7,589.4	7,044.9	5,905.0
Deposit dan simpanan bank dan institusi kewangan lain/Deposit and placement of banks and other financial institutions	3,280.2	2,990.2	2,180.1	1,623.3	1,135.7
Modal berbayar/Paid-up capital	1,000.0	1,000.0	1,000.0	1,000.0	1,000.0
Ekuiti/Equity	3,140.1	2,922.4	2,796.9	2,622.0	2,484.4
Komitmen dan luar jangka/Commitments and contingencies	1,057.7	1,059.5	6,712.1	6,732.5	6,646.9
NISBAH KEWANGAN (%)/FINANCIAL RATIOS (%)					
Nisbah Keuntungan/Profitability Ratios					
Pulangan atas ekuiti (sebelum cukai)/Return on equity (before tax)	6.5	6.5	8.2	7.5	6.6
Pulangan atas aset purata (sebelum cukai)/Return on average assets (before tax)	1.2	1.2	1.5	1.4	1.3
Nisbah kos pendapatan/Cost to income ratio	62.7	64.2	69.6	58.3	62.2
Nisbah Kualiti Aset/Asset Quality Ratios					
Nisbah pembiayaan kepada deposit/Financing to deposit ratio	87.6	81.9	78.5	78.8	78.9
Nisbah pembiayaan terjejas kasar/Gross impaired financing ratio	4.3	4.1	4.5	5.2	6.6
Perlindungan kerugian pembiayaan/Financing loss coverage	78.5	86.4	100.2	100.6	100.8
Nisbah Kecukupan Modal/Capital Adequacy Ratios					
Sebelum menolak dividen yang dicadangkan/Before deducting proposed dividends					
Nisbah modal teras/Core capital ratio	22.7	23.1	24.9	24.9	27.3
Nisbah modal berwajaran risiko/Risk-weighted capital ratio	26.1	26.5	29.0	29.4	32.5
Asas modal (RM juta)/Capital base (RM million)	3,478.3	3,294.2	3,265.8	3,104.7	2,964.8
Modal kumpulan 1 (RM juta)/Tier 1 capital (RM million)	3,020.0	2,880.1	2,810.2	2,630.4	2,486.8
Modal kumpulan 2 (RM juta)/Tier 2 capital (RM million)	458.3	414.1	455.6	474.3	478.0
NISBAH PRODUKTIVITI/PRODUCTIVITY RATIOS					
Bilangan kakitangan/No. of employees	3,552	3,430	3,454	3,381	3,102
Pembiayaan kasar bagi setiap kakitangan (RM juta)/Gross financing per employee (RM million)	3.3	3.1	2.8	2.6	2.4
Deposit bagi setiap kakitangan (RM juta)/Deposits per employee (RM million)	3.1	3.1	2.8	2.6	2.3
Keuntungan sebelum cukai bagi setiap kakitangan (RM juta)/Profit before tax per employee (RM million)	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1


PEMBIAYAAN DAN PENDAHULUAN (BERSIH)
 FINANCING AND ADVANCES (NET)
 (RM JUTA/MILLION)

9.9% 




KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT
 PROFIT BEFORE TAX AND ZAKAT
 (RM JUTA/MILLION)

7.9% 




EKUITI PEMEGANG SAHAM
 SHAREHOLDER'S EQUITY
 (RM JUTA/MILLION)

7.4% 




PULANGAN ATAS ASET PURATA (SEBELUM CUKAI)
 RETURN ON AVERAGE ASSETS (BEFORE TAX)
 (%)

Tidak Berubah
 Unchanged




NISBAH MODAL BERWAJARAN RISIKO
 RISK-WEIGHTED CAPITAL RATIO
 (%)

1.5% 



PULANGAN ATAS EKUITI (SEBELUM CUKAI)
 RETURN ON EQUITY (BEFORE TAX)
 (%)


Tidak Berubah
 Unchanged




STRUKTUR ORGANISASI

ORGANISATIONAL STRUCTURE

AS OF FEBRUARY 2020





ACARA KORPORAT

CORPORATE EVENTS

JANUARI
JANUARY



24 JANUARI/JANUARY 2019

PROGRAM KONVOI JELAJAH 50 TAHUN AGROBANK

Konvoi Jelajah 50 Tahun Agrobank merupakan program pertama yang dianjurkan sempena sambutan 50 tahun Agrobank. Konvoi bermotosikal yang bermula dari ibu pejabat Agrobank Kuala Lumpur, merentasi tujuh (7) buah negeri di utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia melibatkan jarak perjalanan sejauh 1,555km. Tujuh buah negeri terbabit ialah Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Perjalanan telah bermula pada 24 Januari dan berakhir pada 30 Januari 2019 melibatkan 14 orang kakitangan Bank yang turut menyertai program-program Bank bersama komuniti setempat di destinasi-destinasi persinggahan konvoi anjuran cawangan-cawangan Bank.

Agrobank's 'Jelajah 50 Tahun' is the first programme organised in conjunction with Agrobank's 50th anniversary. The motorcycle convoy, kicked off from Bank's headquarters in Kuala Lumpur, travelled across seven (7) states north and east coast of Peninsular Malaysia covering a distance of 1,555km. The seven states are Perak, Penang, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu and Pahang. Fourteen (14) bikers consisting of the Bank's employees participated in the journey which began on 24 January and ended on 30 January 2019. The convoy made pit stops at scheduled destinations at each state to take part in the local communities programmes arranged by the Bank's branches.



27 JANUARI/JANUARY 2019

PROGRAM KOMUNITI AGROBANK DI GUAR CHEMPEDAK

Program Komuniti Agrobank dianjurkan untuk penduduk tempatan di Guar Chempedak, Kedah sempena sambutan ulang tahun ke-50 Agrobank. Kedah dipilih sebagai lokasi pertama program tersebut sebagai simbolik titik permulaan Agrobank sebagai institusi kewangan pertama khusus untuk industri pertanian. Kira-kira 500 penduduk sekitar Guar Chempedak hadir meraikan program yang dirasmikan oleh YB Azman Nasrudin, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Kedah.

Agrobank Community Programme was organised for local residents in Guar Chempedak, Kedah in celebration of Agrobank's 50th anniversary. Kedah was selected as the first location to organise the community programme as the state marks Agrobank's starting point as a financial institution for the agricultural industry. About 500 guest consisting residents from Guar Chempedak witnessed the event which was officiated by Kedah state's Agriculture and Agro-Based Industry Exco Member, YB Azman Nasrudin.



MAC
MARCH



14 MAC/MARCH 2019

DIALOG NIAGA AGROBANK (DNA)

DNA 2019 dengan topik perbincangan "Memperkuatkan Ekonomi Dan Mencipta Kekayaan Melalui Bisnes Agro" mendapat sambutan memberangsangkan daripada lebih 300 orang tetamu daripada pelbagai latar belakang termasuk industri pertanian hadir untuk berkongsi idea, pendapat dan

membincangkan hala tuju pertanian negara. Forum tersebut dikendalikan oleh Nazri Kahar, Penerbit Eksekutif Astro Awani; dengan barisan panel terdiri daripada Dato' Mohd Sallehuddin Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Syed Alwi Mohamed Sultan, Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank; Mazlina Kamaruddin, Ketua Pegawai Eksekutif Bismi Empire Sdn. Bhd.; Rubiah Mohamed, Pengarah Urusan Doana Frozen Food dan Munir Ashim Abdullah, Pengasas GrasiCili.

2019 DNA with the topic "Strengthening The Economy And Creating Wealth Through Agro Business" was attended by 300 guests of various backgrounds from the agriculture industry sharing ideas, opinions and discussing the way forward for the nation's agricultural industry and food sector. The business forum was hosted by Nazri Kahar, Executive Producer of Astro Awani and among the panel line-up of the forum were, Dato' Mohd Sallehuddin Hassan, Secretary General of Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry; Syed Alwi Mohamed Sultan, President/Chief Executive Officer of Agrobank; Mazlina Kamaruddin, Chief Executive Officer of Bismi Empire Sdn. Bhd.; Rubiah Mohamed, Managing Director of Doana Frozen Food and Munir Ashim Abdullah, Founder of GrasiCili.



APRIL
APRIL

4 APRIL/APRIL 2019

KARNIVAL KEWANGAN TERENGGANU

Karnival Kewangan Terengganu anjuran Bank Negara Malaysia (BNM) yang berlangsung pada 4 - 6 April bertempat di TH Convention Center, Kuala Terengganu ini disertai oleh 45 buah institusi kewangan dan agensi kerajaan termasuk Agrobank. Karnival dengan tema 'Utamakan Keperluan Kewangan Anda' ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kewangan dan menyediakan perkhidmatan kewangan kepada penduduk pantai timur. Agrobank juga terlibat dengan siri jelajah karnival kewangan di 11 lokasi di Pahang, Terengganu dan Kelantan sebagai sebahagian daripada aktiviti promosi sebelum karnival berlangsung.



The carnival which was organised by Bank Negara Malaysia (BNM) was held from 4 - 6 April 2019 at the TH Convention Center in Kuala Terengganu and was attended by 45 financial institutions and government agencies including Agrobank. The carnival with the theme 'Prioritising Your Financial Needs' aimed to raise financial awareness and provide financial services to the east coast people. Agrobank was also involved in a series of financial carnival tours at 11 locations in Pahang, Terengganu and Kelantan as part of promotional activities before the carnival kicked off.

ACARA KORPORAT CORPORATE EVENTS



7 APRIL/APRIL 2019

AGENDA AGRO DI TERENGGANU

'Agenda Agro: Prospek dan Peluang dalam Sektor Pertanian' diadakan di Kuala Terengganu, Terengganu. Program ini dihadiri lebih 170 tetamu terdiri daripada pelanggan Agrobank dan usahawan. Program ini merupakan inisiatif Agrobank untuk berkongsi peluang dan maklumat terkini mengenai sektor pertanian dan industri asas tani negara.

'Agro Agenda: Prospects and Opportunities in the Agricultural Sector' was held in Kuala Terengganu, Terengganu. The programme was attended by over 170 guests comprising Agrobank customers and entrepreneurs. This programme is an initiative to share opportunities and updates on the agricultural sector and agro-based industries in the country.



16 MEI/MAY 2019

PROGRAM KASIH RAMADAN

Agrobank berkongsi rezeki dengan 72 orang anak-anak asnaf dari Pertubuhan Baitul Ehsan Al-Khairi. Selain membantu memilih baju raya pilihan, anak-anak ini turut diberikan pendekaran mengenai pentingnya pengurusan kewangan secara berhemah menerusi Program Celik Wang Agrobank. Kesemua mereka turut dibawa melawat Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia sebelum berbuka puasa di Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur. Mereka turut menerima sumbangan duit raya yang disampaikan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Syed Alwi Mohamed Sultan. Kasih Ramadan merupakan program CSR tahunan Agrobank di bulan Ramadan.



Agrobank shared its prosperity with 72 underprivileged children of asnf families from the Baitul Ehsan Al-Khairi organisation. Besides helping them choose their Raya outfits, the Bank provided these kids knowledge on the importance of sound financial management through the Programme Celik Wang Agrobank. They were also brought to visit the Bank Negara Malaysia Museum and Art Gallery before breaking their fast at Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur. In addition, they received cash donations from the Bank's President/Chief Executive Officer, Syed Alwi Mohamed Sultan. Ramadan Care is Agrobank's annual CSR programme held during the month of Ramadan.



29 MEI/MAY 2019

ZAKAT KEPADA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

Agrobank telah menyampaikan sumbangan zakat berjumlah RM354,250 pada majlis 'Ihya Ramadhan' DYMM Sultan Selangor bersama rakyat. DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan menerima bayaran zakat perniagaan daripada Agrobank yang disampaikan oleh Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Pengurus Lembaga Pengarah Agrobank. Turut berangkat ke majlis berkenaan adalah Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda Selangor; YB Mohamad Sabu, Menteri Pertahanan dan Datuk Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor.

Agrobank contributed zakat amounting to RM354,250 during the Sultan of Selangor's 'Ihya Ramadhan' ceremony with state citizens. DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj accepted Agrobank's business zakat payment presented by Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Chairman of Agrobank's Board. Also present at the function were Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda of Selangor; YB Mohamad Sabu, Defense Minister and Datuk Seri Amirudin Shari, Selangor Chief Minister.



30 MEI/MAY 2019

ZAKAT KEPADA PERBADANAN BAITULMAL NEGERI SEMBILAN

Agrobank telah menyampaikan sumbangan zakat sebanyak RM71,055 kepada Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan. DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir berkenan menerima sumbangan zakat yang disampaikan oleh Kamarul Azman Kamarozaman, Ketua Pegawai Kewangan Agrobank.

Agrobank contributed zakat amounting to RM71,055 to the Baitulmal Corporation of Negeri Sembilan. His Majesty, the Sultan of Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir accepted the zakat contribution presented by Kamarul Azman Kamarozaman, Chief Financial Officer of Agrobank.

ACARA KORPORAT CORPORATE EVENTS



20 JUN/JUNE 2019

MAJLIS KORPORAT RAYA AGROBANK

Agrobank meraikan kira-kira 1,200 tetamu daripada pelbagai agensi dan latar belakang sempena sambutan rumah terbuka Aidilfitri yang diadakan di MAEPS Serdang. Antara yang hadir adalah jemputan dari Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani, Bank Negara Malaysia, agensi-agensi kerajaan dan swasta, pihak berkepentingan Bank, para pelanggan dan rakan-rakan media. Agrobank turut menyampaikan sumbangan zakat berjumlah RM104,500 kepada golongan asnaf dan anak-anak yatim daripada lima (5) buah pertubuhan. Anak-anak yatim yang hadir menerima sumbangan duit raya oleh YB Sim Tze Tzin, Timbalan Menteri Pertanian & Industri Asas Tani, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Penggerusi Agrobank dan Syed Alwi Mohamed Sultan, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank.

Agrobank welcomed about 1,200 guests from diverse agencies and backgrounds to our Aidilfitri open house celebrations held at MAEPS Serdang. Among those in attendance were representatives from the Ministry of Finance, Ministry of Agriculture & Agro-based Industry, Bank Negara Malaysia, other government and private agencies, the Bank's various stakeholders, customers and media partners. Agrobank presented zakat contribution of RM104,500 to underprivileged children and orphans from five (5) establishments. The orphans were presented with duit raya by YB Sim Tze Tzin, Deputy Minister of Agriculture & Agro-based Industry, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Chairman of Agrobank's Board and Syed Alwi Mohamed Sultan, President/Chief Executive Officer of Agrobank.



20 JUN/JUNE 2019

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH UTAMA KEMPEN 'KITA -KITA AJE'

Agrobank menyampaikan hadiah kepada tujuh (7) orang pemenang kempen 'Kita-kita Aje'. Dua (2) pemenang utama membawa pulang hadiah berupa jongkong emas 999.9 seberat 1kg dan sebuah Honda HRV 1.8L. Kempen Kita-Kita Aje' yang telah berlangsung antara 1 Jun 2018 sehingga 31 Mac 2019, merupakan salah satu inisiatif bank untuk mempromosikan produk berasaskan fi seperti AgroCash-i, Hartani-i, Ar-Rahnu, Takaful Kasih Plus, Agro Mabrus-i, Agro Nurani, Agro Madani dan penulisan Wasiat.

Agrobank presented prizes to seven (7) winners of the 'Kita-kita Aje' campaign. The top two (2) winners brought home gifts of 999.9 gold bars weighing 1kg and a Honda HRV 1.8L. The 'Kita-kita Aje' campaign, held between 1 June 2018 until 31 March 2019, was one of the Bank's initiatives to promote fee-based products like AgroCash-i, Hartani-i, Ar-Rahnu, Takaful Kasih Plus, Agro Mabrus-i, Agro Nurani, Agro Madani and will writing services.

JULAI
JULY



27 JULAI/JULY 2019

LARIAN 50 TAHUN AGROBANK

Sektor pertanian di Malaysia meningkat sebanyak 1.8% pada 2019 daripada pertumbuhan minimum 0.1% pada 2018, sebahagiannya disebabkan peningkatan hasil minyak sawit (1.5%) dan pertumbuhan mantap dalam sub-sektor agromakanan (3.9%) berikutan kelembapan eksport minyak sawit mentah (CPO) dan harga komoditi yang tidak stabil, menghasilkan nilai output lebih tinggi sebanyak RM101.3 bilion. Di sebalik pertumbuhan positif ini, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK berkurang kepada 7.1% pada 2019 (2018:7.3%). Sungguhpun sumbangannya kepada KDNK negara agak kecil, sektor pertanian terus signifikan dalam mencapai sekuriti dan keselamatan makanan negara serta meningkatkan kesejahteraan komuniti luar bandar.

Segmen komoditi mewakili 50.1% daripada KDNK pertanian manakala agromakanan adalah sebanyak 49.9% pada 2019. Pemulihan dalam prestasi sub-sektor minyak sawit pada 2019 sebanyak 1.5% (2018: -1.8%) yang menyumbang 37.8% kepada KDNK pertanian adalah output lebih tinggi daripada peningkatan hasil buah tandan segar (FFB). Sektor agromakanan, yang mewakili 49.9% daripada KDNK pertanian, meningkat sederhana sebanyak 3.9% pada 2019 (2018: 4.0%), disokong oleh pengembangan dalam sub-sektor tanaman makanan (5.1%) dan peningkatan dalam sub-sektor ternakan (6.4%) tetapi menyaksikan penurunan dalam sub-sektor perikanan (-1.3%). Peningkatan dalam penggunaan makanan disebabkan oleh pertambahan penduduk dan kenaikan pendapatan yang sederhana, di sebalik keadaan iklim yang tidak optimum bagaimanapun telah menyumbang kepada pertumbuhan mantap dalam agromakanan. Sub-sektor agromakanan telah berkembang pada purata 3.2% setahun dalam lima tahun lalu, dengan sumbangannya kepada KDNK meningkat daripada 45.3% pada 2015 kepada 49.9% pada 2019 apabila pertumbuhan agromakanan mengatasi sub-sektor komoditi yang sedang dalam tempoh matang.


Agriculture Sector Review 2019

The agriculture sector in Malaysia rose by 1.8% in 2019 from a minimal 0.1% growth in 2018, partly attributed to rising palm oil output (1.5%) and steady growth in the agro-food sub-sector (3.9%) amid sluggish crude palm oil (CPO) exports and volatile commodity prices, resulting in a higher output value worth RM101.3 billion. Despite the positive growth, the agriculture sector's contribution to GDP decreased to 7.1% in 2019 (2018:7.3%). While its contribution to GDP is relatively small, the agriculture sector continued to be significant towards achieving national food security and safety and uplifting the well-being of the rural community.

The commodities segment represented 50.1% of agriculture GDP while agro-food made up 49.9% share in 2019. The recovery in the performance of the palm oil sub-sector in 2019 of 1.5% (2018: -1.8%), which contributed 37.8% to agriculture GDP, was anchored by higher output due to rising fresh fruit bunches (FFB) yield. The agro-food sector, representing 49.9% of agriculture GDP, grew modestly at 3.9% in 2019 (2018: 4.0%), buoyed by further expansion in food crops (5.1%) and steady increase in livestock (6.4%) sub-sectors amid decline in fishery sub-sector (-1.3%). The rise in food consumption, driven by a growing population and modest increment in incomes amid moderate weather, contributed to the steady growth in agro-food. The agro-food sub-sector had grown at an average of 3.2% per annum in the past five years, with its share to GDP rising from 45.3% in 2015 to 49.9% in 2019 as agro-food growth outpaced the maturing commodities sub-sector.

1.8%

**PERTUMBUHAN SEKTOR
PERTANIAN MALAYSIA
2019**
**GROWTH IN MALAYSIA
AGRICULTURE SECTOR
2019**



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN MANAGEMENT DISCUSSION AND ANALYSIS



Ulasan Sektor Perbankan 2019

Pada 2019, pertumbuhan jumlah pembiayaan dalam sistem perbankan telah menurun, berakhir pada kadar lebih rendah iaitu 3.9% berbanding 7.7% pada 2018, disebabkan pertumbuhan ekonomi sederhana dan pemampatan margin faedah bersih (NIM) berikutan potongan OPR pada Mei 2019 dan ketidakstabilan pasaran yang meningkat. Jumlah deposit berkembang lebih perlakuan sebanyak 3.1% pada 2019 daripada 8.4% pada 2018, terutamanya disebabkan penurunan dalam pertumbuhan deposit tetap. Meskipun begitu, pertumbuhan jumlah deposit kurang daripada pertumbuhan jumlah pembiayaan dalam sistem perbankan. Pertumbuhan pembiayaan naik sebanyak 3.9% pada Disember 2019 manakala pertumbuhan jumlah deposit adalah sebanyak 3.1% dalam tempoh yang sama pada 2018. Walaupun pertumbuhan pembiayaan adalah lebih baik berbanding pertumbuhan deposit, nisbah pinjaman ke atas deposit (LDR) bagi sektor perbankan adalah 89.9% pada 2019, lebih tinggi sedikit daripada kadar 89.2% pada 2018. Namun begitu, pertumbuhan deposit adalah menggalakkan, meningkat kepada 6.7% pada 2019, daripada 1.2% pada 2018, mengurangkan tekanan kepada bank-bank untuk mencari deposit-deposit kos rendah.

Kualiti aset sistem perbankan tidak begitu memberangsangkan pada 2019, dengan nisbah rosot nilai kasar (GIR) sebanyak 1.51% pada 2019 (2018: 1.48%) berikutan kawalan kos yang berterusan apabila bank-bank terkesan oleh amalan pematuhan MFRS 9. Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Nisbah Pinjaman kepada Dana & Ekuiti sistem perbankan masing-masing naik kepada 83.2% (2018: 83.1%) dan 72.9% (2018: 72.6%) pada 2019, namun kekal dalam keadaan mantap. Bank-bank telah dimodalkan dengan baik, dengan kecairan mencukupi untuk menyokong pengantaraan dana. Pada Disember 2019, nisbah Ekuiti Biasa Tahap 1 (CET1) sistem perbankan adalah 13.8%, manakala Nisbah Modal Tahap 1 dan Nisbah Jumlah Modal adalah kukuh, masing-masing sebanyak 14.4% dan 18.3%. Nisbah Perlindungan Kecairan (LCR) dalam sektor perbankan naik kepada 149% pada 2019 berbanding 143% pada 2018, melepassi aras 100% yang ditetapkan oleh BNM. Ini menunjukkan bahawa bank-bank mempunyai aset yang lebih daripada mencukupi untuk ditukar kepada tunai dalam masa 30 hari dari tempoh tekanan 'kejutan kecairan'.

Banking Sector Review 2019

In 2019, total financing growth in the banking system decelerated, ending at a lower 3.9% growth against 7.7% in 2018, amid moderating economic growth and net interest margin (NIM) compression following the OPR cut in May 2019 and heightened market volatility. Total deposits grew slower at 3.1% in 2019 from 8.4% in 2018, attributed mainly to decline in growth of fixed deposits. Moreover, total deposit growth fell short of total financing growth in the banking system. Financing growth rose by 3.9% in December 2019 while total deposits growth stood at 3.1% in the same reference month. Despite better growth in financing relative to deposits growth, Loan to Deposit Ratio (LDR) for the banking sector stood at 89.9% in 2019, marginally higher than 89.2% rate in 2018. Notwithstanding this, there was encouraging growth in savings and demand (CASA) deposits, rising to 6.7% growth in 2019, from 1.2% in 2018, reducing pressures for banks in seeking low cost deposits.

Asset quality of the banking system crept up in 2019, with gross impairment ratio (GIR) at 1.51% in 2019 (2018: 1.48%) amid on-going cost controls as banks were affected by the MFRS 9 compliance practices. Loan-to-Fund Ratio and Loan-to-Fund & Equity Ratio of the banking system picked up to 83.2% (2018: 83.1%) and 72.9% (2018: 72.6%) respectively in 2019, but remained in a steady condition. Banks have been well-capitalised, with sufficient liquidity to support the intermediation of funds. As at December 2019, the banking system Capital Equity Tier 1 (CET1) ratio was 13.8% while Tier 1 Capital Ratio and Total Capital Ratio

Di sektor pertanian, pertumbuhan pembiayaan untuk segmen pertanian utama dalam sistem perbankan didapati stabil kepada 2.4% pada 2019 berbanding penurunan sebanyak -3.0% pada 2018. Dalam kategori komoditi, pembiayaan minyak sawit melonjak sebanyak 6.8% pada 2019 jika dibandingkan dengan penurunan sebanyak -0.8% pada 2018. Pemulihan dalam harga minyak sawit ini sebahagiannya disumbangkan oleh sentimen perniagaan yang bertambah baik. Penurunan dalam tanaman makanan pula menguncup lebih kecil kepada -10.2% pada 2019 berbanding -17.4% pada 2018. Berdasarkan sub-sektor, minyak sawit adalah penyumbang terbesar kepada pembiayaan pertanian utama dalam sistem perbankan iaitu sebanyak 73.3% daripada jumlah pembiayaan pertanian, diikuti tanaman makanan (11.0%) dan ternakan (8.7%). Secara keseluruhan, komoditi mewakili 79.4% dalam pembiayaan pertanian utama dalam sistem perbankan manakala 20.6% lagi adalah untuk agromakanan. Nisbah Rosot Nilai Kasar dalam sistem perbankan untuk sektor pertanian telah semakin meningkat, dan berada pada kadar 3.0% pada 2019 (2018: 0.5%).

PROSPEK MENCABAR DIJANGKA BERTERUSAN PADA 2020

Prospek Ekonomi pada 2020

Tahun 2020 bakal menjadi tahun yang sangat mencabar bagi ekonomi global apabila dunia bergelut dengan krisis kesihatan yang belum pernah berlaku sebelum ini akibat wabak coronavirus (COVID-19). Dengan kawalan pergerakan dan halangan perjalanan di seluruh dunia dan akibat kemerosotan dalam permintaan global dan harga minyak, pertumbuhan KDNK dunia diunjurkan oleh IMF akan menguncup sebanyak 3.0% pada 2020 sebelum pulih dengan 5.8% pertumbuhan pada 2021, menganggarkan bahawa virus tersebut akan dikekang menjelang akhir 2020. Ketidaktentuan ketara akan terus menyelubungi tinjauan pertumbuhan, dengan risiko kerugian mengatasi risiko keuntungan dalam separuh pertama 2020 (1H2020). Risiko kenaikan pula wujud daripada impak lebih besar daripada yang dijangka berikutan langkah-langkah yang menyokong pertumbuhan, proses normalisasi yang lebih cepat berikutan permintaan tertangguh yang tinggi serta ekonomi global yang lebih baik daripada jangkaan, hasil daripada pelbagai langkah rangsangan ekonomi.

were healthy at 14.3% and 18.3% respectively. Liquidity Coverage Ratio (LCR) in the banking sector rose to 149% in 2019 versus 143% in 2018, beyond the 100% threshold determined by BNM. This suggests that banks have more than adequate assets to convert to cash within 30 days of a 'liquidity-shock' stress period.

On the agriculture front, financing growth for primary agriculture in the banking system stabilised to 2.4% in 2019 against a -3.0% decline in 2018. Commodity-wise, palm oil financing surged by 6.8% in 2019 when compared to -0.8% decline in 2018. The recovery in palm oil prices partly contributed to the improved business sentiment. The decline in food crops also narrowed to -10.2% in 2019 versus -17.4% in 2018. By sub-sector, palm oil was the main contributor to the primary agriculture financing in the banking system at 73.3% of total agriculture financing, followed by food crops (11.0%) and livestock (8.7%). Overall, commodities accounted for 79.4% in the primary agriculture financing in the banking system while the remaining 20.6% was for agro-food. GIR in the banking system for agriculture sector has been trending on the upside, settling at 3.0% rate in 2019 (2018: 0.5%).

CHALLENGING OUTLOOK TO PERSIST IN 2020

Economic Outlook in 2020

The year 2020 is set to be an exceptionally challenging year for the global economy as the world grapples with an unprecedented health crisis from the novel coronavirus (COVID-19) outbreak. With the lockdowns and travel bans across the world and the resulting slump in global demand and oil prices, world GDP growth is projected by the IMF to contract by 3.0% in 2020 before recovering with a 5.8% growth in 2021, assuming that the virus would be contained by year-end 2020. Significant uncertainties continue to surround the growth outlook, with downside risks outweighing upside risks in the first half of 2020 (1H2020). The upside risks emanate from potentially larger-than-expected impact from the pro-growth measures, faster normalisation in activity amid pent-up demand and better-than-expected global economy, arising from the various stimulus measures.

Tahun 2020 bakal menjadi tahun yang sangat mencabar bagi ekonomi global apabila dunia bergelut dengan krisis kesihatan yang belum pernah berlaku sebelum ini akibat wabak coronavirus (COVID-19).

The year 2020 is set to be an exceptionally challenging year for the global economy as the world grapples with an unprecedented health crisis from the novel coronavirus (COVID-19) outbreak.



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN MANAGEMENT DISCUSSION AND ANALYSIS



“ Pakej rangsangan Kerajaan Malaysia, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat, berjumlah RM260 bilion atau 17% daripada KDNK serta langkah kewangan oleh BNM dijangka akan mengurangkan kesan buruk ekonomi akibat COVID-19.

The Government's stimulus packages, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat, amounting to RM260 billion or 17% of GDP as well as BNM's financial measures are expected to help cushion the economic fallout from COVID-19.

Sebagai ekonomi terbuka yang memulakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, Malaysia tidak akan terkecuali. Dalam suku pertama 2020 (1Q2020), ekonomi Malaysia perlahan dengan ketara kepada pertumbuhan 0.7% (4Q19: 3.6%). Dengan lanjutan PKP, negara menjangka akan mencatat pertumbuhan KDNK tahunan negatif antara -3.0% dan -1.0% pada 2020 (2019: 4.3%). Apabila perniagaan mengecilkan atau menutup operasi mereka sepanjang PKP, kadar pengangguran telah meningkat kepada 3.9% pada Mac 2020 (2019: 3.3%). Jangkaan kemelesetan pada 2020 datang daripada kesan permintaan global yang lemah, gangguan rantai bekalan dan langkah-langkah pembendungan COVID-19 di dalam dan luar negara. Permintaan lebih perlahan dan gangguan dalam rangkaian pengeluaran juga akan memberi kesan kepada eksport produk pengilangan dan komoditi Malaysia. Pakej rangsangan Kerajaan Malaysia, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat, berjumlah RM260 bilion atau 17% daripada KDNK serta langkah kewangan oleh BNM dijangka akan mengurangkan kesan buruk ekonomi akibat COVID-19. Pemberian tunai kepada golongan B40, moratorium pinjaman selama enam bulan, pengeluaran KWSP dan subsidi upah akan memberi bantuan kepada pekerja dan PKS. Tertakluk kepada ketidaktentuan, BNM menjangka ekonomi Malaysia akan kembali pulih pada 2021, seiring dengan pemulihan global yang diunjurkan.

Persekutuan operasi dijangka mencabar pada 2020 apabila ekonomi domestik akan sangat terkesan oleh wabak COVID-19. Peningkatan pengangguran, aliran tunai yang ketat di kalangan PKS dan harga komoditi yang tidak menentu akan memberi kesan kepada kualiti aset. Aliran keluar dana asing akan memberi kesan kepada pasaran modal dan pendapatan yuran bank-bank dalam keadaan prospek domestik dan global yang muram. Tinjauan adalah sangat tidak menentu oleh kerana tiada kepastian bilakah pandemik COVID-19 akan berakhir. BNM telah memotong OPR sebanyak tiga kali dengan jumlah 100 mata asas untuk menyokong ekonomi dan meringankan beban pempinjam. Sekiranya COVID-19 berterusan, BNM berkemungkinan untuk memotong lagi kadar faedah dan perbelanjaan fiskal tambahan diperlukan untuk merangsang penggunaan dan aktiviti pelaburan.

As an open economy that started imposing the Movement Control Order (MCO) on 18 March 2020, Malaysia will not be spared. In the first quarter of 2020 (1Q2020), the Malaysian economy slowed down sharply to a 0.7% growth (4Q19: 3.6%). With the extension of the MCO, the country expects to chart a negative annual GDP growth of between -3.0% and -1.0% in 2020 (2019: 4.3%). As businesses reduced or shut down their operations during the MCO, the unemployment rate has risen to 3.9% in March 2020 (2019: 3.3%). The recessionary expectation in 2020 comes from the impact of weak global demand, supply chain disruptions and COVID-19 containment measures both abroad and domestic. Slower demand and disruption in global production networks would also have an impact on Malaysia's exports of manufacturing products and commodities. The Government's stimulus packages, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat, amounting to RM260 billion or 17% of GDP as well as BNM's financial measures are expected to help cushion the economic fallout from COVID-19. Cash handouts to B40 households, six-month loan moratoriums, EPF withdrawals and wage subsidies would provide relief to workers and SMEs. Subject to uncertainty, BNM expects the Malaysian economy to rebound in 2021, in line with the projected global recovery.

The operating environment is expected to be challenging in 2020 as the domestic economy will be severely impacted by the COVID-19 outbreak. Rising unemployment, tight cashflow among SMEs and volatile commodity prices would weigh on asset quality. Outflows of foreign funds would impact the capital market and fee income of banks amid grim domestic and global prospects. The outlook is highly uncertain as there is no visibility on when the COVID-19 pandemic would come to an end. BNM has cut the OPR three times with a total of 100 basis points to support the economy and ease the burden of borrowers. If COVID-19 prolongs, BNM has room to cut interest rate further and additional fiscal spending is needed to stimulate consumption and investment activities.

Prospek Pertanian pada 2020

Pertumbuhan dalam sektor pertanian bertukar negatif dalam suku keempat 2019 (4Q19: -5.7%) dan trend ini berterusan ke 1Q20 (-8.7%). Penurunan dalam sektor pertanian dalam 1Q20 adalah terutamanya disebabkan oleh kejatuhan dalam subsektor minyak sawit (-22.0%). Pengeluaran minyak sawit terjejas akibat kesan pemotongan penggunaan baja sepanjang tempoh harga rendah pada 2019. PKP, yang mengganggu logistik dan pergerakan buruh, telah memburukkan lagi pengurangan dalam output minyak sawit mentah (CPO). Segmen komoditi dijunjur akan jatuh menjunam pada 2020 dalam keadaan penurunan harga dan eksport apabila permintaan berkurang akibat krisis kesihatan global.

Walau bagaimanapun, segmen agromakanan telah mengekalkan pertumbuhan sebanyak 3.7% dalam 1Q20 setelah berkembang sebanyak 3.5% pada 2019, disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor tanaman makanan dan ternakan. Pengekalan trend menaik dalam penggunaan agromakanan dalam keadaan populasi yang semakin bertambah telah menggerakkan pertumbuhan stabil dalam agromakanan. Dalam tempoh 5-tahun bagi 2015-2019, subsektor agromakanan telah meningkat pada pertumbuhan purata sebanyak 3.2% setahun. Walaupun permintaan agromakanan daripada restoran dan hotel akan terkesan oleh PKP, ini kebanyakannya akan diimbangi oleh peningkatan penyediaan makanan di rumah. Dengan kebimbangan yang semakin bertambah berhubung keselamatan pekerjaan, isi rumah berkemungkinan besar akan lebih berhemah dalam menguruskan bajet untuk makanan, mengurangkan item makanan mewah dan pada masa yang sama menggunakan lebih banyak makanan berpatutan. Memandangkan permintaan yang berkurangan, subsektor agromakanan dianggarkan akan berkembang pada pertumbuhan sederhana sebanyak 2.0%-3.0% pada 2020 (2019: 3.5%).

Dengan kemerosotan yang dijangkakan dalam segmen komoditi dalam keadaan pertumbuhan agromakanan yang sederhana, sektor pertanian dijunjur akan menguncup sebanyak -3.0% hingga -2.0% pada 2020 (2019: +2.0%). Namun begitu, sektor pertanian akan disokong oleh kemudahan bantuan khas (SRF) dan kemudahan Agromakanan BNM untuk PKS yang terkesan oleh wabak COVID-19. Permintaan terhadap komoditi dijangka akan pulih apabila penutupan dan penyekatan di seluruh dunia secara beransur-ansur dimansuhkan. PKP telah menyumbang kepada peningkatan ketara dalam perkhidmatan pesanan dalam talian untuk penghantaran makanan, menunjukkan peningkatan potensi dalam pemasaran dalam talian yang boleh diterima pakai secara meluas oleh sektor pertanian dalam keadaan arahan penjarakan sosial yang berterusan di bawah "kelaziman baharu". Dana automasi dan pendigitalan PKS juga telah diwujudkan oleh BNM untuk menggalakkan penggunaan teknologi dalam semua industri.

Prospek Perbankan pada 2020

Sistem perbankan memasuki 2020 daripada kedudukan kukuh dengan penyangga yang terkumpul selama bertahun-tahun. Sistem perbankan berdaya tahan untuk menempuh kesan wabak COVID-19, disokong oleh permodalan kukuh di mana nisbah modal adalah sebanyak 18.3% pada Dis 2019, dengan lebihan modal sebanyak RM119 bilion. Kadar rosot nilai kasar adalah rendah sebanyak 1.5% pada Dis 2019 manakala

Agriculture Sector Outlook in 2020

The growth in the agriculture sector turned negative in the fourth quarter of 2019 (4Q19: -5.7%) and the trend continued into 1Q20 (-8.7%). The decline in the agriculture sector in 1Q20 was mainly attributed to the plunge in palm oil subsector (-22.0%). Palm oil production has been affected by the lag effects of cutbacks in fertiliser usage during the low-price period in most of 2019. The MCO, which disrupted logistics and the movement of labour, has exacerbated the decline in CPO output. The commodities segment is projected to fall steeply in 2020 amid the dip in prices and exports as demand subsides due to the global health crisis.

Nonetheless, the agrofood segment has sustained positive growth of 3.7% in 1Q20 after expanding by 3.5% in 2019, supported by growth in food crops and livestock subsectors. The sustained uptrend in agrofood consumption amid a growing population has driven the steady growth in agrofood. In the 5-year period of 2015-2019, the agrofood subsector had risen at an average growth of 3.2% per annum. While agrofood demand from restaurants and hotels would be impacted by the MCO, this will be mostly offset by increasing household food preparation at home. With rising concerns on job security, households are likely to be prudent in food budgeting, cutting back on luxury food items while consuming more affordable food. In view of the softer demand, the agrofood subsector is estimated to grow at a modest 2.0%-3.0% growth in 2020 (2019: 3.5%).

With the anticipated decline in commodities segment amid modest agrofood growth, the agriculture sector is projected to contract by -3.0% to -2.0% in 2020 (2019: +2.0%). Nevertheless, the agriculture sector will be supported by BNM's SRF and Agrofood facility for SMEs affected by the COVID-19 outbreak. The demand for commodities is expected to recover as lockdowns across the world are gradually lifted. The MCO has led to a marked increase in demand for online food delivery services, revealing a rising potential in online marketing that can be widely adopted by the agriculture sector amid the on-going social distancing order under the "new normal". An SME automation and digitisation fund has also been set up by BNM to encourage the adoption of technology in all industries.



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

MANAGEMENT DISCUSSION AND ANALYSIS

peruntuhan adalah sebanyak 126.4% daripada pinjaman dirosot nilai. Antara kebimbangan yang wujud adalah tahap pinjaman isi rumah yang meningkat sebanyak 82.7% daripada KDNK dan lebihan bekalan ruang pejabat dan kompleks beli belah.

Sebagai langkah untuk membendung COVID-19 daripada memberi kesan ke atas ekonomi domestik, sistem perbankan perlu menangani cabaran yang semakin hebat pada 2020. Dengan peningkatan kadar pengangguran dan masa yang sukar bagi perniagaan, pertumbuhan pembiayaan dijangka menyusut memandangkan bank-bank menolak risiko manakala kualiti aset akan mula meningkat perlahan. Tiga pengurangan dalam OPR berjumlah 100 mata asas untuk menyokong ekonomi akan mengakis margin keuntungan bank. Sementara itu, terdapat beberapa kos bagi bank walaupun moratorium pembiayaan selama 6 bulan bernilai RM100 bilion akan mengurangkan peningkatan kadar rosot nilai.

Ujian tekanan oleh BNM menunjukkan sistem perbankan boleh menahan kejutan ekonomi yang teruk daripada wabak virus dalam keadaan penyanga modal yang mencukupi. Namun begitu, bagi membantu PKS yang menghadapi kesukaran kewangan, Kemudahan Bantuan Khas (SRF sebanyak RM10 bilion) telah diwujudkan, berserta Kemudahan Agromakanan (RM1.0 bilion) dan geran untuk PKS mikro (RM2.1 bilion). Isi rumah dibantu menerusi pemberian tunai, potongan KWSP dan moratorium pembiayaan. Walaupun pertumbuhan kredit dijangka akan lemah apabila perniagaan dan sentimen pengguna menjunam, langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan akan mengurangkan kemelesetan ekonomi akibat COVID-19 ke atas sistem perbankan. Pelonggaran PKP telah membolehkan perniagaan untuk dibuka semula dan ini akan membantu ekonomi dan sektor perbankan untuk kembali pulih.

ULASAN KEWANGAN AGROBANK 2019

Bagi tahun kewangan berakhir Disember 2019, Bank mencatat prestasi kukuh disumbangkan oleh bahagian Perbankan Perniagaan dan Runcit. Jumlah pendapatan bertambah sebanyak 6.7% kepada RM984.8 juta bagi tahun dalam kajian berbanding RM922.8 juta pada 2018 hasil peningkatan dalam pendapatan daripada pembiayaan, perkhidmatan berdasarkan fi dan pendapatan pelaburan.

Keuntungan operasi bagi tahun ini meningkat kepada RM230 juta, naik sebanyak 8.8% berbanding RM211.3 juta yang dicatat pada 2018. Ini membawa kepada Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat (PBTZ) yang lebih tinggi sebanyak RM205.4 juta, peningkatan sebanyak 8% pada 2019, berbanding RM190.3 juta pada tahun sebelumnya. Hasilnya, kami mencatat peningkatan keuntungan bersih sebanyak 10.8% kepada RM148.48 juta pada 2019 berbanding RM133.98 juta pada 2018.

Secara keseluruhan, Bank mencatat peningkatan dalam portfolio pembiayaannya sebanyak RM1.05 billion, dengan baki pembiayaan tidak berbayar sebanyak RM11.8 billion yang merupakan peningkatan sebanyak 9.8% daripada 2018. Oleh kerana dana merupakan teras kepada strategi perniagaan mapan bank, persaingan untuk segmen deposit semakin meningkat sepanjang beberapa tahun lalu. Bagi 2019, kami berjaya mengekalkan deposit daripada pelanggan sebanyak RM7.55 billion, turun sedikit sebanyak -0.8% daripada RM7.62 billion pada 2018.

Banking Outlook in 2020

The banking system entered 2020 from a position of strength with buffers built up over the years. The banking system has the resilience to face the impact of COVID-19 outbreak, supported by strong capitalisation whereby total capital ratio was at 18.3% in Dec 2019, with excess capital of RM119 billion. The gross impairment rate was at a low 1.5% in Dec 2019 while provisions were at 126.4% of impaired loans. Among the lingering concerns are the elevated household debt level at 82.7% of GDP and the oversupply in office space and shopping complex.

As measures to contain the COVID-19 impacted the domestic economy, the banking system has to confront the intensifying challenges in 2020. With the rise in unemployment rate and tough times for businesses, financing growth is expected to taper off as banks turn risk averse while asset quality would start to creep up. The three reductions in OPR totalling 100 basis points to support the economy would erode the net profit margins of banks. While the 6-month financing moratorium worth RM100 billion would mitigate the rise in impairment rate, there is some costs involved for banks.

Stress tests by BNM indicate that the banking system can withstand severe economic shocks of the virus outbreak amid sufficient capital buffers. Nonetheless, to assist SMEs that are facing financial difficulties, a Special Relief Facility (SRF of RM10 billion) has been set up, along with Agrofood Facility (RM1.0 billion) and grants for micro SMEs (RM2.1 billion). Households are assisted via cash handouts, EPF cuts and financing moratorium. While credit growth is expected to weaken as business and consumer sentiments dip, measures introduced by the government would mitigate the economic fallout of COVID-19 on the banking system. The easing in the MCO has allowed businesses to reopen and this will help the economy and the banking sector recover.

AGROBANK FINANCIAL REVIEW 2019

For the financial year ending December 2019, the Bank charted a strong performance driven by our Business and Retail Banking divisions. Total income grew by 6.7% to RM984.8 million for the year in review compared to RM922.8 million in 2018 arising from increase in income from financing, fee-based services and investment income.

Operating profit for the year increased to RM230 million, up by 8.8% compared to RM211.3 million charted in 2018. This led to a stronger Profit Before Tax and Zakat (PBTZ) of RM205.4 million, an increase of 8% in 2019, compared to RM190.3 million in the previous corresponding year. Consequently, we recorded an increased net profit by 10.8% to RM148.48 million in 2019 against RM133.98 million in 2018.

Overall, the Bank recorded an increase in its financing portfolio at RM1.05 billion, with a financing outstanding balance of RM11.8 billion which is an increase of 9.8% from 2018. As funding is core to the sustainable business strategy of a bank, competition for deposits have heightened over the past few years. For 2019, we managed to maintain deposits from customers at RM7.55 billion, marginally down by -0.8% from RM7.62 billion in 2018.

Jumlah aset kekal kukuh dengan peningkatan sebanyak 4.0% kepada RM16.9 bilion pada 2019 berbanding RM16.2 bilion pada 2018, mengukuhkan lagi kedudukan kewangan kami, yang disumbangkan oleh pertumbuhan dalam pembiayaan dan pendahuluan bersih. Walaupun nisbah pembiayaan dirosot nilai Bank meningkat sebanyak 4.4% pada 2019 berbanding 4.2% pada tahun sebelumnya, kualiti aset kekal stabil. Memandangkan volatiliti dan ketidaktentuan dalam landskap ekonomi, kami meningkatkan usaha untuk melindungi kualiti aset melalui langkah-langkah kawalan kredit dan risiko yang dipertingkatkan.

Perbelanjaan bagi tahun ini meningkat sebanyak 6.2% kepada RM468.9 juta pada 2019 berbanding RM441.2 juta pada tahun sebelumnya, disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan kakitangan dan aktiviti pemasaran.

ULASAN SEGMEN PERNIAGAAN 2019

Prestasi kewangan kami yang kukuh pada 2019 menjadi bukti kepada pematuhan kami terhadap Rancangan Perniagaan Strategik Bank 2016-2020 (SBP 2016-2020). Tumpuan kami terhadap pembiayaan, khidmat nasihat dan inisiatif pembangunan yang disasarkan kepada sektor pertanian termasuk agromakanan, pertanian utama dan komoditi telah membantu Bank untuk meningkatkan hasil dan pertumbuhan. Prestasi ini juga menggambarkan sedikit pemulihan dalam sektor pertanian pada 2019, yang naik sebanyak 1.8% daripada pertumbuhan minimum sebanyak 0.1% pada 2018.

Jumlah pembiayaan kasar bagi tahun ini adalah RM11.8 bilion, iaitu kenaikan sebanyak 9.8% berbanding 2018. Ini disumbangkan oleh pertumbuhan dalam pembiayaan kepada sektor berdasarkan pertanian yang bertambah sebanyak 13.0% manakala pembiayaan pertanian utama bertambah sebanyak 5.0%. Penguasaan pasaran Agrobank dalam pembiayaan kepada sektor berdasarkan pertanian bertambah sebanyak 19.0%. (mengatasi pertumbuhan industri perbankan dalam sektor ini -0.6%).

Total assets remained strong with an increase of 4.0% to RM16.9 billion in 2019 compared to RM16.2 billion in 2018, lending greater strength to our financial position, which was contributed by growth in net financing and advances. Despite an increase in the Bank's gross impaired financing ratio at 4.4% in 2019 compared to 4.2% in the previous year, asset quality remained stable. Given the increased volatility and uncertainty in the economic landscape, we increased efforts to preserve asset quality through heightened credit and risk control measures.

Expenses for the year rose by 6.2% to RM468.9 million in 2019 compared to RM441.2 million in the previous corresponding year, on the back of increased personnel and marketing expenses.

BUSINESS SEGMENT REVIEW 2019

Our strong financial performance for 2019 has been a testament of our adherence to the Bank's Strategic Business Plan 2016-2020 (SBP 2016-2020). Our focus on financing, advisory and developmental initiatives targeting the agricultural sector including agro-food, primary agriculture and commodities have helped the Bank to boost revenue and growth. The performance was also a reflection of the slight rebound witnessed in the agriculture sector in 2019, which rose by 1.8% from 0.1% growth in 2018.

Gross total financing for the year was at RM11.8 billion, up by 9.8% compared to 2018. This was led by growth in financing from the agro-based sector which grew by 13.0% while primary agriculture financing grew by 5.0%. Agrobank's share of financing to the agro-food sector grew by 19.0%, which was above the banking industry's growth in this sector which was at -0.6%.

Jumlah aset kekal kukuh dengan peningkatan sebanyak 4.0% kepada RM16.9 bilion pada 2019 berbanding RM16.2 bilion pada 2018, mengukuhkan lagi kedudukan kewangan kami, yang disumbangkan oleh pertumbuhan dalam pembiayaan dan pendahuluan bersih.

Total assets remained strong with an increase of 4.0% to RM16.9 billion in 2019 compared to RM16.2 billion in 2018, lending greater strength to our financial position, which was contributed by growth in net financing and advances.



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN MANAGEMENT DISCUSSION AND ANALYSIS

“ Usaha-usaha perniagaan kami bagi tahun ini berpandukan pemahaman mendalam kami tentang potensi untuk pertumbuhan dan keperluan untuk menyokong bidang-bidang tertentu dalam sektor pertanian.

Our business efforts for the year were guided by our keen understanding of the potential for growth and need to support certain areas within the agriculture sector.



Usaha-usaha kami bagi tahun ini berpandukan pengetahuan dan pemahaman kami tentang potensi untuk pertumbuhan dan keperluan untuk menyokong sektor pertanian. Tumpuan utama dihalakan kepada usaha-usaha meningkatkan tahap sara diri produk pertanian dan produk berasaskan pertanian lain termasuk hasil tenuus, padi, agromakanan, perikanan dan daging. Kami meneruskan usaha yang disasarkan untuk meningkatkan taraf hidup komuniti pertanian, termasuklah menyokong usahawan tani dan memberi perkhidmatan kepada komuniti yang kurang dan tidak mendapat perhatian. Usaha-usaha ini diterajui oleh bahagian Perbankan Perniagaan dan Perbankan Runcit kami.

Perbankan Perniagaan

Bahagian Perbankan Perniagaan Agrobank mengawal selia keperluan kewangan pelanggan dari segi korporat dan komersial, memberi tumpuan khusus untuk menyediakan perkhidmatan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Perkhidmatan utama yang disediakan di bawah bahagian ini antara lainnya termasuk pembiayaan, pembiayaan mikro dan pembiayaan perdagangan.

Perbankan Korporat dan Komersial

Bagi tahun dalam kajian, kami memantapkan peranan kami sebagai pemudah cara kewangan dalam pembangunan pertanian menerusi peruntukan pinjaman dan pendahuluan dalam sektor komoditi yang termasuk minyak sawit dan getah, serta buah-buahan dan sayur-sayuran, padi dan tanaman-tanaman berkenaan yang lain. Pinjaman dan pendahuluan kepada segmen ini mencatat nilai kelulusan pembiayaan sebanyak RM539.74 juta pada 2019. Kami juga meluaskan liputan kepada pelanggan-pelanggan baharu dalam sektor akuakultur dan perikanan, mencatat kelulusan dalam nilai pembiayaan sebanyak RM263.75 juta pada 2019, naik sebanyak 16.0%.

Our efforts for the year were guided by our knowledge and understanding of the potential for growth and need to support the agricultural sector. The main focus was steered towards efforts that aimed to improve food security through increasing SSL levels of agriculture and agro-based products which included dairy, paddy, agro-food, fisheries and meat. We continued with initiatives aimed at elevating the agricultural community which included supporting agropreneurs, and serving the needs of the unserved and underserved communities. These efforts were led primarily by our Business Banking and Retail Banking divisions.

Business Banking

Agrobank's Business Banking Division oversees the financial needs of customers from the corporate and commercial space, paying special focus to serving needs of large and small to medium-sized enterprises (SMEs). Lead services extended under this division includes financing, micro-financing and trade finance, among others.

Corporate and Commercial Banking

For the year in review, we solidified our role as a lead financial facilitator in agricultural developmental through the provision of loans and advances in the commodities sector which include palm oil and rubber, as well as fruits and vegetables, paddy and other relevant crops. Loans and advances to this segment charted an approval value in financing of RM539.74 million in 2019. We also reached out to new customers in the aquaculture and fishery sectors, charting an approval in financing value of RM263.75 million in 2019, up by 16.0%.

The Ministry of Agriculture and Food Industries (MOA) has also identified new sources of agricultural income from potential demand food sources such as durians, pineapples and coconuts, which are now enjoying a higher level of awareness and demand from global markets. Agrobank supports high-impact commercial-sized projects for these new sources of income under the 'Sumber Rezeki Baru' financing criteria. For 2019, the Bank was the lead financier of two sizeable 'Sumber Rezeki Baru' agriculture

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) juga telah mengenal pasti sumber-sumber baharu pendapatan pertanian daripada permintaan sumber-sumber makanan yang berpotensi seperti durian, nenas dan kelapa, yang kini semakin diberi perhatian dan mendapat permintaan daripada pasaran global. Agrobank menyokong projek-projek komersial berimpak tinggi untuk sumber pendapatan baharu ini di bawah kriteria pembiayaan 'Sumber Rezeki Baru'. Pada 2019, Bank merupakan pembiaya utama bagi dua projek pertanian 'Sumber Rezeki Baru' yang besar. Pembiayaan sehingga RM20.0 juta diberikan bagi tujuan pembangunan 1,300 ekar ladang durian di Lojing, Kelantan, manakala 5,000 ekar ladang nenas di Rompin, Pahang menerima pembiayaan sehingga RM41.6 juta.

Pembiayaan Mikro

Segmen pembiayaan mikro Bank di bawah Perbankan Perniagaan memenuhi keperluan PKS, usahawan tani mikro dan komuniti pertanian B40 dan menyediakan serangkaian pembiayaan antara RM1,000 hingga RM50,000. Bagi tahun 2019, kami berusaha meningkatkan penggunaan program pembiayaan untuk memaksimumkan potensi beberapa komoditi utama, tanaman dan pengeluaran makanan ruji menerusi kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan dan para pelanggan komersial dan korporat Bank. Kerjasama kami pada tahun ini termasuk:

- Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Syarikat Kulim Berhad di Mersing, Johor untuk menyediakan pembiayaan kepada peserta-peserta di bawah inisiatif penanaman kluster nenas MD2, dengan pembiayaan sebanyak RM50,000 untuk setiap peserta
- Persatuan Padang Ragut Air Suda, Gerik Perak untuk projek ruminan dengan pembiayaan bernilai RM30,000 untuk setiap peserta
- Pembiayaan program dengan pemegang francais MDFood Sdn Bhd di bawah 'Putu Bambu World' dengan pembiayaan sebanyak RM50,000 untuk setiap peserta
- Projek Transformasi Luar Bandar (RTP) di bawah Kerajaan Sarawak bagi membiayai kontraktor tanah pertanian untuk apa-apa jenis perkhidmatan awam dengan amaun pembiayaan maksimum sebanyak RM250,000
- RISDA Livestock Sdn Bhd untuk pembiayaan di bawah sektor ruminan dengan jumlah maksimum RM250,000 kepada para peserta RISDA
- NASMADI Venture Sdn Bhd untuk projek ternakan ayam dengan amaun pembiayaan maksimum sebanyak RM250,000 untuk setiap peserta



projects. Financing of up to RM20.0 million was extended for the development of a 1,300 acres durian plantation in Lojing, Kelantan, while a 5,000 acres pineapple plantation in Rompin, Pahang received financing of up to RM41.6 million.

Micro-financing

The Bank's micro-financing segment under Business Banking caters to SMEs, micro agro entrepreneurs and agro B40 community and provides a range of financing between RM1,000 to RM50,000. For 2019, we sought to increase the utilisation of the financing programmes to maximise the potential of several leading commodities, crop and food staple production through strategic cooperation with government agencies and the Bank's existing commercial and corporate customers. Our collaborations for the year included:

- Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) and Syarikat Kulim Berhad in Mersing, Johor to cater financing for participants under the MD2 pineapple cluster planting initiative, awarding financing of RM50,000 per participant
- Persatuan Padang Ragut Air Suda, Gerik Perak for a ruminant project with financing value of RM30,000 per participant
- Programme financing with MDFood Sdn Bhd franchisee under the 'Putu Bambu World' with financing of RM50,000 per participant
- Rural Transformation Project (RTP) under the Sarawak Government to finance contractors under agricultural land for any civil services with maximum financing amount of RM250,000
- RISDA Livestock Sdn Bhd for financing under the ruminant sector with maximum of RM250,000 for RISDA participants
- NASMADI Venture Sdn Bhd for a poultry project with maximum financing amount of RM250,000 per participant

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN MANAGEMENT DISCUSSION AND ANALYSIS

Bagi menyediakan akses lebih baik dan cekap, Bank menubuhkan empat 'pusat setempat' untuk kemudahan kredit padi di Tanjung Karang, Selangor; Kg Gajah, Perak; Pasir Puteh, Kelantan; dan Guar Chempedak, Kedah. Pusat-pusat ini disasarkan untuk menyediakan keperluan kemudahan pembiayaan kepada semua pesawah padi bagi pengeluaran padi di jelapang utama negara.

Kami juga bekerjasama dengan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) bagi program pembiayaan mikro Agro Nisaa-i untuk membantu mereka dalam perniagaan pertanian. Ini adalah sebahagian daripada program kami yang dibuat khusus untuk menggalak dan menyokong usahawanita mengambil bahagian dalam perniagaan pertanian dan berasaskan pertanian.

Pembiayaan Perdagangan

Kemudahan pembiayaan perdagangan yang menyokong aktiviti-aktiviti berkaitan perdagangan seperti kemudahan pusingan jangka pendek untuk modal kerja, Surat Kredit-i, Resit Amanah Murabahah, dan Jaminan Bank-i, serta kemudahan pembiayaan jangka pendek dengan harga kompetitif dilaksanakan dengan begitu baik pada 2019 – yang terbaik sejak pengenalan pada 2013. Bagi tahun dalam kajian, jumlah baki melonjak kepada RM1.3 bilion pada akhir 2019, peningkatan sebanyak 27.1% atau RM277.2 juta berbanding tempoh yang sama pada 2018. Hasil meningkat kepada hampir RM50.8 juta, naik sebanyak 23.24% berbanding 2018.

Bagi tahun ini, kami memperluaskan sokongan dengan menempatkan Pengurus Perhubungan Jualan Perdagangan (TSRM) di peringkat wilayah untuk memberi penyelesaian dan khidmat nasihat berkaitan perdagangan, serta sentiasa berada di dalam lingkungan pelanggan untuk lebih memahami keperluan mereka.

Perbankan Runcit

Perbankan Runcit menyediakan serangkaian lengkap produk dan perkhidmatan kewangan bagi membantu pelanggan kami menguruskan kewangan dengan lebih baik, menyimpan dan melabur untuk masa depan. Penawaran kami antara lainnya termasuk AgroCash-i (pembiayaan peribadi), Hartani-i (pembiayaan pembelian tanah), Ar-Rahnu (pajak gadai emas) dan Agro Home Financing-i (pembiayaan rumah). Dalam segmen Perbankan Runcit, kami mengembangkan program-program ternama kami seperti Agrocash-i, Hartani-i dan Ar-Rahnu serta membangunkan program jualan silang untuk meningkatkan deposit kami.

Pembiayaan

Dalam usaha untuk memastikan lebih ramai pelanggan mempunyai akses kepada pilihan pembiayaan berkenaan demi keperluan mereka, kami mengembangkan capaian kepada segmen sasaran melalui pelbagai promosi. Akses kepada tunai jangka pendek dengan kadar promosi menerusi Agrocash-i turut disediakan kepada kakitangan awam daripada kementerian terpilih termasuk Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MOA), Kementerian Kesihatan (MOH), Kementerian Dalam Negeri (MOHA), Kementerian Pendidikan (MOE) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dan promosi ini turut ditawarkan semasa tempoh perayaan-perayaan utama di Malaysia dengan jumlah pengeluaran pembiayaan sebanyak RM1,484.72 juta yang dicapai pada tahun 2019.



In order to provide better and more efficient access, the Bank established four 'one-stop-centres' for paddy credit facilities in Tanjung Karang, Selangor; Kg Gajah, Perak; Pasir Puteh, Kelantan; and Guar Chempedak, Kedah. These one-stop-centres are aimed at catering to all paddy farmers' requirements in financing facilities for paddy production in national main granaries.

We also collaborated with the National Fishermen's Association (NEKMAT) on Agro Nisaa-i microfinancing programme to aid wives of fishermen to help them in their agri-business. This is part of our specially tailored programmes to encourage and support women entrepreneurs to participate in the agriculture and agro-based businesses.

Trade Finance

Trade finance facilities which support trade related activities such as short term revolving facility for working capital, Letter of Credit-i, Murabahah Trust Receipt, and Bank Guarantee-i, as well as competitively priced short-term financing facilities, performed very well in 2019 – the best since its inception in 2013. For the year in review, outstanding balance surged to RM1.298 billion as at end 2019, an increase of 27.14% or RM277.16 million against the same corresponding period of 2018. Revenue rose to close at RM50.81 million, up by 23.24% compared to 2018.

For the year, we expanded support by deploying Trade Sales Relationship Managers (TSRM) at the regional level to provide trade solutions and advisory, as well as to be on ground to understand the needs of our customers further.

Retail Banking

Retail Banking provides a full range of financial products and services to help our customers better manage their finance, save and invest for the future. Our offerings include AgroCash-i (personal financing), Hartani-i (land purchase financing), Ar-Rahnu (gold pawning) and Agro Home Financing-i (home financing), among others. On the Retail Banking front, we expanded the depth and breadth of our programmes such as the Agrocash-i, Hartani-i and Ar-Rahnu as well as developed cross-selling programmes to increase our deposits.

Untuk pelanggan yang menjana pendapatan daripada aktiviti pertanian, pelbagai promosi ditawarkan di bawah Hartani-i, satu kemudahan pembiayaan tanah pertanian yang dibangunkan untuk membantu pemain industri pertanian dalam meningkatkan dan mengembangkan perniagaan mereka melalui pembelian tanah pertanian. Ini termasuk menggunakan laman sesawang Agrobank sebagai platform untuk tujuan demonstrasi dan mempromosi tanah-tanah yang tersedia untuk lelongan oleh Bank kepada pelanggan-pelanggan berpotensi dan mencapai jumlah pengeluaran pembayaran sebanyak RM102.17 juta pada 2019.

Kami turut meningkatkan program pengekalan pelanggan bagi kemudahan Ar-Rahnu iaitu kemudahan pajak gadai Islam jangka pendek yang menyediakan tunai segera dengan menerima barang emas sebagai cagaran. Pada 2019, kami melaksanakan program-program pengekalan pelanggan yang disasarkan untuk melanjutkan tarikh matang dan meneruskan skim sama dengan cara memberi ganjaran kepada kesetiaan pelanggan kami dengan pemberian Wafer Emas (5 gram hingga 20 gram) serta melalui penyertaan dalam pelbagai peraduan. Secara keseluruhannya, jumlah baki Ar-Rahnu pada 2019 adalah RM352.92 juta dengan jumlah pertumbuhan sebanyak RM57.52 juta berbanding 2018.

Deposit

Bank-bank di Malaysia mempergiatkan persaingan mereka dalam segmen deposit kos rendah. Pada 2019, Agrobank meneruskan fasa kedua kempen 'Kita-Kita Aje' (KKA2) berikutan kejayaan kempen fasa pertama (KKA1) pada 2018. Melalui kempen KKA2, kami mengekalkan pendeposit, khususnya daripada program deposit kos rendah AgroPrimaS, dan mengekalkan RM131 juta baki deposit yang diperoleh daripada KKA1 sementara menambah jumlah baki deposit kepada RM170 juta pada akhir 2019.

Masa yang terbaik untuk memupuk tabiat menabung adalah ketika seseorang itu masih kecil. Bagi tujuan ini kami menyusun program simpanan muda dipanggil 'Bank at School' (BAS) yang mendidik pelajar sekolah tentang faedah menabung. BAS merupakan program permulaan di SMK Seri Hartamas Kuala Lumpur yang terbukti berjaya dengan beberapa modul menarik

Financing

In our efforts to ensure more customers have access to relevant financing options for their needs, we reached out to our target segments through various promotional efforts. Access to short-term cash with promotional rates via Agrocash-i was extended to various civil servants from select ministries including MOA, Ministry of Health (MOH), Ministry of Home Affairs (MOHA), Ministry of Education (MOE) and Ministry of Rural Development, as well as during Malaysia's main festive periods with a total disbursement value in financing of RM1,484.72 million achieved in 2019.

For customers who derive income from agriculture activities, various promotions were offered under Hartani-i, an agriculture land financing facility designed to support agri-players to develop and grow their agriculture business by purchasing agriculture land. This included using the Agrobank website as a platform to showcase and promote lands available for auction by the Bank to potential customers, and achieved a disbursement value in financing of RM102.17 million in 2019.

As a DFI with a strong focus on the real economy with a mandate to support development of the agriculture sector, we look to create, deliver and enhance value through activities and programmes that are centred on economic development, social empowerment and environment sustainability. We look at efforts that will have a development impact along the entire agriculture value chain and the community, in achieving agriculture productivity and elevating socio-economic development of the community.



Mendorong pertumbuhan industri pertanian yang berdaya maju dengan memanfaatkan peranan Bank sebagai pengantara kredit dan pelaburan untuk menyediakan penyelesaian kewangan yang disesuaikan kepada kumpulan pelanggan sasaran termasuk pekebun kecil, orang asli, dan usahawan wanita.

Support viable growth of the agriculture industry through its role as a credit and investment intermediary by offering financial solutions tailored to its target group of customers including smallholder farmers, indigenous people, and women agropreneurs.

Memperingkatkan taraf sosial dengan memenuhi keperluan sosioekonomi bagi komuniti pertanian, dan mempertingkatkan taraf kehidupan komuniti yang kurang mendapat perhatian terutamanya komuniti luar bandar dan terpinggir, dengan menjalankan aktiviti tanggungjawab sosial korporat dan aktiviti sosioekonomi lain yang berkaitan.

Enrich social well-being by addressing the socio-economic needs of the agriculture community and uplift the lives of the marginalised community especially in rural communities through our brand of corporate social responsibility activities and socio-economic related activities.

Menggalakkan penerapan amalan-amalan terbaik dalam aktiviti pertanian, yang bertujuan untuk mencapai sasaran jaminan makanan sambil memastikan keseimbangan dalam amalan-amalan pertanian mapan untuk menghasilkan makanan menerusi sistem pengeluaran yang selamat, bersih dan cekap.

Promote best-practice agriculture activities that are geared towards achieving food security targets while balancing against sustainable agriculture practices to produce food in a safe, clean and efficient production system.

Kami berazam menerapkan tiga aspek ini iaitu Pembangunan Ekonomi, Pemerkaan Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar ke dalam setiap usaha dan inisiatif yang dijalankan Bank. Agrobank berhasrat untuk memajukan pembangunan ekonomi sektor pertanian dengan menyokong perniagaan agro yang berdaya maju dan kesemua proses yang berhubung kait di dalam ekosistemnya. Hasil kejayaan perniagaan ini akan memberi impak dan kesan yang berkali ganda terhadap pemerkaan sosial. Kami sedar akan tanggungjawab untuk membantu komuniti pertanian dan oleh yang demikian berusaha memperkasakan mereka melalui pelbagai inisiatif pembinaan keupayaan dan keterangkuman kewangan, khususnya dalam komuniti yang tidak dan kurang mendapat perhatian. Seterusnya apa yang kami lakukan ini akan turut memberi kesan kepada alam sekitar. Dalam aspek ini pula, kami berusaha menerapkan elemen kelestarian alam sekitar di seluruh rantaian nilai untuk menuju ke arah amalan pertanian berdaya maju yang lebih mementingkan alam sekitar dan memanfaatkan teknologi melalui modenisasi dan automasi.

We strive to embed aspects of the three drivers of Economic Development, Social Empowerment and Environmental Sustainability at the heart of the Bank's efforts and initiatives. Agrobank aims to progress the agriculture sector's economic development by supporting viable agri-businesses and the interlinked processes along the ecosystem. Their successes can have an impact and a multiplier effect on social empowerment. We are clearly aware of our responsibility to support our communities and we strive to empower them through capacity building and financial inclusion initiatives, especially within the unserved and underserved communities. What we do ultimately leaves an impact on the environment. In this aspect, we strive to embed environmental sustainability along the value chain by steering the sector towards more environmentally viable agriculture practices and leveraging on technology for modernisation and automation.

BERUSAHA MENGATASI JANGKAAN MENERUSI PERBANKAN BERASASKAN NILAI GOING THE EXTRA MILE THROUGH VALUE-BASED BANKING

LANDSKAP SEKTOR PERTANIAN

Walaupun sumbangan keseluruhan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) agak kecil iaitu sebanyak 7.1% pada 2019, pertanian kekal sebagai antara sektor penting kepada pembangunan ekonomi negara. Ini kerana ia memainkan peranan utama dalam memastikan sekuriti dan keselamatan makanan negara, pada masa yang sama mempelbagaikan dan menambah baik aktiviti-aktiviti ekonomi.

Di seluruh dunia, kapasiti pengeluaran makanan kini berdepan dengan cabaran yang semakin bertambah, termasuk populasi penduduk dunia yang dijangka meningkat kepada hampir 9.7 bilion menjelang 2050 dan nisbah antara tanah suai tani berbanding populasi penduduk yang semakin menurun. Ketika ini, populasi penduduk Malaysia adalah sekitar 31.2 juta dan diunjurkan akan meningkat kepada 35.8 juta menjelang 2020.

Justeru itu, adalah amat penting bagi Malaysia untuk terus mencari jalan untuk menambah baik dan membangunkan sektor pertanian dengan tumpuan diberikan kepada peningkatan pengeluaran dan sekuriti makanan; menyokong pemain industri pertanian khususnya pengeluar berskala kecil; menggalakkan kemajuan yang merangkumi teknologi dan automasi; menambah baik hasil dan amalan terbaik melalui kempen kesedaran dan pendidikan yang lebih efektif; serta mengoptimumkan sistem penghubungan yang saling berkait di dalam negara dan pasaran eksport untuk meningkatkan akses.

Pertumbuhan pertanian lestari adalah seiring dengan matlamat pembangunan mapan negara untuk meningkatkan status pendapatan golongan sasaran seperti peladang, penternak, petani dan usahawan tani atau agropreneur. Seiring dengan Dasar Agromakanan Negara sekarang (DAN 1.0) yang akan berakhir pada penghujung tahun 2020, kami telah menyaksikan sektor ini mencapai banyak perubahan positif yang memberi kesan kepada status sosioekonomi peladang, penternak dan usahawan, dan pada masa yang sama menyumbang kepada hasil negara menerusi eksport komoditi kepada pasaran global. Namun begitu, masih terdapat cabaran dalam sektor yang dinamik ini, antaranya adalah susut nilai Ringgit Malaysia, perubahan dalam corak pemakanan konsumen, hasil pengeluaran yang rendah, penyertaan yang masih rendah daripada golongan belia/muda, serta pelaksanaan rejim percukaian baharu (cukai barang dan perkhidmatan).

Dasar Agromakanan Negara 2.0 baharu (DAN 2.0) bagi tempoh selama 10 tahun dari 2021 hingga 2030 dijangka akan memacu masa depan sektor pertanian dan industri agromakanan di Malaysia. Dasar ini juga akan menyasarkan untuk mempergiatkan proses modenisasi pertanian melalui penggunaan teknologi yang bersesuaian, pada masa yang sama memantapkan usaha ke arah mencapai sekuriti makanan dan tahap pendapatan tinggi kepada negara.

AGRICULTURE SECTOR LANDSCAPE

While relatively small in terms of its contribution to overall Gross Domestic Product (GDP) at 7.1% in 2019, agriculture remains an important sector to the country's economic development. This sector is vital as it plays a role in achieving national food security and safety, while diversifying and improving economic activity.

Globally, food production capacity is faced with an ever-growing number of challenges, including a world population that is expected to grow to nearly 9.7 billion by 2050 and a falling ratio of arable land to population. Currently, the population of Malaysia is around 31.2 million people and is projected to increase to 35.8 million by 2020.

It is therefore important that Malaysia continuously looks to means that improve and develop the agriculture sector with a focus on increasing productivity and food security; supporting agriculture players especially the smallholders and small scale producers; advocating advancements which can include the use of technology and automation; improving yield and best practices through greater awareness and education; as well as strengthening inter-connected linkages within the country and in the export market to increase access.

Sustainable agriculture growth is in line with the country's sustainable development goals to uplift the income status of target groups such as farmers, livestock breeders, fishermen and agro-based entrepreneurs. Together with the current National Agro-Food Policy (NAP 1.0) which will end in 2020, we have seen the sector achieve many positive changes that impacts the socioeconomic status of farmers, livestock breeders and entrepreneurs, while contributing to Malaysia's revenue through exports of commodities to world markets. Having said that, challenges still abound in this dynamic sector, among them the depreciation of Malaysian Ringgit, changes in food consumption patterns, low productivity, less participation of youth, and the implementation of new tax regime (good and service tax).

The new National Agro-Food Policy 2.0 (NAP 2.0) which is slated for a ten-year period from 2021 to 2030 will drive the future of Malaysia's agriculture and agro-food industry. The policy will serve to accelerate the modernisation process which is pertinent in adopting appropriate agriculture technology, while continuing the pursuit of food security for Malaysia and higher income levels.



PEMBANGUNAN EKONOMI/ECONOMIC DEVELOPMENT



Agrobank sentiasa menyokong pembangunan ekonomi yang lebih besar dalam sektor pertanian melalui peranannya sebagai pengantara kredit dan pelaburan yang memperkisasikan segmen perusahaan mikro, kecil dan sederhana (Mikro & PKS). Ini dilakukan dengan mengembangkan potensi mereka dalam sektor ini melalui peruntukan penyelesaian kewangan di keseluruhan rantai nilai, dan seterusnya menrancakkan aktiviti di sektor ini dan secara tidak langsung menyumbang kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan pada masa yang sama meningkatkan keselamatan makanan dan tahap sara diri (SSL) negara.

Menyokong dan Memperkasa Pertumbuhan Mikro & PKS dalam Pertanian

Dalam ekosistem pertanian dan perindustrian tani, perusahaan mikro, kecil dan sederhana (Mikro & PKS) memainkan peranan penting di seluruh rantai nilai dan berpotensi menyumbang kepada pertumbuhan, pembangunan dan kemampanan sektor ini. Agrobank menawarkan rangkaian program pembiayaan yang luas khusus bagi menyesuaikan keperluan Mikro & PKS ini. Selain daripada tawaran pembiayaan kewangan, Agrobank turut membantu pembangunan usahawan melalui program-program yang berbentuk pembinaan keupayaan.

Menyediakan Akses kepada Pembiayaan di Keseluruhan Rantaian Nilai Pertanian

Agrobank menawarkan penyelesaian pembiayaan lengkap kepada komuniti pertanian bermula dari aktiviti hulu yang berkaitan dengan tanaman utama dan aktiviti pertanian berdasarkan komoditi, kepada aktiviti hiliran yang merangkumi pemprosesan, pemasaran dan pengagihan produk-produk pertanian.

Sebagai usaha menyokong hasrat negara untuk meningkatkan eksport perdagangan pertanian melangkaui perantaraan fokus domestik, Agrobank turut memainkan peranan utama sebagai ejen ekonomi yang menghubungkan pasaran baharu, dengan sasaran untuk menggalakkan aktiviti perdagangan pertanian dan pelaburan rentas sempadan.

Agrobank looks to support greater economic development within the agricultural sectors through its role as a credit and investment intermediary that empower the micro, small and medium enterprises (MSMEs) segment to develop themselves in the agriculture sector through the provision of financing solutions across the agriculture value chain. This serves to spur the agriculture sector to contribute meaningfully to the national gross domestic product (GDP) while increasing food safety and self-sufficiency (SSL) levels.

Support and Empower Growth of Micro & SMEs in Agriculture

The micro, small and medium enterprises (MSMEs) in the agricultural and agro-industrial ecosystem, play an important role throughout the agriculture value chain and form the potential to contribute to growth, development and sustainability of the agricultural sector. Agrobank offers a wide range of specialised financing programmes to suit the needs of the MSMEs. Apart from offering financial solutions, Agrobank also facilitates entrepreneur development through capacity building programmes.

Provide Access to Financing across The Agriculture Value Chain

Agrobank offers a comprehensive suite of financing solutions for the agriculture community that includes upstream activities related to primary crops and commodities-based agriculture activities to downstream activities which include processing, marketing and distribution of agricultural products.

As part of its efforts to support the intention to raise agricultural trade export beyond domestic-focused intermediation, Agrobank plays a role as an interlinking economic agent to the emerging and advanced global markets, with the aim of promoting agricultural trades and cross-border investment activities in Malaysia.

Peruntukan pinjaman dan pendahuluan

Provision of loans and advances

- Nilai kelulusan sebanyak RM539.74 juta bagi sektor komoditi (minyak sawit, getah), buah-buahan dan sayur-sayuran, padi dan tanaman lain
Secured approval value of RM539.74 million for commodity sectors (palm oil, rubber), fruits and vegetables, paddy and other crops
- Pelanggan baharu dalam sektor perikanan/akuakultur dengan amaun kelulusan sebanyak RM263.75 juta
Secured new customers in fishery/aquaculture sectors with approval amount of RM263.75 million

BERUSAHA MENGATASI JANGKAAN MENERUSI PERBANKAN BERASASKAN NILAI GOING THE EXTRA MILE THROUGH VALUE-BASED BANKING

Pembentangan rantaian nilai melalui penyelesaian pembentangan inovatif Value chain financing through innovative financing solutions	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Skim Kredit Pengeluaran Makanan Food Production Credit Scheme ▪ Tabung untuk Makanan (3F) Fund for Food (3F) ▪ Hartani-i (pembentangan pembelian tanah) Hartani-i (land purchase financing) ▪ Ladang Rakyat Ladang Rakyat ▪ BERNAS Paddy-i BERNAS Paddy-i ▪ Program Fertigasi Cili Berkelompok Group Chilli Fertigation Programme
Kerjasama untuk memberi kemudahan pembentangan tanpa cagaran Collaborations to extend financing facilities without collateral	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di Kelantan dan Selangor untuk menyediakan Pembentangan Fertigasi Cili Berkelompok National Farmers' Association (NAFAS) in Kelantan and Selangor to provide the Chilli Fertigation Group Financing ▪ Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk menyediakan pembentangan kepada pesawah padi Muda Agricultural Development Authority (MADA) to provide financing to paddy farmers ▪ Program pembentangan penanaman semula padi melalui kerjasama strategik dengan BERNAS Paddy replantation financing programme through a strategic alliance with BERNAS
Mewujudkan pusat setempat untuk sokongan yang menyeluruh Establish one-stop centre for efficient end-to-end support	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mewujudkan 'pusat setempat' bagi kemudahan kredit untuk memenuhi keperluan pesawah mendapatkan kemudahan pembentangan untuk pengeluaran padi di kawasan jelapang utama negara Established 'one stop centre' for paddy credit facilities to cater to all paddy farmers' needs in financing facilities for paddy production in national main granary area ▪ Penubuhan empat pusat kredit padi di: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tanjung Karang, Selangor ▪ Kg Gajah, Perak ▪ Pasir Putih, Kelantan ▪ Guar Chempedak, Kedah Establishment of four paddy credit centres in: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tanjung Karang, Selangor ▪ Kg Gajah, Perak ▪ Pasir Putih, Kelantan ▪ Guar Chempedak, Kedah

Meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL)

Keselamatan makanan, yang ditafsirkan sebagai ketersediaan makanan, akses makanan, penggunaan dan kestabilan, wujud apabila setiap orang, pada setiap masa, mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berzat. Dengan jumlah penduduk yang semakin bertambah tahun demi tahun, kecukupan bekalan dan keselamatan makanan untuk populasi umum terus menjadi suatu cabaran. SSL makanan adalah penting sebagai kayu pengukur bagi keupayaan negara menyara diri dengan bekalan makanan yang dihasilkan di dalam negara tanpa bergantung kepada makanan yang diimport.

Prioriti dan Strategi 2019-2020 Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menggariskan sekuriti makanan negara sebagai dimensi penting untuk meningkatkan tahap sara diri pertanian dan produk asas tani. Secara khususnya, salah satu bidang yang digariskan dalam strategi tersebut adalah untuk memoden dan menambah baik pengeluaran makanan bagi memastikan pengekalan bekalan dan harga makanan, dengan tumpuan terhadap padi, ruminan, perikanan, susu dan bahan makanan lain. Agrobank bekerjasama rapat dengan pemain industri untuk menyokong mereka yang berada dalam sub-sektor ini melalui peruntukan pembentangan di keseluruhan rantaian nilai sektor pertanian.

Increase the Self-Sufficiency Levels (SSL)

Food security, which is defined as food availability, food access, utilisation and stability, exists when everyone, at all times, has access to sufficient, safe and nutritious food. With population increasing by the year, ensuring food security for the general population continues to be a challenge. Food SSL is an important measure on the country's ability to be self-sufficient on locally produced food instead of relying on importing food.

The Ministry of Agriculture and Food Industry's 'Priorities and Strategies 2019-2020' outlines national food security as an important dimension to increase the self-sufficiency levels of agriculture and agro-based products. In particular, one of the areas outlined in the strategy is to modernise and improve food production to ensure the sustainability of food supply and food prices, with a particular focus on paddy, ruminant, fisheries, dairy milk and other food items. Agrobank works closely with agricultural players to support those in the sub-sectors of paddy, ruminant and fisheries through the provision of financing across the value chain of the agriculture sector.

KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN
"KEUTAMAAN & STRATEGI 2019 - 2020"
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRY
"PRIORITIES & STRATEGIES 2019 - 2020"

Berdasarkan tiga dimensi sektor agromakanan
Based on three dimensions of the agro-food sector



KESELAMATAN MAKANAN KEBANGSAAN
NATIONAL FOOD SECURITY



PEMBANGUNAN EKONOMI LUAR BANDAR
RURAL ECONOMIC DEVELOPMENT



MENINGKATKAN PELABURAN SEKTOR SWASTA & PERDAGANGAN ANTARABANGSA
BOOSTING PRIVATE SECTOR INVESTMENT & INTERNATIONAL TRADE

5 HALA TUJU UTAMA/5 MAIN DIRECTIONS

01

Memoden & meningkatkan hasil pertanian bagi memastikan bekalan makanan & kestabilan harga dengan penekanan terhadap sub-sektor padi, ruminant & perikanan

Modernising & increasing agricultural output to ensure food supply & price stability with emphasis on the paddy ruminant & fishery sub-sectors

02

Meningkatkan pelaburan sektor swasta dalam pertanian komersial & meningkatkan eksport pertanian

Boosting private sector investment in commercial agriculture & increasing agricultural export

03

Menjadikan pertanian sumber pendapatan yang kukuh & mapan dan menguntungkan bagi peladang, penternak, nelayan & usahawan tani yang muda.

Making agriculture a strong & sustainable source of income and profitable for young farmers, livestock breeders, fishermen & agropreneurs

04

Menambah baik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta & pengembangan aktiviti bagi peladang, penternak & nelayan

Improving the agricultural industry ecosystem to support agriculture modernisation, private sector investment & expansion activities for farmers, livestock breeders & fishermen

05

Mengukuhkan struktur organisasi jabatan & agensi di bawah Kementerian untuk menambah baik sistem penyampaian dan tadbir urusnya

Strengthening the organisational structure of departments & agencies under the Ministry to improve its delivery system and governance

BERUSAHA MENGATASI JANGKAAN MENERUSI PERBANKAN BERASASKAN NILAI GOING THE EXTRA MILE THROUGH VALUE-BASED BANKING

Sokongan tertumpu kepada hasil tenusu, padi, daging lembu, daging kambing, cili dan agromakanan

Focused support on dairy, paddy, beef, mutton, chillies and agro-food

- Baki pembiayaan untuk sub-sektor sasaran pada 2019
 - Perikanan – naik 38.3% dari 2018
 - Ternakan (tidak termasuk Ruminan) – naik 7.1% dari 2018
 - Tanaman (semua jenis buah-buahan dan sayur-sayuran) – naik 24.9% dari 2018
 - Padi – naik 2.8% dari 2018
 - Ruminan – naik 13.4% dari 2018
- Financing balance to targeted sub-sectors in 2019
 - Fishery - up 38.3% from 2018
 - Livestock (excluding Ruminant) - up 7.1% from 2018
 - Crops (all types of fruits & vegetables) - up 24.9% from 2018
 - Paddy - up 2.8% from 2018
 - Ruminant - up 13.4% from 2018

Menyusun skim pembiayaan inovatif dan bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan

Structure innovative financing schemes and work with relevant agencies

- Kerjasama dengan Syarikat Kulim Berhad di Mersing, Johor dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) untuk menyediakan pembiayaan kepada peserta di bawah kluster penanaman nanas MD2 dengan RM50,000 setiap peserta

Collaboration with Syarikat Kulim Berhad in Mersing, Johor and Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) to provide financing for participants under cluster planting of pineapple MD2 with RM50,000 per participant
- Kerjasama dengan Persatuan Padang Ragut Air Suda, Gerik Perak untuk projek ruminan dengan amaun pembiayaan bernilai RM30,000 setiap peserta

Collaboration with Persatuan Padang Ragut Air Suda, Gerik Perak for ruminant project with financing amount valued at RM30,000 per participant
- Pembiayaan program dengan pemegang francais MD Food Sdn Bhd di bawah "Putu Bambu World" dengan amaun pembiayaan sebanyak RM50,000 setiap peserta

Programme financing with MDFood Sdn Bhd franchisee under "Putu Bambu World" with financing amount at RM50,000 per participant
- Projek Transformasi Luar Bandar (RTP) di bawah Kerajaan Sarawak untuk membiaya kontraktor dalam kategori tanah pertanian untuk perkhidmatan awam dengan amaun pembiayaan maksimum sebanyak RM250,000

Rural Transformation Project (RTP) under Sarawak Government to finance contractor under agriculture land for any civil services with maximum financing amount of RM250,000
- Kerjasama dengan RISDA Livestock Sdn Bhd untuk pembiayaan di bawah sektor Ruminan dengan maksimum RM250,000 untuk peserta RISDA

Collaboration with RISDA livestock Sdn Bhd for financing under Ruminant sector with maximum of RM250,000 for RISDA participant
- Kerjasama dengan NASMADI Venture Sdn Bhd untuk projek ternakan ayam dengan amaun pembiayaan maksimum sebanyak RM250,000 setiap peserta

Collaboration with NASMADI Venture Sdn Bhd for poultry project with maximum financing amount of RM250,000 per participant
- Program pembiayaan penanaman semula padi dalam perikatan strategik dengan BERNAS

Paddy replantation financing programme in strategic alliance with BERNAS
- Agrobank sebagai pembiaya utama bagi skim Projek Rakan Ladang (PRL) BERNAS di bawah kemudahan pembiayaan BERNAS Paddy-i

Agrobank as the main financier for the BERNAS' Projek Rakan Ladang (PRL) scheme under the BERNAS Paddy-i financing facility
- Bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) bagi Program Ladang Rakyat untuk menawarkan pembiayaan minyak sawit dan getah

Worked with Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) for the Ladang Rakyat Programme to offer financing of palm oil and rubber

Memberi Perkhidmatan kepada Sektor Baharu dan yang Kurang Diberi Perhatian yang Berpotensi untuk Berkembang

Agrobank meletakkan fokus untuk membangunkan pelbagai sektor pertanian yang mempunyai potensi untuk berkembang tetapi mungkin tidak mempunyai akses mencukupi kepada pembiayaan. Ini termasuk menyokong pemain pertanian yang terlibat dalam sumber pendapatan baharu yang semakin mendapat permintaan seperti durian, nenas dan kelapa yang dikategorikan sebagai 'Sumber Rezeki Baru' dan berupaya meningkatkan industri berasaskan eksport. Bank juga mempunyai program pembiayaan bagi menyokong sektor-sektor yang kurang mendapat perhatian yang lain termasuk perikanan, padi, ruminan dan tanaman seperti cili.

Menyokong industri berasaskan eksport untuk projek bersaiz komersial berimpak tinggi yang berkaitan dengan 'Sumber Rezeki Baru'

Support export-oriented industries to high-impact commercial-sized projects related to 'Sumber Rezeki Baru'




- **Pembiaya terkemuka bagi projek-projek pertanian besar:**

Leading financier of sizeable agriculture projects:

- Pembiayaan sehingga RM20.0 juta untuk pembangunan ladang durian di Lojing, Kelantan, dengan kawasan pembangunan seluas 1,300 ekar. Sehingga kini, kawasan yang telah ditanam adalah seluas 950 ekar.
Financing up to RM20.0 million for development of durian plantation in Lojing, Kelantan, with development area of 1,300 acres. To date, planted area is 950 acres.
- Pembiayaan sehingga RM41.6 juta untuk pembangunan ladang nenas di Rompin, Pahang dengan kawasan pembangunan seluas kira-kira 5,000 ekar. Sehingga kini, kawasan yang telah ditanam adalah seluas kira-kira 2,670 ekar.
Financing up to RM41.6 million for development of pineapple plantation in Rompin, Pahang with total development area of approximately 5,000 acres. To date, planted area is approximately 2,670 acres.

Serving New and Underserved Sectors with Potential for Growth

Agrobank looks to develop the various agriculture sectors that show potential for growth but may not have the adequate access to financing. These include looking to support agriculture players dealing in new sources of income from high demand food sources such as durians, pineapples and coconut related to 'Sumber Rezeki Baru' and spur its related export-oriented industries. The Bank also has in place various financing programmes to support the underserved sectors which include fisheries, paddy, ruminant and crops such as chilli, among others.



BERUSAHA MENGATASI JANGKAAN MENERUSI PERBANKAN BERASASKAN NILAI GOING THE EXTRA MILE THROUGH VALUE-BASED BANKING



PEMERKASAAN SOSIAL/SOCIAL EMPOWERMENT



Ketika kami terus membuat kemajuan dalam pengeluaran pertanian di Malaysia menerusi pembaharuan dan meluaskan sumbangan sektor ini kepada pembangunan negara, masih terdapat keperluan penting untuk meningkatkan tahap pendapatan, mengurangkan kemiskinan, memperbaiki ketidakseimbangan dalam agihan kekayaan, dan mengurangkan jurang pendapatan bagi pertumbuhan yang lebih menyeluruh. Akses kepada penyelesaian kewangan boleh menjadi satu cabaran khususnya melibatkan segmen masyarakat luar bandar dan komuniti yang terpinggir.

Agrobank melihat kepentingan akses dan lanjutan kepada penyelesaian kewangan sebagai satu peluang untuk pemain-pemain di sektor pertanian mengukuhkan keterangkuman kewangan mereka di samping menambah baik komuniti di mana mereka beroperasi. Bagi meningkatkan penyertaan dalam ekonomi pertanian, Agrobank menawarkan perkhidmatan pembiayaan kepada pekebun kecil, masyarakat pribumi, kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) serta golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Agrobank juga menawarkan skim pembiayaan khas untuk menggalakkan lebih ramai agropreneur wanita mengambil bahagian dalam sektor pertanian dan membina kestabilan kewangan untuk diri sendiri.

Golongan berpendapatan rendah dan sederhana di Malaysia, khususnya daripada kumpulan isi rumah B40, lazimnya adalah yang paling terkesan dengan ketidakstabilan ekonomi, kerana mereka tidak mempunyai perlindungan mencukupi untuk berdepan keadaan sedemikian. Sebagai sebahagian matlamat Agrobank untuk memastikan keterangkuman kewangan, Bank menawarkan program perlindungan takaful mampu milik, dalam masa yang sama memberi perlindungan tertentu yang diperlukan.

As we make progress on Malaysia's agricultural productivity through reforms and expanding the sector's contribution to the country's development trajectory, there remains an urgent need to elevate income levels, reduce poverty, correct the imbalance in wealth distribution and reduce disparity between income classes for inclusive growth. Access to financial solutions can be a challenge especially for those in the rural areas, and the unserved and underserved segments of the community.

Agrobank sees the importance of access and extension to finance solutions as an opportunity for the agricultural players to strengthen their financial inclusion thereby impacting and improving the community in which they operate in. To boost greater participation in the agricultural economy, Agrobank extends financing services to smallholder farmers, indigenous people, those in the bottom 40% of the household income group (B40) as well as for Persons with Disabilities (PWD). Agrobank also extends special financing schemes to encourage more women agropreneurs to participate in the agricultural economy and build financial sustainability for themselves.

The low and middle-income groups in Malaysia, especially the B40 households, tend to be the ones that are most vulnerable to economic shocks, as they do not have the adequate protection to shield them from such uncertainties. As part of Agrobank's aim to ensure financial inclusion, the Bank offers takaful protection programmes which are affordable yet provide the necessary coverage needed.

Menyediakan pembiayaan mikro kepada segmen pelanggan berpendapatan rendah termasuk komuniti pribumi dan golongan pendapatan terendah B40

Provide micro-financing to lower-income customer segments including indigenous and lower income B40 communities

Menggalakkan penyertaan wanita dan belia untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pertanian Encourage women and youth to participate in agricultural activities

- Kerjasama dengan PETRONAS untuk memperkasa segmen B40 yang terlibat dalam industri pertanian dan atas tan

dengan pelaburan bernilai RM100 juta
Collaboration with PETRONAS to empower B40 segment working in agricultural and agro-based industry with investment worth RM100 million

- Agro TERAS (pembiayaan rakan ke rakan)
Agro TERAS (peer-to-peer financing)
- Paddy-i
Paddy-i
- Micro ESP-i
Micro ESP-i

- Pembiayaan Mikro Agro Nisaa'-i
Agro Nisaa'-i Micro-Financing
- Program Agropreneur Muda
Young Agropreneur Programme

Menyediakan perlindungan mampu milik untuk semua segmen pendapatan, di mana ia diperlukan Provide affordable protection for all income segments where it counts	<ul style="list-style-type: none"> Pengenalan Agro Bestari-<i>i</i> dan Eksekutif Kewangan Takaful (TFE) yang merupakan rancangan pendidikan dengan tarikh matang tertentu bagi menyediakan dana pendidikan yang perlu untuk anak-anak Introduction of Agro Bestari-<i>i</i> and Takaful Financial Executive (TFE) which is an education plan with certain maturity date to prepare necessary education fund for the children Takaful keluarga Agro Mabrur-<i>i</i> Agro Mabrur-<i>i</i> family takaful Agro Nurani untuk orang kurang upaya Agro Nurani for the disabled
Menyediakan peluang pendapatan untuk orang kurang upaya (OKU) Provide earning opportunities for people with disabilities (PWDs)	<ul style="list-style-type: none"> Program pembiayaan Agro Bakti kepada orang kurang upaya (OKU) untuk perniagaan baharu dan sedia ada dalam sektor pertanian Agro Bakti financing programme for persons with disabilities (PWD) for new and existing business within the agriculture sector
Penilaian semula & pembaharuan ciri-ciri produk, terutamanya bagi pemerolehan dana kerajaan atau dana pihak ketiga Revitalisation of product proposition features, primarily for the acquisition of government funds or third party funds	<ul style="list-style-type: none"> Menawarkan sokongan kepada pekebun kecil untuk membolehkan mereka meneruskan penanaman semula dengan skim bayaran balik selepas tempoh tertentu pada kadar yang lebih mudah Extending support to smallholders to enable them to continue replanting with repayment schemes after a certain period at facilitative rates Dana yang diterima RM20 juta daripada MPOB bagi program Tanaman Semula Pekebun Kelapa Sawit (TSPKS) & Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) untuk membantu pekebun kecil dalam industri kelapa sawit Fund received RM20 million from MPOB for programme Tanaman Semula Pekebun Kelapa Sawit (TSPKS) & Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) to assist small planters in oil palm industries
Menyokong agropreneur melalui program pengayaan pengetahuan dan pengiktirafan Supporting agropreneurs through knowledge enrichment programmes and recognition	<ul style="list-style-type: none"> Program Pembangunan Agropreneur (ADP) yang mempersiapkan agropreneur dengan pengetahuan berkaitan dan program pembinaan keupayaan Agropreneur Development Programme (ADP) that equips agropreneurs with relevant knowledge and capacity building programmes Mendorong dan mengiktiraf mereka yang meraih pencapaian melalui Anugerah Agropreneur Agrobank Motivate and recognise achievers through the annual Agrobank Agropreneur Award Berkongsi paparan mengenai agropreneur yang berjaya melalui program televisyen Ikon Agro yang disiarkan di Astro Awani Sharing showcase on successful agropreneurs through Ikon Agro television programme aired on Astro Awani
Menyediakan lebih banyak akses kepada keterangkuman kewangan untuk segmen yang kurang dan tidak mendapat perhatian Providing unserved and underserved segments with access for greater financial inclusion	<ul style="list-style-type: none"> Rangkaian Ejen Perbankan (AGROAgent) yang menawarkan akses perbankan dan mempromosi perkhidmatan perbankan Agrobank seperti pembiayaan mikro, simpanan dan penghantaran wang – dikembangkan dengan tambahan 207 ejen pada 2019, jumlah pada akhir 2019 adalah 1,197 AGROAgent network that offers banking access and promotes Agrobank services such as micro-financing, savings and remittance services – expanded with addition of 207 agents in 2019, total at end 2019 is 1,197 Akses meluas ke kawasan bandar dan luar bandar melalui rangkaian 192 pusat transaksi pelanggan Expansive access to rural and urban areas through a network of 192 customer total touchpoints <ul style="list-style-type: none"> 138 cawangan/branches 1 Perbankan Agro/Agro Banking 1 perbankan maya/virtual banking 10 pusat pembiayaan komersial/commercial financing centre 34 kios/kiosk 8 Sudut Agro & Agro Point/Agro Corners & Agro Points 389 terminal kendiri/self-service terminals

BERUSAHA MENGATASI JANGKAAN MENERUSI PERBANKAN BERASASKAN NILAI GOING THE EXTRA MILE THROUGH VALUE-BASED BANKING



KELESTARIAN ALAM SEKITAR/ENVIRONMENT SUSTAINABILITY



Dalam pada Agrobank berusaha menunaikan mandatnya untuk menyokong pembangunan aktiviti pertanian dengan sasaran mengukuhkan kemampaman makanan negara, ia turut menggalakkan penggunaan amalan terbaik yang memberi penekanan terhadap penjagaan alam sekitar. Ini juga sejajar dengan pengadaptasian VBI oleh Bank serta sasarannya untuk membantu sektor dalam mengaplikasikan kaedah baru yang menggabungkan teknologi dan data bagi menghasilkan keputusan yang lebih baik dan lebih pantas dengan pengurangan kesan buruk kepada alam sekitar.

Agrobank menyokong aktiviti perniagaan yang tertumpu kepada kelestarian alam sekitar dan menggalakkan amalan pertanian yang baik dan modenisasi amalan pertanian.

While Agrobank works on delivering on its mandate to support the development of agricultural activities with the aim to strengthen the country's national food sustainability, it promotes the adoption of best practices that place emphasis on safeguarding the environment. This is also in line with the Bank's VBI adoption as well as its aim to help the sector apply new methods that incorporate technology and data to yield better, faster results with reduced adverse impact on the environment.

Agrobank supports business activities centred on environmental sustainability that promotes good agricultural practices and supports modernisation of farming practices.

Menyokong amalan terbaik dalam pertanian dan alam sekitar Advocating good agriculture and environmental best practice

Menyokong skim pembiayaan untuk amalan modenisasi Supporting financing schemes for modernisation practices

Mengembangkan sokongan pembiayaan untuk projek hijau/ sumber boleh diperbaharui Expand financing support for green/renewable related projects

- Menggalakkan pelanggan Agrobank untuk menerima pakai pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP)
Encourage Agrobank customers to adopt Malaysian Good Agricultural Practice (MyGAP) certification
- Menggalakkan pelanggan di sektor kelapa sawit untuk mendapatkan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)
Encourage its palm oil customers to obtain the Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) certification
- Agrobank menggunakan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) sebagai panduan dalam menyemak permohonan pembiayaan yang mengambil kira aspek amalan alam sekitar yang baik
Agrobank uses the Environment Impact Assessment (EIA) as a guide in reviewing financing applications that include aspects of good environmental practices

- Menyediakan pembiayaan bagi menaik taraf/memodenkan kaedah penangkapan ikan untuk kemampaman ekosistem ekologi marin yang termasuk modenisasi bot nelayan, dan menyokong kaedah menangkap ikan laut dalam
Providing financing for upgrading/modernising fishing methods for sustainability of ecosystem of marine ecology which include modernisation of fishing vessels and supporting deep ocean fishing methods
- Untuk mengembangkan pembiayaan kepada sektor-sektor yang menggunakan teknologi hijau/sumber boleh diperbaharui dalam pengeluaran pertanian seperti penggunaan tenaga solar pada 2020
To expand financing to sectors that incorporate green/renewable technology in agri-production such as solar energy in 2020

MENAMBAH BAIK AMALAN, PROSES & BUDAYA KAMI

Sebagai IKP, Agrobank menyedari kepentingan peranannya dalam menggalakkan sektor pertanian untuk penjana pertumbuhan, pembangunan agropreneur dan kemajuan komunitinya. Selama 50 tahun, Bank telah menyokong kemajuan perjalanan sektor pertanian Malaysia, usahawan dan komuniti tersebut. Seiring dengan Visi dan Misi kami yang diperbaharui, Agrobank akan terus menyampaikan nilai yang diperkongsikan dalam melaksanakan peranannya menghubungkan sektor kewangan dengan ekonomi demi mencapai sebuah ekosistem yang mapan bagi sektor dan

ENHANCING OUR PRACTICES, PROCESSES & CULTURE

As a DFI, Agrobank is cognisant of the important role it plays in promoting the agricultural sector as an engine of growth, development of agropreneurs and the progress of its community. The Bank has been supporting the growth journey of Malaysian farmers, entrepreneurs and the community for 50 years now. In line with our renewed Vision and Mission, Agrobank will continue to deliver enhanced value in discharging its role in connecting the financial sector to the real economy to achieve a sustainable ecosystem for the agriculture sector and the community.

komuniti pertanian. Sejak 50 tahun lalu, Bank telah memenuhi peranan yang diamanahkan dengan menerapkan kemampunan sebagai teras kewujudannya. Pendekatan berpandukan kemampunan ini, yang sejajar dengan prinsip perantaraan-nilai, telah memacu strategi, nilai teras dan budaya Bank yang membantunya menghasilkan nilai positif dan meninggalkan impak yang mapan dalam keseluruhan ekosistem pertanian.

Menambah Baik Budaya dan Kemampunan

Visi dan Misi yang diperbaharui pada 2019 akan memandu ke arah budaya berprestasi inklusif dan inovatif di kalangan warga Agrobank yang menekankan kemampunan sebagai terasnya agar kami mampu menjadi peneraju dalam membangunkan usaha yang akan menyokong dan memajukan sektor pertanian, memanfaatkan kepelbagaiannya kakitangan, penawaran, pengetahuan dan rangkaian kami.

Kami berusaha membangun dan memupuk budaya, keupayaan dan tatalaku di kalangan kakitangan yang bertumpu pada penzahiran matlamat, penciptaan nilai untuk pihak berkepentingan, dan pencapaian strategi bagi pertumbuhan mapan. Ini akan dicerminkan melalui pelbagai program dan kempen kesedaran serta pendidikan untuk semua kakitangan termasuklah dalam proses pengambilan pekerja, pendekatan ketika melakukan pekerjaan dan sistem pengurusan prestasi. Ini adalah untuk menjadikan warga kerja Agrobank serba lengkap dan bersedia serta mampu meneruskan mandat Bank untuk 50 tahun akan datang.

Menambah Baik Amalan dan Proses

Bank akan meneruskan usaha meningkatkan amalan dan proses yang melaksanakan penerapan dan iltizam Visi dan Misi yang diperbaharui. Ini akan dilakukan dengan melaksanakan strategi inovatif untuk meningkatkan capaiannya dan menyediakan penawaran bersesuaian yang akan menyokong rantaian nilai pertanian dan ekosistemnya, memupuk keusahawanan dan menarik minat terhadap perniagaan pertanian secara efektif.

Bank juga akan menambah baik penilaian berdasarkan impak ke atas kredit dan memperbaiki proses pembangunan produk serta perancangan program bagi memastikan sasaran modernisasi pertanian disokong melalui penambahbaikan ekosistem pertanian, melonjakkan pelaburan daripada sektor swasta dan pengembangan aktiviti untuk peladang, penternak dan nelayan, menghubungkan kepada industri baharu dan pembangunan pasaran, dan menjalankan peranan pengantara yang menjangkau perbankan untuk merangsang aktiviti ekonomi.

Usaha-usaha ini berpandukan pematuhan kami terhadap Rangka Kerja Pembangunan Bank dan merupakan komitmen kami untuk menghasilkan kesan dan meningkatkan nilai jangka panjang demi masa depan mapan untuk semua pihak berkepentingan.

Over the past 50 years, the Bank has delivered on its mandated role that embeds tenets of sustainability at the core of its DNA. This sustainability-led approach, which is aligned with VBI principles, has driven the Bank's strategies, core values and culture that helps the DFI drive positive value and leave a sustainable impact along the agricultural ecosystem.

Enhancing Culture and Sustainability

The renewed Vision and Mission that was articulated in 2019 will drive towards an inclusive, innovative performance culture among Agrobanks that emphasises sustainability at its core so that the Bank can lead the way in developing efforts that will support and grow the agricultural sector, leveraging on the diversity of our people, offerings, knowledge and network.

We strive to develop and instil culture, capabilities and behaviours among employees that are centred on living our purpose, creating value for stakeholders, and delivering on our strategy for sustainable growth. These will be reflected in the awareness and education programmes for all employees as well as in the Bank's hiring processes, onboarding approach and performance management system. This is to ensure that Agrobanks are equipped and able to drive the mandate of the Bank for the next 50 years ahead.

Enhancing Practices and Processes

The Bank will continue with efforts to enhance practices and processes that imbue the renewed adoption and aspiration of its Vision and Mission. This shall be affected by deploying innovative strategies to increase its reach and provide suitable offerings that will support the agriculture value chain and ecosystem that effectively cultivates entrepreneurship and interest in the agriculture business.

The Bank will enhance its impact-based assessment on credit and enhance its product development process and programme design to ensure the aim of agriculture modernisation is supported through the improvement of the agricultural ecosystem, boost investment from the private sector and expansion activities for farmers, livestock breeders and fishermen, connect to new industries and market development, and undertake a broader, non-traditional intermediary role beyond banking to stimulate economic activities.

These efforts are guided by our adherence to the Bank's Developmental Framework and are a reflection of our commitment to creating impact and enhancing long-term value that makes a real difference towards building a sustainable future for all our stakeholders.


Batang ke Majlis

LARAKO
ROB



Pengkorporatan **AGROBANK**

THE CORPORATISATION OF AGROBANK



Perjalanan pengkorporatan BPM diusahakan Bank Negara Malaysia pada 2005 sebagai langkah untuk memperkuuhkan kedudukan kewangan bank, meningkatkan kapasiti dan keupayaan untuk mencapai keberkesanan serta lebih berdaya saing dan seterusnya, mengolah hala tuju strategik baharu untuk bank.

Menerusi pengkorporatannya, skop pembiayaan bank itu terus diperluaskan dan tumpuan yang lebih besar diletakkan kepada penawaran pelbagai instrumen perbankan untuk memasukkan akaun cek, urusan emas dan pertukaran mata wang dan pembiayaan perdagangan asing serta budaya kerja para petugas.

Pada 1 April 2008, BPM secara komersialnya dikenali sebagai Agrobank menerusi penjenamaan semula. Visi dan misi turut diatur semula untuk menjadikan Agrobank sebuah organisasi yang lebih dinamik dan agresif dalam mencapai objektifnya sebagai sebuah bank yang menyediakan pelbagai solusi untuk sektor pertanian.

Pengkorporatan Agrobank juga bermakna bank pertanian juga mampu berdaya saing seiring institusi kewangan komersil yang lain dengan meningkatkan keupayaannya menerusi penawaran produk pembiayaan kewangan dan bukan kewangan yang lebih inovatif.

BPM's corporatisation journey was initiated by Bank Negara Malaysia in 2005 as a step towards strengthening the financial position of the Bank, increasing capacity and ability to achieve efficiency; being more competitive; and, in turn developing new strategic directions for the Bank.

Through its corporatisation, the scope of the Bank's financing continued to expand and greater emphasis was placed on the provision of various banking instruments to include Current Account, gold transactions, currency exchange and foreign trade financing as well as the work culture of the employees.

On 1 April 2008, BPM was commercially known as Agrobank through a rebranding exercise. The vision and mission was revamped to make Agrobank a more dynamic and aggressive organisation in the pursuit of its objective as a Bank providing a range of solutions for the agriculture sector.

Agrobank's corporatisation also meant that now the agricultural bank could compete with other commercial financial institutions by increasing their capabilities through the offering of more innovative financial and non-financial financing products.

STRATEGI – PENILAIAN KEDUDUKAN & MAJU KE HADAPAN

STRATEGY – POSITION ASSESSMENT & GOING FORWARD

MENCAPAI MATLAMAT MELALUI STRATEGI KAMI

Strategi Agrobank dirangka berdasarkan keperluan jangka panjangnya untuk berfungsi sebagai pemangkin dalam pertumbuhan sektor pertanian. Pada 2020, Bank memulakan fasa terakhir dalam pelan strategik 5 tahunnya, iaitu Pelan Perniagaan Strategik 2016-2020 (SBP 2016-2020). Keseluruhan strategi Bank diselaraskan dengan dasar dan hala tuju nasional seperti Rancangan Malaysia ke-11 2016-2020 (RMK-11) dan Dasar Agromakanan Negara (2011-2020). Secara kolektifnya, pelan strategik ini membantu menetapkan hala tuju berterusan dalam pembangunan sektor pertanian, mencari jalan meningkatkan pemodenan sektor ini, serta menguruskan bekalan makanan negara secara mapan.

SBP 2016-2020 telah menyaksikan beberapa peningkatan ketara dalam perniagaan kami sepanjang empat tahun lepas. Kami telah berupaya mengukuhkan lembaran imbangan, menambah baik rangkaian penawaran, memperluaskan capaian pelanggan dan meningkatkan keupayaan kakitangan kami. Kami telah merekodkan pertumbuhan sebanyak 11.1% dalam pembiayaan pertanian utama dan industri berasaskan tanah. Kami turut meningkatkan pegangan pasaran kepada 37.1% pada tahun 2019, berbanding 28.4% yang direkodkan pada tahun 2016.

- Melulus dan menilai prestasi Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Pegawai Pematuhan.
- Menyemak dan mencadangkan tindakan strategik untuk mematuhi keperluan yang ditetapkan oleh BNM dan badan-badan kawal selia lain.
- Meluluskan semua hal berkaitan risiko Syariah termasuk tindakan untuk membetulkan sebarang ketidakpatuhan Syariah setelah disahkan oleh Jawatankuasa Syariah sebelum penyerahan kepada BNM, serta memaklumkan Lembaga Pengarah mengenai rancangan pembetulan yang diluluskan.

BRMC bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan dan bila-bila sahaja yang Pengerusi fikirkan perlu. Selain dari mesyuarat biasa, Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa lain boleh memanggil untuk mesyuarat khas. Sepanjang tahun dalam kajian, BRMC mengadakan 12 mesyuarat. BRMC terdiri daripada empat (4) Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh Pengarah Bukan eksekutif Bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Ahli-ahli BRMC ialah seperti berikut:

- i) Ibrahim Hassan (Pengerusi)
- ii) Datin Setia Shahariah Hashim
- iii) Faizah Abdullah
- iv) Jit Singh A/L Santok Singh

Its responsibilities also include reviewing the appropriateness and effectiveness of all aspects of enterprise risk management including, but not restricted to strategic risk, credit risk, market risk, compliance risk and operational risk. BRMC also reviews the policy on all risk issues and maintains oversight of all risks.

In this regard, the BRMC's scope of responsibilities is as follows:

- Recommend risk management vision and objectives, strategies and risk tolerance for the Board's approval; and review Agrobank's risk frameworks, risk management policies, procedures and processes.
- Approve risk management strategies recommended by the Management Risk Committee (MRC), including risk tolerance and risk appetite limits as well as policies pertaining to authority and responsibility for the management of risks.
- Review and deliberate on periodic risk reports escalated by the Management pertaining to risk and portfolio positions, risk management activities and actions undertaken by the Management to identify, measure, monitor and control the risks.
- Review the adequacy of Agrobank's internal and regulatory capital level as well as key risk factors that may impact its capital adequacy.
- Approve the appointment of external consultants and advisors to advise on risk management system infrastructure and technical matter as and when required.
- Approve the appointments and evaluate the performance of Chief Risk Officer and Chief Compliance Officer.
- Review and recommend strategic actions in order to comply with the requirements set by BNM and other regulatory bodies.
- Approve all Shariah risk-related matter including actions to rectify any Shariah non-compliance upon confirmation by the Shariah Committee prior to submission to BNM, as well as notify the Board of the approved rectification plans.

The BRMC meets at least once a month and whenever the Chairman deems necessary. In addition to the regular meetings, the Chairman or any other Committee member may call for a special meeting. During the year under review, BRMC held 12 meetings. BRMC comprises four (4) Non-Executive Directors and is chaired by an Independent Non-Executive Director appointed by the Board.

Members of the BRMC are as follows:

- i) Ibrahim Hassan (Chairman)
- ii) Datin Setia Shahariah Hashim
- iii) Faizah Abdullah
- iv) Jit Singh A/L Santok Singh

Jawatankuasa Audit Lembaga

Jawatankuasa Audit Lembaga (BAC) membantu Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab pengawasannya, khususnya berhubung penilaian kecukupan dan kecekapan dasar-dasar perakaunan, kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses laporan kewangan di Agrobank. BAC bertanggungjawab memastikan integriti dan kekinian penyata kewangan Agrobank, termasuk laporan tahunan dan interim, pengumuman keputusan awal dan sebarang bentuk pengumuman rasmi lain yang berkaitan dengan prestasi kewangan. Ini dilakukan melalui perbincangan terperinci mengenai kedudukan dan prestasi kewangan Agrobank, khususnya mengenai kecukupan peruntukan rosot nilai, lembaranimbangan dan keuntungan sebelum di bawa kepada perhatian Lembaga Pengarah.

BAC juga memastikan keberkesanan dasar dan prosedur pengaduan Agrobank pada asas di mana aduan, sama ada ditandatangani atau tanpa nama, boleh dilaporkan mengenai salah laku dalam pengumpulan, pemprosesan dan pendedahan maklumat kewangan.

Di samping itu, BAC menyemak keberkesanan fungsi audit dalam Agrobank dalam menyediakan jaminan korporat bebas berhubung pematuhan terhadap keperluan dalaman dan luar. Ini termasuk meluluskan pelantikan dan kemudiannya menilai prestasi CIA. Dalam hal ini, BAC memastikan bahawa audit dalaman mempunyai sumber yang cukup dan akses yang betul kepada maklumat bagi membolehkan mereka melaksanakan fungsinya dengan berkesan dan menurut piawaian profesional yang relevan. BAC juga menyemak aktiviti, penemuan dan cadangan audit dalaman, serta menentukan tindakan yang betul diambil oleh Agrobank dalam menangani penemuan dan cadangan audit.

Skop peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah konsisten dengan perkara berikut:

- Menyemak semua transaksi pihak ketiga/berkaitan dan memaklumkan Lembaga Pengarah tentang transaksi tersebut.
- Menyemak prosedur Agrobank untuk kakitangan menyuarakan keimbangan, dengan yakin, mengenai kemungkinan salah laku dalam pelaporan kewangan atau hal-hal lain, serta memastikan siasatan berkadar dan bebas mengenai hal-hal tersebut dan tindakan susulan yang betul.
- Membuat cadangan berhubung pelantikan, pelantikan semula dan penyingkirkan juruaudit luar Agrobank.
- Menyelia perhubungan dengan juruaudit luar iaitu meluluskan imbuhan mereka, terma lantikan, dan memastikan bahawa tiada hubungan (seperti keluarga, pekerjaan, pelaburan, kewangan atau perniagaan) antara juruaudit dengan Agrobank (selain dari urusan perniagaan biasa).
- Meluluskan peruntukan perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luar.
- Meluluskan pelan audit tahunan dan menyemak penemuan juruaudit luar.

Board Audit Committee

The Board Audit Committee (BAC) assists the Board in fulfilling its oversight responsibilities, in particular with regard to the evaluation of the adequacy and efficiency of accounting policies, internal controls, risk management and financial reporting processes at Agrobank. BAC is responsible to ensure the integrity and timeliness of the financial statements of Agrobank, including its annual and interim reports, preliminary results release and any other formal release relating to its financial performance. This is done through in-depth deliberations of Agrobank's financial position and performance, particularly on the adequacy of impairment provisions, balance sheet and profitability prior to escalation to the Board.

BAC also ensures effectiveness of Agrobank's whistleblowing policies and procedures on the basis of which complaints, whether signed or anonymous, may be reported about possible misconduct in the collection, processing and disclosure of financial information.

In addition, BAC reviews the effectiveness of Agrobank's internal audit function in providing independent corporate assurance with regard to compliance with internal and external requirements. This includes approving the appointment and subsequently evaluating the performance of CIA. In this respect, BAC ensures that internal audit has adequate resources and appropriate access to information to enable them to perform its function effectively and is in accordance with the relevant professional standards. BAC also reviews internal audit activities, findings and recommendations, as well as ascertains appropriate actions are taken by Agrobank in addressing the audit findings and recommendations.

The Committee's scope of roles and responsibilities is consistent with the followings:

- Review all third/related party transactions and keep the Board informed of such transactions.
- Review Agrobank's procedures for employees to raise concerns, in confidence, about possible wrongdoing in financial reporting or other matters, as well as ensure proportionate and independent investigation of such matters and the appropriate follow-up actions.
- Make recommendations in relation to the appointment, re-appointment and removal of Agrobank's external auditor.
- Oversee the relationship with external auditors i.e. approve their remunerations, terms of engagement, and ensure there are no relationship (such as family, employment, investment, financial or business) between the auditor and Agrobank (other than in the ordinary course of business).
- Approve the provision of any non-audit service by external auditors.
- Approve the annual audit plan and review the findings of external auditors.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

BAC terdiri daripada empat (4) Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Sekurang-kurangnya seorang (1) ahli Jawatankuasa mesti mempunyai kepakaran atau pengalaman perakaunan dalam bidang kewangan. BAC bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan di mana risiko perniagaan utama Agrobank dan tindakan pembetulan akan dilapor dan dibincangkan.

Komposisi BAC disenaraikan di bawah:

- i) Azizah Abdul Rahman (Pengerusi)
- ii) Dato' Dr. Yusof Ismail (Meletak jawatan berkuat kuasa 3 Jun 2019)
- iii) Datin Setia Shahariah Hashim
- iv) Ibrahim Hassan (Dilantik sebagai ahli berkuat kuasa 29 Ogos 2019)
- v) Abdul Rahim Abd Hadi (Meletak jawatan sebagai ahli berkuat kuasa 29 Ogos 2019)
- vi) Jit Singh A/L Santok Singh

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan

Jawatankuasa Penamaan dan Jawatankuasa Imbuhan digabungkan pada 1 Januari 2019 dan dikenali sebagai Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan (NRC). Rasional gabungan ini adalah untuk meningkatkan kecekapan fungsinya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dan juga menjimatkan kos dan masa memandangkan pelantikan atau pembaharuan pegawai-pegawai kanan utama perlu disemak secara menyeluruh bersama-sama dengan pakej imbuhan.

NRC bertanggungjawab mengenal pasti calon-calon berpotensi, menyemak dan mencadangkan calon untuk dinamakan sebagai ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga dan Pengurusan serta penilaian keberkesanan setiap pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhannya dan prestasi Jawatankuasa Syariah, P/CEO, Setiausaha Syarikat dan pengurusan kanan. Dalam mencadangkan pelantikan pengarah, ia adalah tanggungjawab NRC untuk memastikan ahli-ahli Lembaga Pengarah mempunyai gabungan kepakaran dan pengalaman dan untuk NRC menetapkan keperluan minimum bagi kepakaran dan kecekapan teras seseorang pengarah serta untuk menentukan kriteria 'Sesuai dan Betul' setiap pengarah.

NRC berusaha memastikan bahawa para pengarah mewakili fungsi perniagaan dan sokongan yang luas di mana pengarah bukan eksekutif bebas dilantik daripada pelbagai industri untuk memudahkan kepelbagaiaan pandangan dan pengalaman Lembaga Pengarah.

Di samping itu, NRC juga memainkan peranan membantu Lembaga Pengarah dalam membangun dan mentadbir prosedur telus dan saksama untuk menetapkan dasar berhubung keseluruhan strategi sumber manusia Agrobank dan dasar imbuhan untuk pengarah, P/CEO dan pengurusan kanan. NRC juga memastikan bahawa pakej imbuhan ini ditentukan berdasarkan merit, kelayakan, dan kecekapan mereka, dan mengambil kira keputusan operasi Bank, prestasi individu, dan perangkaan pasaran yang setanding.

Antara lainnya, berikut adalah peranan dan tanggungjawab NRC:

- Menetap dan mencadangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah berhubung keperluan minima kepada kepakaran dan kecekapan ahli-ahli Lembaga dan P/CEO, iaitu, gabungan kepada kepakaran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan lain yang diperlukan bagi pengarah dan P/CEO melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

BAC comprises four (4) Non-Executive Directors and is chaired by an Independent Non-Executive Director appointed by the Board. At least one (1) of the Committee member should have accounting expertise or experience in the field of finance. BAC meets at least once a month where Agrobank's major business risks and remedial actions would be reported and deliberated.

The compositions of BAC are listed below:

- i) Azizah Abdul Rahman (Chairman)
- ii) Dato' Dr. Yusof Ismail (Resigned w.e.f. 3 June 2019)
- iii) Datin Setia Shahariah Hashim
- iv) Ibrahim Hassan (Appointed as a member w.e.f. 29 August 2019)
- v) Abdul Rahim Abd Hadi (Resigned as a member w.e.f. 29 August 2019)
- vi) Jit Singh A/L Santok Singh

Nomination and Remuneration Committee

The Nomination Committee and Remuneration Committees were merged on 1 January 2019 and is known as Nomination and Remuneration Committee (NRC). The rationale for the merger is to enhance the efficiency of its function in discharging its duties and responsibilities and also to save cost and time since the appointment or renewal of key senior officers needs to be holistically reviewed together with the remuneration packages.

NRC is responsible in identifying potential candidates, reviewing and recommending candidates for nomination as members of the Board, Board Committees and the Management as well as assessment of the effectiveness of individual directors, the Board as a whole and the performance of the Shariah Committee, P/CEO, Company Secretary and senior management. In recommending the appointment of directors, it is the responsibility of NRC to ensure the Board members bring the required mix of skills and experience to the Board and NRC to establish the minimum requirements on the skills set and core competencies of a director as well as to ascertain the 'Fit and Proper' criteria of each directors.

NRC seeks to ensure that these directors represent a broad range of business and support functions where independent non-executive directors are drawn from a range of industries to facilitate a diversity of views and experience on the Board.

In addition, NRC also plays the role of assisting the Board in developing and administering fair and transparent procedure for setting of policy on the overall human resources strategy of Agrobank and the remuneration policy for directors, P/CEO and senior management. NRC also ensures that these remuneration packages are determined on the basis of their merit, qualifications, and competence, and having regard to the Bank's operating results, individual performance, and comparable market statistics.

Amongst others, the following are the roles and responsibilities of NRC:

- Establish and recommend for the Board's approval on the minimum requirements on the skills and competencies of the Board members and the P/CEO, that is, the required mix of skills, experience, qualification and other core competencies required of a director and P/CEO respectively to perform their responsibilities effectively.

- Menilai dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah calon-calon pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah dan P/CEO. Ini termasuk menilai pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah dan P/CEO untuk pelantikan/pelantikan semula, sebelum dihantar kepada Bank Negara Malaysia untuk pengesahan kriteria 'sesuai dan betul berdasarkan Garis Panduan Kriteria Layak dan Sesuai yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.
- Mengawasi komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah, dari segi saiz yang betul dan gabungan kepakaran yang diperlukan, pengalaman dan kecekapan teras.
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah penyingkiran pengarah, Jawatankuasa Syariah, P/CEO atau pengurusan kanan sekiranya mereka dianggap tidak agi sesuai dan betul atau didapati tidak berkesan, menyeleweng atau cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.
- Menetap dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah mekanisme bagi penilaian rasmi dan kriteria prestasi tentang keberkesanannya Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan sumbangan setiap pengarah kepada keberkesanannya Lembaga Pengarah, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi P/CEO dan pengurusan kanan lain.
- Memastikan bahawa semua pengarah menjalani program latihan berterusan untuk kekal mengikuti perkembangan terkini dalam industri.
- Mengawasi dan bilamana perlu, mendelegasi tanggungjawab untuk penilaian sesuai dan betul dan keputusan berhubung pelantikan, penggantian pengurusan dan penilaian prestasi pengurusan kanan kepada P/CEO atau jawatankuasa yang ditetapkan.
- Menilai kesesuaian dan kesesuaian Setiausaha Syarikat dan mencadangkan pelantikan dan pemecatan Setiausaha Syarikat.
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja imbuhan dan pakej imbuhan khusus untuk pengarah, Jawatankuasa Syariah, P/CEO, dan pengurusan kanan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

NRC terdiri daripada enam (6) Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dan ahli-ahlinya ialah seperti berikut:

- i) Datin Setia Shahariah Hashim (Pengerusi)
- ii) Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin
- iii) Dato' Mohd Sallehhuddin Bin Hassan
- iv) Azizah Abdul Rahman
- v) Faizah Abdullah
- vi) Haji Ibrahim Hassan

Jawatankuasa Teknologi Maklumat Lembaga

Jawatankuasa Teknologi Maklumat Lembaga (BITC) ditubuhkan pada Oktober 2016 dan menyediakan pengawasan dan hala tuju bagi pendekatan menyeluruh Agrobank terhadap Teknologi Maklumat (IT). Jawatankuasa ini menasihati Agrobank berhubung keutamaan IT membuat keputusan mengenai isu-isu strategik dan memandu pematuhan dengan tindakan yang dipersetujui.

- Assess and recommend to the Board the nominees for directorship, Shariah Committee members and P/CEO. This includes assessing the directors, Shariah Committee members and the P/CEO for appointment/reappointment, before submission to Bank Negara Malaysia for verification on 'fit and proper' criteria based on the Guideline on Fit and Proper Criteria issued by Bank Negara Malaysia.
- Oversee the overall composition of the Board, in terms of the appropriate size and required mix of skills, experience and core competencies.
- Recommend to the Board the removal of directors, Shariah Committee, P/CEO or the senior management if they are deemed to be no longer fit and proper or found to be ineffective, errant or negligent in discharging their responsibilities.
- Establish and recommend to the Board a mechanism for the formal assessment and performance criteria on the effectiveness of the Board as a whole and the contribution of each director to the effectiveness of the Board, the contribution of the Board's various Committees and the performance of the P/CEO and other senior management.
- Ensure that all directors receive appropriate continuous training program in order to keep abreast with the latest developments in the industry.
- Oversee and whenever necessary, delegate the responsibility for fit and proper assessments and decisions on the appointment, management succession planning and performance evaluation of senior management to the P/CEO or a designated committee.
- Assess the fitness and propriety of Company Secretary and recommend for the appointment and removal of the Company Secretary.
- Recommend to the Board the remuneration framework and specific remuneration package for directors, Shariah Committee, P/CEO, and senior management for the Board's approval.

NRC consists of six (6) Non-Executive Directors and is chaired by an Independent Non-Executive Director appointed by the Board and the members are as follows:

- i) Datin Setia Shahariah Hashim (Chairman)
- ii) Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin
- iii) Dato' Mohd Sallehhuddin Bin Hassan
- iv) Azizah Abdul Rahman
- v) Faizah Abdullah
- vi) Haji Ibrahim Hassan

Board Information Technology Committee

The Board Information Technology Committee (BITC) was established in October 2016 and provides oversight and direction for Agrobank's holistic approach to Information Technology (IT). The Committee advises Agrobank on IT priorities making decisions on strategic issues and driving compliance with agreed actions.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Peranan dan tanggungjawab utama BITC adalah seperti berikut:

- Menyediakan hala tuju strategik berhubung Pengurusan IT dan memastikan pelan strategik IT menyokong pelan perniagaan strategik Agrobank.
- Menyemak dan meluluskan hala tuju dan dasar pelaburan IT utama Agrobank bagi memastikan keberkesan sistem kawalan dalam dan kebolehpercayaan sistem maklumat pengurusan.
- Memastikan Pengurusan Agrobank menerima pakai dasar dan prosedur berhemat dan berkesan untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal atau mengurangkan risiko IT.
- Menjalankan tugas-tugas lain seperimana diarahkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.
- Meluluskan pelantikan perunding dan penasihat luar untuk menasihati Jawatankuasa mengenai infrastruktur sistem pengurusan risiko dan hal-hal teknikal bilamana diperlukan.

Komposisi BITC terdiri daripada empat (4) Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Ahli-ahli BITC ialah seperti berikut:

- i) Abdul Rahim Abd Hadi (Pengerusi)
- ii) Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin
- iii) Azizah Abdul Rahman
- iv) Jit Singh A/L Santok Singh

Jawatankuasa Strategik

Jawatankuasa Strategik Lembaga (BSC) ditubuhkan pada 1 Januari 2019. Peranan dan tanggungjawab utama BSC adalah seperti berikut:

- Membantu Lembaga Pengarah untuk memastikan keputusan Lembaga Pengarah, hal-hal strategik, pelan perniagaan dan belanjawan dijalankan, dilaksanakan dan/atau dipantau dengan berkesan dan cekap oleh Pengurusan dan bahawa keperluan amalan tadbir urus korporat yang baik dipatuhi.
- Mengawasi pelaksanaan dan pemantauan keputusan Lembaga Pengarah dan untuk memberi panduan strategik kepada Bank sebagaimana ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dalam terma rujukan.
- BSC perlu melaksanakan kuasanya demi kepentingan terbaik Bank dalam konteks mencapai strategi dan objektif Bank.
- Jawatankuasa perlu bertanggungjawab untuk menyusun strategi, menyemak dan membincangkan dengan Pengurusan Bank berhubung sebarang hal dalam terma rujukan, dan mempunyai kuasa untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah atau untuk membuat keputusan berhubung hal seumpamanya selagi ia konsisten dengan mana-mana keputusan Lembaga Pengarah, termasuk yang berikut:
 - a. Menyemak dan memberi input dan panduan dalam pelaksanaan dan pemantauan strategi dan hal-hal lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
 - b. Menyemak pelan strategik, perniagaan, belanjawan, strategi modal dan keperluan sumber bank dalam meneruskan strategi tersebut.

The roles and principal responsibilities of BITC are as follows:

- Provide strategic direction with regard to IT Management and ensure the IT strategic plan supports Agrobank's strategic business plan.
- Review and approve Agrobank's key IT strategic investment direction and policies to ensure the effectiveness of internal control systems and the reliability of the management information system.
- Ensure Agrobank's Management adopts prudent and effective policies and procedures to identify, measure, monitor and control or mitigate IT risks.
- Undertake other duties as directed by the Board from time to time.
- Approve the appointment of external consultants and advisors to advise the Committee on risk management system infrastructure and technical matters as and when required.

The composition of BITC comprises of four (4) Non-Executive Directors and is chaired by an Independent Non-Executive Director appointed by the Board. BITC members are as follows:

- i) Abdul Rahim Abd Hadi (Chairman)
- ii) Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin
- iii) Azizah Abdul Rahman
- iv) Jit Singh A/L Santok Singh

Board Strategic Committee

The Board Strategic Committee (BSC) was established on 1 January 2019. The roles and principal responsibilities of BSC are as follows:

- Assist the Board to ensure the decision of the Board, strategic matters, business plans and budgets are carried out, implemented and/or monitored efficiently and effectively by the Management and that the requirements of good corporate governance practices are observed.
- Oversee the implementation and monitoring of the Board's decisions and to provide strategic guidance for the Bank as delegated by the Board in these terms of reference.
- BSC shall exercise its authorities in the best interest of the Bank in the context of achieving the strategies and objectives of the Bank.
- The Committee shall be responsible for strategising, reviewing and discussing with the Management of the Bank in relation to any changes within this terms of reference, and shall have the authority to recommend to the Board or to make decision in relation to such matter provided that it is not inconsistent with any decision of the Board, including the following:
 - a. Review and provide input and guidance in the implementation and monitoring of strategies and other matters approved by the board.
 - b. Review the strategic, business plans, budgets, capital strategy and resource requirements of the bank in pursuing the strategies therein.

- c. Menyemak hasil strategik jangka sederhana dan jangka panjang yang dicadangkan oleh pengurusan.
- d. Menyemak pelaburan yang berpotensi, gabungan, pengambilalihan, kemampanan, penunaian mandat dan pelupusan perniagaan/aset bank.
- e. Menyemak laporan pengurusan daripada unit-unit perniagaan dan sokongan tentang inisiatif utama yang dijalankan oleh bank.
- f. Memantau dan menilai keadaan dan perkembangan politik, ekonomi dan perniagaan dalam pasaran kewangan dan/atau yang berkaitan dengan institusi kewangan secara berterusan dan untuk membincangkan dengan pengurusan bank bagi memastikan sebarang kemungkinan impak yang ketara dikenal pasti dan diuruskan.

BSC terdiri daripada empat (4) Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Butiran ahli-ahli BSC adalah seperti berikut:

- i) Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin (Pengerusi)
- ii) Datin Setia Shahariah Hashim
- iii) Azizah Abdul Rahman
- iv) Abdul Rahim Abdul Hadi

Kekerapan dan Kehadiran Mesyuarat

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga bermesyuarat secara berkala, menurut Piagam Lembaga Pengarah dan terma rujukan Jawatankuasa Lembaga dan dijangka menjalankan tugas mereka dengan mengambil bahagian secara aktif dalam setiap mesyuarat.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga boleh meminta untuk mengadakan mesyuarat tambahan bilamana perlu. Sepanjang FYE 2019, mesyuarat berikut telah diadakan:

- c. Review the medium and long term strategic outcomes proposed by the management.
- d. Review potential investments, mergers, acquisitions, sustainability, demonstration of mandate and divestment of business/assets of the bank.
- e. Review management reports from business and support units on key initiatives undertaken by the bank.
- f. Monitor and evaluate political, economic and business conditions and developments in the financial markets and/or relating to financial institutions on an on-going basis and to discuss with the management of the bank to ensure that any potential material impact is identified and managed accordingly.

BSC comprises four (4) Non-Executive Directors and is chaired by an Independent Non-Executive Director appointed by the Board. Detail of BSC members are as follows:

- i) Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin (Chairman)
- ii) Datin Setia Shahariah Hashim
- iii) Azizah Abdul Rahman
- iv) Abdul Rahim Abdul Hadi

Meetings Frequency and Attendance

The Board and Board Committees meet on regular basis, in accordance to the respective Board Charter or Board Committees TORs and are expected to discharge their duties by participating actively in the each meeting.

The members of the Board and Board Committees may request to convene additional meetings as and when the need arises. During FYE 2019, the following meetings have been conducted:

Mesyuarat Meetings	Kekerapan Frequency	Bilangan mesyuarat diadakan Number of meetings held
BOD	minima 10 kali setahun minimum 10 times per year	15 mesyuarat termasuk 3 mesyuarat khas 15 meetings including 3 Special meetings
BAC	2 bulan sekali/Once in 2 months	13 mesyuarat termasuk 1 mesyuarat khas 13 meetings including 1 Special meeting
BRMC	Setiap bulan/Monthly	12 mesyuarat 12 meetings
BCIVC	Setiap bulan/Monthly	14 mesyuarat termasuk 1 mesyuarat khas dan 1 mesyuarat ditangguhan 14 meetings including 1 Special meeting and 1 Adjourned meeting
NRC	Setiap suku tahun/Quarterly	16 mesyuarat termasuk 4 mesyuarat khas & 2 mesyuarat ditangguhan 16 meetings including 4 Special meetings & 2 Adjourned meetings
BITC	Setiap suku tahun/Quarterly	7 mesyuarat termasuk 3 mesyuarat khas 7 meetings including 3 Special meetings
BSC	Setiap suku tahun/Quarterly	4 mesyuarat termasuk 1 mesyuarat khas 4 meetings including 1 Special meeting

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Kehadiran ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Agrobank sepanjang the FYE 2019 dinyatakan di bawah:

Attendance of the members of the Board and Board Committees of Agrobank during the FYE 2019 are provided below:

Ahli Lembaga Pengarah Board Members	BOD	BAC	BRMC	BCIVC	NRC	BITC	BSC
Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin	15/15 (100%)	n/a	n/a	14/14 (100%)	16/16 (100%)	7/7 (100%)	5/5 (100%)
Dato' Mohd Sallehuddin Hassan ^x	10/13 (77%)	n/a	n/a	n/a	2/4 (50%)	n/a	n/a
Datin Setia Shahariah Hashim	15/15 (100%)	13/13 (100%)	12/12 (100%)	n/a	16/16 (100%)	n/a	5/5 (100%)
Azizah Abdul Rahman	15/15 (100%)	13/13 (100%)	n/a	n/a	15/16 (94%)	7/7 (100%)	5/5 (100%)
Haji Ibrahim Hassan [~]	15/15 (100%)	4/4 (100%)	12/12 (100%)	14/14 (100%)	16/16 (100%)	n/a	3/3 (100%)
Faizah Abdullah [#]	15/15 (100%)	n/a	12/12 (100%)	14/14 (100%)	16/16 (100%)	n/a	3/3 (100%)
Abdul Rahim Abd Hadi [^]	15/15 (100%)	9/9 (100%)	n/a	14/14 (100%)	12/12 (100%)	7/7 (100%)	2/2 (100%)
Jit Singh A/L Santok Singh	15/15 (100%)	12/13 (92%)	12/12 (100%)	n/a	n/a	7/7 (100%)	n/a
Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal*	9/9 (100%)	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a
Dato' Dr. Yusof Ismail [#]	4/6 (67%)	4/6 (67%)	n/a	n/a	n/a	n/a	1/2 (50%)

Nota/Notes:

- ^x Dilantik sebagai ahli pada 29 Ogos 2019
- ^x Appointed as member on 29 August 2019
- [~] Dilantik sebagai ahli BAC dan meletak jawatan sebagai ahli BCS pada 29 Ogos 2019
- [~] Appointed as member of BAC and resigned as member of BCS on 29 August 2019
- [#] Meletak jawatan sebagai ahli BSC pada 29 Oktober 2019
- [#] Resigned as member of BSC on 29 October 2019

- [^] Meletak jawatan sebagai ahli BAC dan NRC, dan dilantik sebagai ahli BSC pada 29 Ogos 2019
- [^] Resigned as member of BAC and NRC, and appointed as member of BSC on 29 August 2019
- * Berhenti sebagai Pengerusi/Pengarah pada 29 Julai 2019
- * Resigned as member of BSC on 29 October 2019
- [#] Meletak jawatan sebagai Pengarah dan ahli BAC dan BSC pada 3 Jun 2019
- [#] Resigned as Director and members of BAC and BSC on 3 June 2019

Imbuhan Lembaga Pengarah

Pakej imbuhan Lembaga Pengarah untuk Pengarah Bukan eksekutif dan Pengerusi Bukan Eksekutif adalah setimpal dengan peranan dan tanggungjawab pada peringkat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, yang telah beralih secara drastik berikut BNM CG, MCCG dan peraturan sedia ada lain yang dikenakan oleh pengawal selia. Pakej imbuhan Lembaga Pengarah adalah menurut Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan arahan, dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF).

Bilangan Pengarah Syarikat dengan jumlah imbuhan sepanjang FYE 2019:

Board's Remuneration

The Board's remuneration package for Non-Executive Directors and Non-Executive Chairman commensurate with the accountabilities, roles and responsibilities at both Board and Board Committees, which has shifted dramatically following the BNM CG, MCCG and other existing rules and regulation imposed by regulators. The Board's remuneration package is in accordance to Guidelines for Members of The Board of Directors Appointed by Ministry of Finance (Incorporated) and directive, issued by Minister of Finance (MOF).

The number of Directors of the Company whose total remuneration during FYE 2019:

Pengarah Bukan Eksekutif Non-Executive Director	Bil. Pengarah No. of Director
Bawah/Below RM100,000.00	2
RM100,000.00 – RM200,000.00	3
RM200,000.00 – RM300,000.00	5

Pelantikan Lembaga Pengarah

Proses melantik pengarah-pengarah Agrobank adalah telus dan menurut undang-undang dan peraturan tempatan yang mentadbir Agrobank. Dengan itu, pelantikan setiap pengarah adalah tertakluk kepada Perlembagaan Bank, pengesahan oleh BNM serta kelulusan oleh MOF sebagaimana ditetapkan di bawah subseksyen 6(1) DFIA 2015 yang dipinda.

NRC bertanggungjawab secara keseluruhan bagi proses pelantikan ini. Gambarajah di bawah menunjukkan proses pelantikan calon Pengerusi dan pengarah:

PROSES PELANTIKAN LEMBAGA PENGARAH/BOARD APPOINTMENT PROCESS



Kriteria Layak dan Sesuai

Kriteria 'sesuai dan betul' menetapkan bahawa pengarah dan P/CEO haruslah individu yang berkaliber oleh kerana mereka diamanahkan oleh pemegang saham Agrobank dan pihak berkepentingan lain untuk menguruskan bank dan memastikan operasinya yang kukuh. Lembaga Pengarah berpandukan Garis Panduan Tadbir Urus Korporat bagi IKP oleh BNM berhubung piawaian 'Sesuai dan Betul' untuk Lembaga Pengarah.

Dalam menentukan sekiranya seorang ahli yang 'sesuai dan betul' untuk menyandang jawatan sebagai pengarah atau P/CEO, faktor berikut diambil kira:

- Kebarangkalian, ketekunan, kecekapan dan kekuahan penilaian.
- Reputasi, karakter, integriti (termasuk integriti kewangan) dan kejujuran.
- Sejarah kesalahan melibatkan penyelewengan, ketidakjujuran dan keganasan.
- Sama ada beliau pernah terbabit dalam sebarang perniagaan yang menipu, menindas atau tidak betul atau amalan lain, yang boleh mencemarkan nama baiknya.
- Sama ada beliau pernah berkelakuan dalam cara yang boleh menimbulkan keraguan terhadap kecekapan dan kekuahan penilaianya.
- Sama ada beliau pernah menentang sebarang peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk melindungi orang awam daripada kerugian kewangan disebabkan ketidakjujuran, ketidakcekapan atau penyelewengan.
- Sama ada beliau pernah diisyiharkan bankrap.

Board Appointment

The process for appointing directors of Agrobank is transparent and in accordance with local laws and regulations governing Agrobank. Hence, the appointment of each director is subject to the Bank's Constitution, verification by BNM as well as approval by the MOF as prescribed under subsection 6(1) of the amended DFIA 2015.

The NRC has the overall responsibility for the appointment process. The diagram below depicted the appointment process of the nominees of Chairman and directors:

Fit and Proper Criteria

The 'fit and proper' Criteria stipulates that directors and the P/CEO have to be persons of high calibre as they are entrusted by Agrobank's shareholders and other stakeholders to manage the bank and ensuring its sound operations. The Board is guided by the Guidelines on Corporate Governance for DFIs by BNM on its 'Fit and Proper' standards for the Board.

In determining if a member is 'fit and proper' to hold positions as director or P/CEO, the following factors are taken into considerations:

- Probity, diligence, competence and soundness of judgement.
- Reputation, character, integrity (including financial integrity) and honesty.
- History of offence(s) involving fraud, dishonesty and violence.
- Whether he/she has been engaged in any deceitful, oppressive or improper business or other practice, which would discredit him/her.
- Whether he/she has behaved in any manner which may cast doubt on his/her competence and soundness of judgement.
- Whether he/she has contravened any provision made by or under any written law designed to protect members of the public against financial loss due to dishonesty, incompetence or malpractice.
- Whether he/she has been declared a bankrupt.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Penilaian Lembaga Pengarah

Penambahbaikan dan pembangunan berterusan Lembaga Pengarah serta proses dan prosedur Jawatankuasanya adalah kunci bagi memastikan bahawa struktur tadbir urus Agrobank adalah seiring dengan amalan terbaik. Ini dapat dicapai menerusi penilaian tahunan Lembaga Pengarah, yang menyediakan mekanisma maklum balas yang padu dan bernilai untuk menambah baik keberkesanan Lembaga Pengarah, memaksimakan kekuahan dan mengetengahkan bidang untuk kemajuan seterusnya. Agrobank peka bahawa amalan penilaian yang berkesan membantu Lembaga Pengarah, jawatankuasa dan pengarah-pengarah melaksanakan tugas mereka dengan keupayaan optimum.

Di Agrobank, NRC bertanggungjawab memastikan para pengarah terus memenuhi kriteria 'sesuai dan betul' yang ditetapkan oleh BNM sebaik sahaja mereka dilantik. Ini dicapai melalui penilaian tahunan ke atas semua pengarah, yang dibuat pada awal tahun. Penilaian ini merangkumi soal selidik yang terperinci yang memerlukan pengarah untuk menilai diri mereka sendiri serta rakan-rakan mereka. Penilaian ini dianalisis oleh Setiausaha Syarikat dan dibentangkan kepada NRC pada akhir suku pertama setiap tahun. Hasil analisis dibentangkan kepada Pengerusi, yang juga memberi penarafan peribadinya kepada setiap pengarah, manakala penarafan mereka yang lain dirahsiakan. Berdasarkan hasil penilaian, Setiausaha Syarikat mencadangkan tindakan diambil bagi memenuhi jurang yang wujud dalam Lembaga Pengarah dan mengukuhkan keupayaannya.

Pembangunan Profesional dan Pendidikan Berterusan

Lembaga Pengarah menekankan kepentingan pembangunan dan pendidikan berterusan untuk para pengarahnnya kekal mengikuti perkembangan terkini dalam persekitaran perniagaan dan bagi melengkapkan mereka dengan kepakaran dan pengetahuan yang perlu untuk melaksanakan fungsi mereka dengan berkesan. Setiap ahli Lembaga Pengarah mengambil bahagian dalam program taklimat induksi Lembaga Pengarah yang diselaraskan oleh Setiausaha Syarikat bersama-sama dengan P/CEO. Program ini termasuk pembentangan oleh Pasukan Pengurusan Kanan untuk memberi maklumat dan tinjauan mengenai Agrobank bagi membolehkan pengarah mendapat pemahaman lebih baik mengenai pengurusan dan operasi, serta isu-isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh Agrobank. Menurut keperluan BNM, pengarah baharu wajib mengikuti program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE) dan Kewangan Islam bagi Program Lembaga Pengarah.

Di samping itu, Pengarah digalakkan menghadiri program dan bengkel yang relevan bagi Agrobank dan menurut keperluan latihan sepertimana ditentukan menerusi penilaian tahunan. Bagi sepanjang tahun kewangan 2019, tiga (3) program dalaman telah dikenal pasti dan dianjurkan bagi mengisi jurang kepakaran yang ditentukan daripada penilaian Lembaga Pengarah.

Dalam lanjutan usaha mempelajari dan mendapatkan kepakaran dan pengetahuan berterusan untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme, para Pengarah telah menyertai program latihan, persidangan dan forum yang relevan bagi tahun kewangan 2019 sebagaimana disenaraikan dalam Lampiran 1 penyata ini.

Board Evaluation

Continuous improvement and development of the Board and its Committees' processes and procedures is the key to ensure that Agrobank's governance structure remains in line with the best practices. This is achieved through the annual Board's evaluation, which provides powerful and valuable feedback mechanism to improve the Board's effectiveness, maximising strengths and highlighting areas for further development. Agrobank is mindful that an effective board evaluation exercise helps the Board, committees and individual directors perform to their optimum capabilities.

At Agrobank, NRC is responsible in ensuring the directors continue to satisfy BNM's 'fit and proper' criteria once being appointed. This is achieved via annual evaluation of all directors, which is conducted at the beginning of the year. The evaluation comprises an elaborate questionnaire that requires the directors to assess themselves as well as their peers. These assessments are analysed by the Company Secretary and are tabled to NRC by first quarter annually. The results of the analysis are presented to the Chairman, who also provides each director with his own personal rating, while ratings of the others are kept confidential. Based on the results of the evaluation, the Company Secretary recommends actions to be taken to fill in any gap that exists in the Board and strengthen its capabilities.

Professional Development and Continuous Education for Directors

The Board emphasises the importance of continuing professional development and education for its directors to keep abreast with the latest developments in the business environment and to equip with the necessary skills and knowledge to perform their functions effectively. Each new Board member participates in Board Induction briefing program coordinated by the Company Secretary together with P/CEO. The program includes presentation by Senior Management Team to provide the information and overview of Agrobank to enable the director to gain better understanding of management and operations, as well as current issues and challenges faced by Agrobank. In accordance to BNM's requirements, it is compulsory for new directors to attend the Financial Institutions Directors' Education (FIDE) programme and Islamic Finance for Board of Directors Program.

In addition, Directors are encouraged to attend training programmes and workshops relevant to Agrobank and in accordance to the training needs as determined through the annual evaluation. During FYE 2019, three (3) in-house programmes have been identified and organised to fill the skill gaps determined from the Board evaluation.

In furtherance of the quest for continuous learning and acquisition of relevant skills and knowledge in order to enhance the business expertise and professionalism, Directors have participated in the relevant training programmes, conferences and forums during the FYE 2019 as listed in Appendix 1 of this statement.

Setiausaha Syarikat

Setiausaha Syarikat bertanggungjawab menasihati Lembaga Pengarah untuk antara lainnya, memastikan bahawa prosedur dan semua peraturan dan kod tadbir urus dipatuhi. Setiausaha Syarikat juga menyediakan panduan kepada para pengarah tentang tadbir urus, pematuhan dan tanggungjawab fidusiari mereka. Semua pengarah mempunyai akses tidak terhad kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat serta akses penuh dan tepat pada masanya kepada maklumat yang relevan bagi memudahkan pelaksanaan tugas mereka dengan berkesan.

Beberapa fungsi dan peranan utama Setiausaha Syarikat adalah seperti berikut:

- **Menyokong Pengerusi dan Lembaga Pengarah**

Setiausaha Syarikat menyokong Pengerusi dan Lembaga Pengarah dalam menggalakkan piawaian tertinggi tadbir urus korporat, dan memudahkan keberkesaan fungsi Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya, bila mana bersesuaian. Untuk ini, Setiausaha Syarikat:

- Memberi nasihat kepada Pengerusi dan para pengarah berhubung tugas dan tanggungjawab mereka.
- Memastikan mesyuarat berjalan dengan berkesan.
- Merekodkan keputusan Lembaga Pengarah, memastikan keputusan dimajukan kepada pengurusan untuk diambil tindakan dan diedarkan di kalangan pengarah.
- Menyediakan akses dan perkhidmatan lengkap kepada Lembaga Pengarah.

- **Pelantikan pengarah baharu**

Setiausaha Syarikat memastikan semua pelantikan para pengarah baharu dikuatkuasakan dengan betul. Ini termasuk membantu Lembaga Pengarah dalam memastikan pentadbiran lancar bagi pelantikan pengarah baharu, memberi taklimat kepada pengarah baharu tentang struktur organisasi Agrobank dan prosedur yang mengawal selia operasi Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat juga bertanggungjawab memastikan bahawa pengarah baharu menerima induksi yang betul ke dalam Agrobank dan menerima semua maklumat berkenaan untuk pelaksanaan tugas mereka dengan betul.

- **Pematuhan terhadap keperluan berkanun dan pentadbiran**

Setiausaha Syarikat bertanggungjawab memastikan bahawa Agrobank mematuhi keperluan berkanun di bawah undang-undang dan peraturan berkenaan. Oleh itu, Setiausaha Syarikat memainkan peranan penting dalam membimbing dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai pematuhan undang-undang dengan cara memastikan pematuhan terhadap prosedur menjalankan mesyuarat dan menjaga keselamatan dokumentasi korporat, membantu Lembaga Pengarah dengan menterjemah akta undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Agrobank, memaklumkan kepada Pengerusi tentang sebarang kemungkinan pelanggaran akta undang-undang dan peraturan, dan menasihati Lembaga Pengarah tentang keperluan wajibnya untuk mendedahkan maklumat penting.

Company Secretary

The Company Secretary is responsible for advising the Board for inter alia, ensuring that procedures and all regulations and governance codes are observed. The Company Secretary also provides guidance to the directors on governance, compliance and their fiduciary responsibilities. All directors have unrestricted access to the advice and services of the Company Secretary as well as full and timely access to information that is relevant to facilitate the discharge of their duties effectively.

Some of the key functions and roles of the Company Secretary are as follows:-

- **Support the Chairman and the Board**

The Company Secretary supports the Chairman and the Board in promoting the highest standards of corporate governance, and facilitating the effective functioning of the Board and its committees, where appropriate. To this effect, the Company Secretary:

- Provides advice to the Chairman and directors as to their duties and responsibilities.
- Ensures the meeting flows effectively.
- Records the decisions of the Board, ensuring decisions are relayed to management to act upon and circulated amongst the directors.
- Provides full access and services to the Board.

- **Appointment of new directors**

The Company Secretary ensures all appointments of new directors are properly effected. This includes assisting the Board in ensuring a smooth administration of the appointment of new directors, briefing new directors on organisational structure of Agrobank and procedures that regulate the operations of the Board. The Company Secretary is also responsible for ensuring that new directors receive appropriate induction into Agrobank and receive all relevant information for the proper discharge of their duties.

- **Compliance with statutory filing and administrative requirements**

The Company Secretary is responsible for ensuring that Agrobank is in compliance with statutory filing requirements under relevant statutes, rules and regulations. Hence, the Company Secretary plays an important role in guiding and advising the Board on legal compliance by way of ensuring compliance with the procedure for conducting meetings and safekeeping of corporate documentation, assisting the Board with interpreting legal and regulatory acts related to Agrobank, notifying the Chairman of any possible violations of legal and regulatory acts, and advising the Board on its obligatory requirements to disclose material information.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

▪ Pelaksanaan Tadbir Urus Korporat

Setiausaha Syarikat bertanggungjawab memastikan piawaian tinggi tadbir urus dengan mengikuti perkembangan terkini dalam tadbir urus korporat, perubahan dalam rangka kerja undang-undang dan peraturan dan amalan terbaik antarabangsa.

Jawatankuasa Pengurusan

Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya disokong oleh pelbagai jawatankuasa pengurusan, setiap satunya terdiri daripada ahli pengurusan kanan dengan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tumpuan jawatankuasa. P/CEO mempunyai hak melantik ahli untuk menjadi penggerusi mesyuarat semasa ketidakhadirannya.

Buat masa ini terdapat sembilan (9) jawatankuasa pengurusan, iaitu:

- Jawatankuasa Pengurusan
- Jawatankuasa Kredit Pengurusan
- Jawatankuasa Audit Pengurusan
- Jawatankuasa Aset dan Liabiliti
- Jawatankuasa Teknologi Maklumat Pengurusan
- Jawatankuasa Risiko Pengurusan
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi
- Jawatankuasa Pemberi Maklumat
- Jawatankuasa Perolehan Pengurusan
- Jawatankuasa Perolehan Bahagian
- Jawatankuasa Pelaksanaan Projek SBP; dan
- Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia.

Bekalan Maklumat

Pengurusan dan Setiausaha Syarikat bertanggungjawab memastikan Lembaga Pengarah terus diberikan maklumat lengkap, tepat dan pada masa yang mencukupi dalam bentuk dan kualiti yang sesuai bagi membolehkan Lembaga Pengarah melaksanakan tugasnya dengan berkesan. Akses kepada maklumat tepat pada masanya adalah penting bagi memastikan perbincangan terperinci, pertimbangan berdasarkan maklumat dan membuat keputusan yang berkesan. Pengurusan menyediakan pek mesyuarat yang mengandungi semua maklumat berkaitan dan relevan kepada agenda mesyuarat sekurang-kurangnya lima hari sebelum setiap Mesyuarat Lembaga Pengarah. Maklumat tambahan lain yang mungkin mempunyai kesan penting terhadap Agrobank, sama ada secara langsung atau tidak langsung disediakan dalam cara yang tepat pada masanya bilamana diminta oleh Lembaga Pengarah.

Semua isu yang timbul, perbincangan, pertimbangan dan rumusan termasuk pendapat berbeza yang dibuat pada mesyuarat Lembaga Pengarah dengan tindakan jelas untuk diambil oleh pihak bertanggungjawab direkodkan dalam mesyuarat.

Setiap pengarah mempunyai akses tidak terhad kepada semua maklumat dan rekod Agrobank serta nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat, yang juga menjadi setiausaha untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab memastikan bahawa prosedur dan peraturan bagi mesyuarat Lembaga Pengarah diikuti dan dipatuhi. Di samping itu, para pengarah, secara kolektif atau secara individu boleh mendapatkan nasihat profesional bebas dalam melaksanakan tugas mereka bilamana khidmat seumpamanya diperlukan.

▪ Implementation of Corporate Governance

The Company Secretary is responsible for ensuring high standards of governance by keeping abreast with the latest developments in corporate governance, changes in the legal and regulatory framework and international best practices.

Management Committees

The Board and its committees are supported by various management committees, each comprising senior members of management with the requisite knowledge and experience in the focus area of the committee. The P/CEO has the right to appoint a member to be the chairman of the meeting in his/her absence.

There are currently nine (9) management committees, namely:

- Management Committee
- Management Credit Committee
- Management Audit Committee
- Asset and Liability Committee
- Management Information Technology Committee
- Management Risk Committee
- Operational Risk Management Committee
- Whistleblower Committee
- Management Procurement Committee
- Division Procurement Committee
- SBP Project Implementation Committee; and
- Human Resources Management Committee.

Supply of Information

The Management and Company Secretary are responsible for ensuring the Board is continuously presented with a complete, accurate and adequate time bound information in a form and of quality appropriate to enable the Board to discharge its duties effectively. Access to timely information is important to ensure robust discussion, informed deliberation and effective decision making. The Management provides Board members a meeting pack containing all pertinent and relevant information pertaining to the agenda of meetings at least five days prior to every Board Meeting. Other additional information that may have material impact on Agrobank, either directly or indirectly is provided in a timely manner as and when necessary or when requested by the Board.

All arising issues, discussions, deliberations, decisions and conclusions including dissenting views made at Board meetings with clear actions to be taken by responsible parties are recorded in the meetings.

Each director has unrestricted access to all information and records of Agrobank as well as the advice and services of the Company Secretary, who also serves as secretary to the Board Committees and is responsible to ensure that the procedures for Board meeting are followed and that all applicable rules and regulations are complied with. In addition, the directors, collectively or individually may seek independent professional advice in furtherance of their duties in the event such services are required.

Hubungan Pemegang Taruh

Agrobank sedar bahawa perniagaan secara mapan hanya boleh dicapai melalui interaksi dengan pihak berkepentingan dan memahami impak perniagaan terhadap persekitarannya. Mengambil bahagian dalam dialog strategik dan proaktif dengan pihak berkepentingan utama membantu Agrobank mendapat pemahaman lebih mendalam tentang apa yang mendorong perniagaan dan mengenal pasti peluang, dan oleh itu mendahului persaingan dalam menyesuaikan kepada permintaan yang berubah-ubah. Agrobank sedar bahawa kerjasama adalah penting dalam mencapai visinya.

Sungguhpun tiada dasar rasmi tentang hubungan pihak berkepentingan, Agrobank secara berkala berhubung dengan pemegang sahamnya, Minister of Finance (Incorporated) (MoF Inc.), dan pihak berkepentingan utama lain, iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) (sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Asas Tani), Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, serta pengawal selia iaitu BNM.

Mesyuarat peringkat tertinggi diadakan dengan menteri-menteri berkenaan dan/atau timbalan mereka setiap tahun bagi membincangkan prestasi industri pertanian, sumbangan Agrobank serta cara di mana Agrobank boleh memberi sokongan lebih lagi kepada kemajuan industri. Ini disokong oleh mesyuarat berkala pada peringkat Pengurusan Kanan dengan wakil-wakil kementerian dan badan-badan kawal selia.

Agrobank memberi maklum balas berterusan mengenai pengurusan dan agihan dana konsesi daripada kementerian, memberi jaminan kepada agensi kerajaan bahawa dana tersebut ditadbir selaras dengan objektif yang ditetapkan yang menyokong keseluruhan agenda pembangunan kebangsaan oleh Kerajaan. Sehubungan ini, dana-dana tersebut disalurkan dengan betul dalam cara yang menggalakkan perkembangan segmen sasaran. Hubungan sebegini adalah tersirat dalam Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) – Akta 618, DFIA yang mentadbir bank dan IKP lain.

Agrobank mempunyai pelbagai jabatan dan bahagian yang dikhususkan untuk hubungan kerajaan, hubungan industri dan hubungan kakitangan. Setiap pasukan mempunyai rangka kerja hubungan mereka dengan pihak berkepentingan masing-masing.

Keber tanggungjawaban dan Audit

Pernyataan Tanggungjawab Pengarah

Para pengarah bertanggungjawab memastikan penyata kewangan Agrobank memberi pandangan benar dan saksama mengenai hal ehwal Agrobank, serta prestasi dan aliran tunainya bagi tahun kewangan 2019. Penyata ini disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, iaitu Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), dan mematuhi keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia serta garis panduan oleh BNM.

Penyata kewangan diedarkan kepada pemegang saham dalam cara yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan kemudiannya diterbitkan dalam laporan tahunan Agrobank, yang diedarkan kepada semua pemegang saham dan juga tersedia secara dalam talian di laman sesawang Agrobank www.agrobank.com.my.

Stakeholder Engagement

Agrobank is fully aware that sustainable business can only be achieved by interacting with its stakeholders and understanding the impact of the business has on its environment. Taking part in strategic and proactive dialogue with key stakeholders helps Agrobank to deepen its insights into business drivers and identify opportunities, and thus be ahead of competition in adjusting to changing demands. Agrobank realises that working in partnerships is crucial in delivering its vision.

Although there is no formal policy on stakeholder engagement, Agrobank engages regularly with its shareholder, Minister of Finance (Incorporated) (MoF Inc.), and other key stakeholders, namely the Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) (formerly known as Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry), Ministry of Plantation Industries and Commodities, Ministry of Rural and Regional Development, as well as the regulator i.e. BNM.

A high-level meeting is held with the relevant ministers and/or their deputies annually to discuss the performance of the agriculture industry, Agrobank's contributions as well as ways in which Agrobank could lend further support to the development of the industry. This is supported by regular meetings at the Senior Management level between Agrobank and representatives of the ministries and regulatory bodies.

Agrobank provides constant feedback on the management and distribution of concessionary funds from the ministries, providing assurance to the government agencies that the fund is administered in line with set objectives that support the Government's overall national development agenda. On this particular note, the funds are being channelled appropriately in a manner that promotes the development of the targeted segments. Such engagement is implicit in the Development Financial Institutions Act 2002 (DFI) – Act 618, governing the bank and other DFIs.

Agrobank has various departments and sections dedicated to government relations, industry relations and employee relations. Each team has their engagement framework with its respective stakeholders.

Accountability and Audit

Directors' Responsibility Statement

The directors are responsible for ensuring the financial statements of Agrobank provide a true and fair view of the state of affairs of Agrobank, as well as its performance and cash flow position for the FYE 2019. These statements are prepared in accordance with accounting standards approved by the Board, namely the Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) and International Financial Reporting Standards (IFRS), and comply with the requirements of the CA 2016 in Malaysia, as well as the guidelines by BNM.

The financial statements are circulated to the shareholders in the manner prescribed under CA 2016 and subsequently published in Agrobank's annual report, which is distributed to all stakeholders and also made available online on Agrobank's website at www.agrobank.com.my.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Kawalan Dalam

Agrobank mengekal dan membangunkan sistem kawalan dalamannya dengan tujuan untuk menambah baik prestasi perniagaannya, pada masa yang sama, mematuhi undang-undang dan peraturan. Kawalan dalam merangkumi semua dasar, proses, prosedur dan struktur organisasi dalam Agrobank yang membantu pengurusan dan akhirnya Lembaga Pengarah, untuk memastikan bahawa Agrobank mencapai objektif serta bahawa urusan perniagaan mematuhi segala undang-undang dan peraturan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekal dan menyemak keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalam untuk mengurus dan memantau risiko-risiko penting, dalam masa sama memastikan bahawa pelaburan pemegang saham, kepentingan pelanggan dan aset Agrobank dilindungi. Lembaga Pengarah secara berterusan menyemak rangka kerja pengurusan risiko Agrobank bagi memastikan prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan serta ketersediaan kawalan dalam untuk mengukur, mengawal, memantau, dan melaporkan risiko-risiko dan dikemas kini selaras dengan perubahan yang wujud dalam persekitaran perniagaan dan keadaan operasi dalam.

BAC secara berkala menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalam Agrobank dengan menyemak keberkesanan tindakan pembetulan yang diambil ke atas jurang/kekurangan yang dikenal pasti dalam laporan yang disediakan oleh juruaudit dalam dan luar semasa mesyuarat berjadualnya. BAC juga menyemak cadangan juruaudit, dan respon pengurusan terhadapnya, bagi memastikan sebarang kekurangan yang dikenal pasti ditangani secukupnya dan dengan segera.

Dasar Pemberian Makumat

Agrobank komited terhadap piawaian tertinggi bagi integriti, keterbukaan dan kebertanggungjawaban dalam urusan perniagaan operasi. Agrobank beriltizam untuk menjalankan hal ehwalnya dalam cara yang beretika, bertanggungjawab dan telus selaras dengan prinsip VBI yang diterima pakai. Agrobank berusaha untuk mengelakkan sebarang penyelewengan yang boleh mengakibatkan kesan serius kepada Agrobank atau kakitangannya. Ia juga memandang serius terhadap sebarang kecuaian atau salah laku mana-mana kakitangan, ahli pengurusan atau Lembaga Pengarah, khususnya berhubung kewajipan mereka terhadap kepentingan Agrobank.

Bagi mengekang sebarang salah laku, Agrobank telah menyediakan saluran komunikasi dan ruang lain untuk kakitangan menyuarakan keimbangan dengan yakin mengenai kemungkinan salah laku atau kecuaian yang mereka ketahui. Dasar Pemberian Maklumat Agrobank menyediakan saluran jelas untuk mana-mana individu melaporkan dengan suci hati, tanpa takut balas dendam, keimbangan mengenai kemungkinan penyelewengan dalam pelaporan kewangan atau sebarang salah laku yang disyaki sama ada yang sedang atau yang telah berlaku yang boleh merugikan Agrobank. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kejadian tidak beretika seperti kegiatan jenayah atau pelanggaran undang-undang/peraturan yang dilakukan oleh kakitangan lain atau mana-mana orang yang berurusan dengan Agrobank.

Internal Controls

Agrobank maintains and develops its internal control system with the ultimate aim of improving its business performance and, at the same time, complying with the laws and regulations. Internal controls cover all the policies, processes, procedures and organisational structures within Agrobank that help management and ultimately the Board, to ensure that Agrobank is achieving its objectives and that the business conduct is in compliance with all applicable laws and regulations.

The Board is responsible for maintaining and reviewing the effectiveness of risk management and internal control to manage and monitor material risks, thus ensuring that shareholders' investments, customers' interests and Agrobank's assets are safeguarded. The Board continuously reviews Agrobank's risk management framework with a view to ensure adequate and effective operational procedures and internal controls to measure, control, monitor, and report risks are in place and are updated in line with changes arising within the business environment and internal operating conditions.

The BAC regularly evaluates the adequacy and effectiveness of Agrobank's internal control systems by reviewing the effectiveness of remedial actions taken on lapses/deficiencies identified in reports prepared by the internal and external auditors during its scheduled meetings. The BAC also reviews the auditors' recommendations, and management's response to these, to ensure any lapse of deficiency identified is dealt with adequately and promptly.

Whistleblowing Policy

Agrobank is committed to the highest possible standards of integrity, openness and accountability in the conduct of this businesses and operation. Agrobank aspires to conduct its affairs in an ethical, responsible and transparent manner in line with the adopted VBI principles. Agrobank takes every effort to avoid any improprieties that may result in serious consequences for Agrobank or its employees. It also takes a serious view of any malpractice or wrong-doing on the part of any employee, member of management or Board, in particular with respect to their obligations to Agrobank's interest.

In order to curb any malpractices, Agrobank has placed communication channels and other avenues for employees to raise concerns in confidence about possible wrong-doings, malpractice or any misconduct of which they become aware. Agrobank's Whistleblowing Policy provides access to well-defined channels for any individual to report in good faith, without fear of reprisal, concerns about possible improprieties in financial reporting or any suspected wrongdoings either on-going or past action that could be detrimental to Agrobank. These included but are not limited to unethical incidences such as criminal activities or contravention of laws/regulations committed by another employee or any person who has dealings with Agrobank.

Menurut Dasar Pemberian Maklumat Agrobank, pemberi maklumat akan diberi perlindungan kerahsiaan identiti, sehingga ke tahap yang boleh dilaksanakan dengan munasabah dan akan dilindungi daripada sebarang tindakan buruk dan berbahaya kerana mendedahkan salah laku yang dibuat atau akan dibuat dalam Agrobank, sehingga ke tahap yang boleh dilaksanakan dengan munasabah, selagi pendedahan tersebut dibuat dengan niat yang baik.

Ikrar Integriti Korporat

Etika dan integriti adalah komponen yang terdapat dalam segala aspek tadbir urus korporat dan setiap keputusan dan tindakan Lembaga Pengarah. Sebagai bukti komitmennya dalam mengekalkan piawaian tertinggi integriti, tadbir urus korporat dan ketelusan, Agrobank menjadi IKP pertama yang menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) pada 6 September 2014. CIP menggambarkan usaha berterusan Agrobank untuk mewujudkan kesedaran, melaksanakan perancangan untuk memasukkan prinsip tersebut ke dalam nilai dan amalannya. Dengan ikrar ini, Agrobank juga komited untuk bekerjasama dengan SPRM dan pihak berkuasa lain bagi memupuk budaya integriti dan toleransi sifar terhadap penipuan atau rasuah. Ikrar ini adalah tanda manifestasi komitmen untuk mematuhi amalan perniagaan beretika dan menjadi contoh dan teladan dalam bagi menggerakkan agenda integriti dalam Agrobank.

Senarai Latihan Pengarah 2019/Directors' Training Lists 2019

Pengarah Director	Senarai Latihan Training/Persidangan/Seminar/Bengkel yang Dihadiri/Disertai List of Training/Conference/Seminar/Workshop Attended/Participated
Dato' Mohd Sallehuddin Hassan	<p>1. <i>FIDE Core Programme (Module A)</i> – 1 hingga 2 Julai 2019 dan 3 hingga 4 Julai 2019 (sesi pagi) <i>FIDE Core Programme (Module A)</i> – 1 to 2 July 2019 and 3 to 4 July 2019 (morning session)</p>
Dato' Dr Mohamad Hashim Ahmad Tajudin	<p>1. ISRA – 9 hingga 10 Januari 2019 <i>ISRA – 9 to 10 January 2019</i></p> <p>2. Jemputan Menghadiri 'Let's Get Real' on Anti-Bribery – 1 Mac 2019 <i>Invitation to Attend 'Let's Get Real' on Anti-Bribery – 1 March 2019</i></p> <p>3. Percuaian dan Mencegah Pemindahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan di Malaysia – 14 Ogos 2019 <i>Taxation and Battling Money Laundering and Terrorism Financing in Malaysia – 14 August 2019</i></p> <p>4. Jemputan Menghadiri Sesi Taklimat Pengenalan Liabiliti Korporat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Pindaan) 2018 – 13 September 2019 <i>Invitation to Attend Briefing Session on the Introduction of Corporate Liability under the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) (Amendment) Act 2018 – 13 September 2019</i></p>
Datin Setia Shahariah Hashim	<p>1. <i>FIDE Forum Workshop: Building an Effective Board - Board Selection</i> – 24 Januari 2019 <i>Fide Forum Workshop: Building an Effective Board - Board Selection</i> – 24 January 2019</p> <p>2. <i>FIDE Forum: Artificial Intelligence and Its Role in Financial Institutions</i> – 24 Julai 2019 <i>FIDE Forum: Artificial Intelligence and Its Role in Financial Institutions</i> – 24 July 2019</p> <p>3. <i>FIDE Forum-ISRA Programme – Value Based Intermediation: Directors Role</i> – 1 Ogos 2019 <i>FIDE Forum-ISRA Programme – Value Based Intermediation: Directors Role</i> – 1 August 2019</p> <p>4. <i>MKD Directors Talk Series #2: When Disruption Meets Tradition</i> – 6 Ogos 2019 <i>MKD Directors Talk Series #2: When Disruption Meets Tradition</i> – 6 August 2019</p> <p>5. Percuaian dan Mencegah Pemindahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan di Malaysia – 14 Ogos 2019 <i>Taxation and Battling Money Laundering and Terrorism Financing in Malaysia – 14 August 2019</i></p> <p>6. <i>Raising Defences: Section 17A, MACC Act</i> – 27 Ogos 2019 <i>Raising Defences: Section 17A, MACC Act</i> – 27 August 2019</p>

In accordance to Agrobank's Whistleblowing Policy, a whistleblower will be accorded with protection of confidentiality of identity, to the extent reasonably practicable and shall be protected against any adverse and detrimental actions for disclosing any improper conduct committed or about to be committed within Agrobank, to the extent reasonably practicable, provided that the disclosure is made in good faith.

Corporate Integrity Pledge

Ethics and integrity are inherent components in all aspects of corporate governance and in every board decisions and actions. Underlining its commitment to maintaining high standards of integrity, corporate governance and transparency, Agrobank became the first DFI to sign the Corporate Integrity Pledge (CIP) on 6 September 2014. The CIP reflects Agrobank's continuous efforts to create awareness, implement plan to embed the aforesaid principles into values and practices. With this pledge, Agrobank is also committed to working with MACC and other relevant authorities to create a culture of integrity and zero tolerance to fraud or corruption. This pledge is a sign of manifestation of commitment to observe ethical business practices and sets the "Tone at the Top" in driving the integrity agenda within Agrobank.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Pengarah Director	Senarai Latihan Training/Persidangan/Seminar/Bengkel yang Dihadiri/Disertai List of Training/Conference/Seminar/Workshop Attended/Participated
	<p>7. Jemputan Menghadiri Sesi Taklimat Pengenalan Liabiliti Korporat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Pindaan) 2018 – 13 September 2019 Invitation to Attend Briefing Session on the Introduction of Corporate Liability under the MACC (Amendment) Act 2018 – 13 September 2019</p> <p>8. <i>FIDE Forum: Leadership in a Disruptive World: The Changing Role of Boards</i> – 17 Oktober 2019 FIDE Forum: Leadership in a Disruptive World: The Changing Role of Boards – 17 October 2019</p>
Azizah Abdul Rahman	<p>1. <i>FIDE Forum Workshop: Building an Effective Board - Board Selection</i> – 24 Januari 2019 FIDE Forum Workshop: Building an Effective Board - Board Selection – 24 January 2019</p> <p>2. Jemputan Menghadiri 'Let's Get Real' on Anti-Bribery – 1 Mac 2019 Invitation to Attend 'Let's Get Real' on Anti-Bribery – 1 March 2019</p> <p>3. <i>BNM-FIDE Forum Masterclass on Cybersecurity: Unseen Threats</i> – 18 Jun 2019 BNM-FIDE Forum Masterclass on Cybersecurity: Unseen Threats – 18 June 2019</p> <p>4. <i>FIDE Forum: Artificial Intelligence and Its Role in Financial Institutions</i> – 24 Julai 2019 FIDE Forum: Artificial Intelligence and Its Role in Financial Institutions – 24 July 2019</p> <p>5. <i>FIDE Forum-ISRA Programme – Value Based Intermediation: Directors Role</i> – 1 Ogos 2019 FIDE Forum-ISRA Programme – Value Based Intermediation: Directors Role – 1 August 2019</p> <p>6. <i>MKD Directors Talk Series #2: When Disruption Meets Tradition</i> – 6 Ogos 2019 MKD Directors Talk Series #2: When Disruption Meets Tradition – 6 August 2019</p> <p>7. Percukaian dan Mencegah Pemindahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan di Malaysia – 14 Ogos 2019 Taxation and Battling Money Laundering and Terrorism Financing in Malaysia – 14 August 2019</p> <p>8. Jemputan Menghadiri Sesi Taklimat Pengenalan Liabiliti Korporat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Pindaan) 2018 – 13 September 2019 Invitation to Attend Briefing Session on the Introduction of Corporate Liability under the MACC (Amendment) Act 2018 – 13 September 2019</p> <p>9. <i>Raising Defences: Section 17A, MACC Act</i> – 17 Oktober 2019 Raising Defences: Section 17A, MACC Act – 17 October 2019</p>
Haji Ibrahim Hassan	<p>1. <i>FIDE Forum Workshop: Building an Effective Board - Board Selection</i> – 24 Januari 2019 FIDE Forum Workshop: Building an Effective Board - Board Selection – 24 January 2019</p> <p>2. ISRA – 13 hingga 14 Februari 2019 ISRA – 13 to 14 February 2019</p> <p>3. <i>M1-Building Sustainability Agility and Resilience Via ERM and M2-Integration and Linking, ERM to GRC</i> – 8 April 2019 M1-Building Sustainability Agility and Resilience Via ERM and M2-Integration and Linking, ERM to GRC – 8 April 2019</p> <p>4. Persidangan Global IERP 2019 – 9 hingga 10 July 2019 IERP Global Conference 2019 – 9 to 10 July 2019</p> <p>5. Memahami Fintech dan Implikasinya kepada Bank (Iclif) – 1 Ogos 2019 Understanding Fintech and Its Implications for Banks (Iclif) – 1 August 2019</p> <p>6. Percukaian dan Mencegah Pemindahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan di Malaysia – 14 Ogos 2019 Taxation and Battling Money Laundering and Terrorism Financing in Malaysia – 14 August 2019</p> <p>7. Jemputan Menghadiri Sesi Taklimat Pengenalan Liabiliti Korporat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Pindaan) 2018 – 13 September 2019 Invitation to Attend Briefing Session on the Introduction of Corporate Liability under the MACC (Amendment) Act 2018 – 13 September 2019</p> <p>8. <i>FIDE Forum: 4th Distinguished Board Leadership Series: Digital To The Core</i> – 4 Oktober 2019 FIDE Forum: 4th Distinguished Board Leadership Series: Digital To The Core – 4 October 2019</p> <p>9. <i>Raising Defences: Section 17A, MACC Act</i> – 10 Disember 2019 Raising Defences: Section 17A, MACC Act – 10 December 2019</p>

Pengarah Director	Senarai Latihan Training/Persidangan/Seminar/Bengkel yang Dihadiri/Disertai List of Training/Conference/Seminar/Workshop Attended/Participated
Faizah Abdullah	<p>1. FIDE Forum Workshop: Building an Effective Board - Board Selection – 24 Januari 2019 FIDE Forum Workshop: Building an Effective Board - Board Selection – 24 January 2019</p> <p>2. Reading the Signs: The Next Financial Crisis and Potential Impact on Asia – 14 Mac 2019 Reading the Signs: The Next Financial Crisis and Potential Impact on Asia – 14 March 2019</p> <p>3. FIDE Forum: Artificial Intelligence and Its Role in Fls – 24 Julai 2019 FIDE Forum: Artificial Intelligence and Its Role in Fls – 24 July 2019</p> <p>4. FIDE Forum-ISRA Programme – Value Based Intermediation: Directors Role – 1 Ogos 2019 FIDE Forum-ISRA Programme – Value Based Intermediation: Directors Role – 1 August 2019</p> <p>5. MKD Directors Talk Series #2: When Disruption Meets Tradition - 6 Ogos 2019 MKD Directors Talk Series #2: When Disruption Meets Tradition - 6 August 2019</p> <p>6. Percuaian dan Mencegah Pemindahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan di Malaysia – 14 Ogos 2019 Taxation and Battling Money Laundering and Terrorism Financing in Malaysia – 14 August 2019</p> <p>7. FIDE Programme: Raising Defences: Section 17A, MACC Act – 27 Ogos 2019 FIDE Programme: Raising Defences: Section 17A, MACC Act – 27 August 2019</p> <p>8. Jemputan Menghadiri Sesi Taklimat Pengenalan Liabiliti Korporat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Pindaan) 2018 – 13 September 2019 Invitation to Attend Briefing Session on the Introduction of Corporate Liability under the MACC (Amendment) Act 2018 – 13 September 2019</p> <p>9. FIDE Forum: Leadership In A Disruptive World – 17 Oktober 2019 FIDE Forum: Leadership In A Disruptive World – 17 October 2019</p>
Abdul Rahim Abd Hadi	<p>1. ISRA – 9 to 10 January 2019 ISRA – 9 to 10 January 2019</p> <p>2. FIDE Core Programme – Module B – 4 to 7 Mac 2019 FIDE Core Programme – Module B – 4 to 7 March 2019</p> <p>3. FIDE Elective Programme 'Corporate Governance for Development Financial Institutions' – 12 hingga 13 Mac 2019 FIDE Elective Programme 'Corporate Governance for Development Financial Institutions' – 12 to 13 March 2019</p> <p>4. Percuaian dan Mencegah Pemindahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan di Malaysia – 14 Ogos 2019 Taxation and Battling Money Laundering and Terrorism Financing in Malaysia – 14 August 2019</p> <p>5. Simposium Kebangsaan mengenai Kewangan dan Pasaran Modal Islam 2019 – 7 Oktober 2019 The National Symposium on Islamic Finance and Capital Market 2019 – 7 October 2019</p>
Jit Singh Santok Singh	<p>1. ISRA – 9 hingga 10 Januari 2019 ISRA – 9 to 10 January 2019</p> <p>2. FIDE Core Programme (Module A) – 18 hingga 21 Februari 2019 FIDE Core Programme (Module A) – 18 to 21 February 2019</p> <p>3. FIDE Core Programme – Module B – 4 hingga 6 Mac 2019 & 24 Oktober 2019 FIDE Core Programme – Module B – 4 to 6 March 2019 & 24 October 2019</p> <p>4. FIDE Elective Programme 'Corporate Governance for Development Financial Institutions' – 12 hingga 13 Mac 2019 FIDE Elective Programme 'Corporate Governance for Development Financial Institutions' – 12 to 13 March 2019</p> <p>5. BNM-FIDE Forum Dialogue with the Deputy Governor on the draft Risk Management in Technology Policy – 8 April 2019 BNM-FIDE Forum Dialogue with the Deputy Governor on the draft Risk Management in Technology Policy – 8 April 2019</p> <p>6. Percuaian dan Mencegah Pemindahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan di Malaysia – 14 Ogos 2019 Taxation and Battling Money Laundering and Terrorism Financing in Malaysia – 14 August 2019</p> <p>7. Jemputan Menghadiri Sesi Taklimat Pengenalan Liabiliti Korporat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Pindaan) 2018 – 13 September 2019 Invitation to Attend Briefing Session on the Introduction of Corporate Liability under the MACC (Amendment) Act 2018 – 13 September 2019</p>
Dato' Dr Yusof Ismail (Meletak jawatan berkuat kuasa 3 Jun 2019/ Resigned w.e.f. 3 June 2019)	<p>1. Kewangan Islam untuk Program Lembaga Pengarah (ISRA) – 13 hingga 14 Februari 2019 Islamic Finance for Board Program (ISRA) – 13 to 14 February 2019</p>

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Agrobank meletakkan keutamaan kepada sistem pengurusan dan pengawasan risiko yang kukuh dan mantap bagi aktiviti berkaitan dengan perniagaannya. Pengurusan risiko adalah penting bagi perniagaan, operasi dan keputusan yang dibuat Bank, dengan matlamat utama untuk mencapai keseimbangan sewajarnya antara pelaksanaan peranan, risiko yang diambil dan ganjaran yang diinginkan. Dalam pada itu, keutamaan dan keseimbangan risiko yang jelas dalam aktiviti mengembangkan perniagaan, akan membantu pihak Bank memastikan ketelusan dalam aktiviti pengambilan risiko, dan menyokong keputusan strategik yang dibuat oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan.

Tadbir Urus Risiko/Risk Governance

LEMBAGA PENGARAH/BOARD OF DIRECTORS

Memastikan pengurusan risiko Bank yang berkesan dan menyeluruh dari segi polisi, proses dan infrastruktur bagi menguruskan pelbagai jenis risiko yang dihadapi oleh Bank

Ensures that the Bank put in place effective and comprehensive risk management policies, processes and infrastructure to manage various types of risks undertaken by the Bank



JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO (BMRC)/BOARD MANAGEMENT RISK COMMITTEE (BMRC)

Menjalankan fungsi pengawasan risiko termasuk menyemak dan meluluskan rangka kerja dan polisi risiko utama bagi pelbagai jenis risiko
Risk oversight function which includes review and approval of key risk frameworks and policies for the various risks



JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO (MRC)/MANAGEMENT RISK COMMITTEE (MRC)

Pengawasan terhadap keseluruhan risiko
Oversight for overall risks



JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO OPERASI (ORMC)/OPERATIONAL RISK MANAGEMENT COMMITTEE (ORMC)

Pengawasan terhadap risiko-risiko operasi
Oversight for operational risks

Keadaan pasaran yang tidak menentu dan faktor-faktor risiko dinamik yang berkaitan dengan sektor pertanian, Bank harus memberikan kepentingan untuk memastikan ia melaksanakan amalan pengurusan risiko yang kukuh dan bersesuaian dengan standard kewangan. Bank meletakkan sasaran untuk mencapai keseimbangan antara peranan yang dimandatkan, risiko dan pulangan yang diinginkan, justeru itu, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Bank harus mewujudkan persekitaran perniagaan yang mantap sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang berwibawa.

Pendekatan tadbir urus risiko Agrobank menggariskan tanggungjawab risiko pemilikan di seluruh organisasi yang membolehkan penyelarasaran tanggungjawab secara berkesan, pada masa sama memastikan semua risiko diuruskan secara proaktif bagi aktiviti pengambilan risiko. Di Agrobank, tanggungjawab tertinggi pengurusan risiko digalas oleh Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC) menyelia keberkesanan pelaksanaan strategi pengurusan risiko di seluruh Bank. Di peringkat pengurusan, BRMC dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRC), dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (ORMC).

Agrobank places great importance on having a sound and robust system of oversight and management of risks related to its business activities. The management of risk is integral to the Bank's business, operations and decision-making, with the ultimate aim of achieving appropriate balance between successful execution of its mandated roles, risks undertaken and the desired level of rewards. With clear articulation of risk preferences and trade-offs in the pursuit of business growth, the Bank ensures transparency in its risk-taking activities and supports the strategic decisions made by the Board and management.

The volatile market conditions and dynamic risk factors associated with the agriculture sector raise the importance of ensuring that the Bank implements robust risk management practices and prudent financing standards. As the Bank aims to achieve balance between its mandated roles, risks and desired returns, the role played by the Board and Management is vital to create sound business environment and protect the Bank's financial soundness as a reputable development financial institution (DFI).

Agrobank's risk governance approach outlines the accountability of risk ownerships across the organisation that allow effective coordination of responsibilities while ensuring that risks are managed proactively at the onset of risk-taking activities. The ultimate responsibility of risk management in Agrobank lies with the Board. The Board, through the Board Risk Management Committee (BRMC) oversees the implementation of effective risk management strategy across the Bank. At the management level, the BRMC delegates the responsibility to the Management Risk Committee (MRC) and Operational Risk Management Committee (ORMC).

Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menjalankan pengawasan bebas bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan polisi dan proses pengurusan risiko bagi aktiviti pengambilan risiko. Untuk memastikan keberkesanan pengawasan risiko dalam membangunkan strategi perniagaan dan aktiviti pengambilan risiko, Lembaga Pengarah telah menetapkan struktur tadbir urus yang jelas dan berkesan, disokong dengan Terma Rujukan (TOR) yang dedifinisikan dengan baik, yang antara lain, merangkumi peranan dan tanggungjawab setiap jawatankuasa berkaitan.

BRMC adalah Jawatankuasa Lembaga utama yang menyelia pelaksanaan proses pengurusan risiko dalam mengenal pasti, menilai, mengawal dan memantau risiko-risiko ketara yang wujud dalam operasi perniagaan Bank. Keberkesanan proses-proses ini dipantau rapi dan dilaporkan kepada BRMC untuk dibincangkan dengan teliti. BRMC bertanggungjawab secara khususnya untuk:

- Membincangkan dan meluluskan strategi pengurusan risiko, polisi dan toleransi risiko/kesanggupan menanggung risiko yang dicadangkan oleh MRC.
- Menyemak dan menilai kekuahan rangka kerja pengurusan risiko dan polisi risiko sokongan.
- Memastikan kewujudan struktur, sumber dan sistem yang mencukupi bagi menyokong fungsi pengurusan risiko yang berkesan.
- Menyemak laporan risiko berkala tentang pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko, pematuhan had risiko, risiko baharu, dan tindakan Bank bagi mencegah pengumpulan risiko yang berlebihan.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan

Pihak Pengurusan bertanggungjawab untuk membentuk dan melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko dan polisi sokongannya. Berdasarkan pemahaman dan kearifan mereka dalam profil risiko Bank, pihak Pengurusan dipertanggungjawabkan untuk mempertimbangkan dan membuat keputusan perniagaan yang sewajarnya, dengan mengambil kira risiko berkaitan yang ada, serta memastikan Bank beroperasi dalam lingkungan kesanggupan menanggung risiko yang ditetapkan. Jawatankuasa MRC, ALCO dan ORMC diamanahkan untuk mengawasi dan menguruskan profil risiko Bank dan risiko baharu, selain faktor-faktor lain yang boleh mendorong perubahan negatif dalam profil risiko dan menyebabkan pengumpulan risiko yang berlebihan.

Bahagian Pengurusan Risiko

Bahagian Pengurusan Risiko (RMD) mewakili barisan pemantauan kedua dalam rangka kerja pengurusan risiko, dan membentuk bahagian bebas daripada unit-unit perniagaan. Ia menjalankan empat fungsi utama dalam pengurusan risiko, iaitu Pengurusan Risiko Kredit, Pengurusan Risiko Modal dan Pasaran, Pengurusan Risiko Operasi dan Pengurusan Risiko Syariah. Jabatan Pengawasan Kredit di pejabat-pejabat wilayah dan ibu pejabat turut diletakkan di bawah pengurusan RMD, dan bertanggungjawab terutamanya untuk menjalankan penilaian bebas ke atas kelulusan kredit. Di samping itu, Jabatan Penyelidikan disusun secara strategik di bawah RMD pada tahun 2019 untuk menyediakan maklumat penting berkaitan ekonomi dan risiko industri, di samping menganalisis aktiviti perniagaan untuk tujuan tertentu, atau bagi kegunaan masa hadapan.

Board Responsibilities

The Board is responsible for providing independent oversight in ensuring that senior management implements robust and effective risk management policies and processes in governing risk-taking activities. To enable effective risk oversight in the development of business strategies and risk-taking activities, the Board has established a clear and effective governance structure with well-defined Terms of Reference (TOR) which among others consist of roles and responsibilities of respective committees.

The BRMC is the principal Board Committee that oversees the implementation of risk management processes in identifying, evaluating, controlling and monitoring of significant risks that are inherent to the Bank's business operation. The effectiveness of these processes is closely monitored and reported to the BRMC for deliberation. Specifically, the BRMC is responsible for:

- Considering and approving risk management strategies, policies and risk tolerance/risk appetite recommended by MRC.
- Reviewing and assessing the adequacy of risk management framework and the supporting risk policies.
- Ensuring that structures, resources and systems are in place to support effective risk management function.
- Reviewing the Bank's periodic risk reports on risk exposures, risk portfolio composition, risk limits compliance, emerging risks and actions taken to prevent excessive risk accumulation.

Management Responsibilities

The Management is responsible for the design and implementation of the risk management framework and the supporting risk policies. By virtue of their understanding and appreciation of the Bank's risk profile, the Management is expected to exercise sound judgement in business decision-making giving due consideration on the associated risks and ensuring that the Bank operates within its defined risk appetite at all times. The MRC, ALCO and ORMC are entrusted to provide effective oversight and management of the Bank's risk profile and emerging risks as well as the underlying factors that could contribute to adverse change in risk profile and excessive risk build-ups.

Risk Management Division

The Risk Management Division (RMD) represents the second line of defence in the risk management framework and is an independent division from the business units. It undertakes four core risk management functions, namely Credit Risk Management, Capital & Market Risk Management, Operational Risk Management and Shariah Risk Management. The Credit Surveillance department at regional offices and head office are also under the purview of the RMD, and are primarily responsible to conduct independent assessment of post credit evaluation and approval. In addition, the Research Department was strategically organized under RMD in 2019 to provide value-added economic and industry risk information, as well as actively guide business activities through ad-hoc and forward looking analysis.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Walaupun demikian, Jabatan Keselamatan Maklumat yang diketuai oleh Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat (CISO) ditubuhkan untuk memikul tanggungjawab menguruskan risiko IT dan risiko siber berdasarkan Pengurusan Risiko dalam Teknologi (RMiT) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

RMD diketuai Ketua Pegawai Risiko (CRO) yang dilantik oleh Lembaga Pengarah, untuk menerajui bahagian pengurusan risiko. Antara lain, peranan RMD merangkumi perkara yang berikut:

- Memudahkan pembangunan strategi risiko dan keseluruhan dasar risiko.
- Memantau aktiviti pengambilan risiko.
- Melaksana dan menguatkuaskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko, memastikan amalan terbaik industri bagi disiplin pengurusan risiko diterima pakai di seluruh bank.
- Penerapan budaya kesedaran risiko yang berterusan di semua peringkat.
- Mengkaji kualiti portfolio pembiayaan dan pelan pemulihan secara berasingan.
- Menyediakan pelan kesinambungan perniagaan dan rancangan luar jangka.
- Menilaikan produk baharu, manual operasi dan pelan pengurusan modal.
- Mengkaji semula sinergi pelaburan perbendaharaan dan menganalisis kedudukan serta aktiviti berkaitan perubahan dalam pasaran kewangan, untuk memastikan pematuhan rangka kerja risiko pasaran.
- Menjalankan ujian tekanan berkaitan perniagaan apabila diperlukan, dan ujian tekanan makroekonomi dari semasa ke semasa.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Rangka kerja pengurusan risiko bagi Agrobank disediakan berdasarkan proses tadbir urus yang menetapkan dengan jelas mengenai tanggungjawab dalam mengenal pasti, menilai, mengawal, memantau dan melaporkan risiko. Tanggungjawab ini merangkumi tiga barisan pemantauan, iaitu unit pengambilan risiko, unit kawalan risiko, dan juruaudit dalaman. Ketiga-tiganya membentuk sebahagian daripada budaya risiko Bank, di mana setiap kikitangan bertanggungjawab atas risiko yang berada dalam kawalan mereka. Barisan pemantauan pertama bertanggungjawab untuk menyediakan asas budaya risiko yang kukuh. Ini diikuti oleh barisan kedua dan ketiga yang berfungsi dalam merangka kerja yang strategik, membolehkan Agrobank menangani cabaran-cabaran dalam menguruskan risiko secara berkesan. Rangka kerja ini juga menentukan bagaimana Bank mengurus dan menggunakan amalan pengurusan risikonya bagi memastikan semua aktiviti yang dijalankan adalah selaras dengan prinsip-prinsip yang digariskan dalam rangka kerja pengurusan risiko seperti berikut:

1. Pendekatan pengurusan risiko di Agrobank berdasarkan tiga barisan pemantauan, iaitu unit pengambilan risiko, unit kawalan risiko dan audit dalaman.
2. Unit-unit pengambilan risiko (jabatan dan cawangan) membentuk barisan pemantauan risiko yang pertama, dan berfungsi untuk menguruskan keseimbangan antara risiko dan pulangan, menurut polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bank. Secara asasnya, unit

Notwithstanding the above, the Information Security Department headed by the Chief Information Security Officer (CISO) was established to undertake the responsibilities of managing IT risk and cyber risk in accordance to the Bank Negara Malaysia's Risk Management in Technology (RMiT) requirements.

The RMD is headed by the Chief Risk Officer (CRO), who is appointed by the Board to spearhead the risk management division. Among others, the role of the RMD includes the following:

- Facilitate the development of risk strategy and overall risk policy.
- Monitor risk taking activities.
- Implement and reinforce Risk Management Framework, ensuring industry best practice of risk management disciplines are adopted across the bank.
- Continuous inculcation of risk awareness culture at all levels.
- Undertake independent review on the quality of financing portfolio.
- Ensure business continuity and contingency plans are in place.
- Assess new products, operational manuals and the capital management plan.
- Review treasury's investment synergies and analyse positions and activities vis-à-vis changes in the financial market in propagating and ensuring compliance with the market risk framework.
- Conduct ad-hoc business related stress tests and periodic macroeconomic stress tests.

Risk Management Framework

Agrobank's risk management framework is based on a governance process that sets forth clear responsibilities for identifying, assessing, controlling, monitoring and reporting risks. These responsibilities are divided into three lines of defence, namely, the risk-taking units, risk control units and, lastly, the internal auditor. This becomes part of the Bank's risk culture, enshrining the practice that every employee is accountable for these risks in their domain. With the first line setting a strong organisational tone focused on risk culture, followed by the second and third line of defence working within a collaborative, strategic framework, allows Agrobank to effectively meet the challenges of today's risk landscape. The framework also sets out how the Bank organises and applies its risk management practices to ensure that all activities are conducted in line with the principles underpinning the risk management framework as prescribed below:


1. The risk management approach in Agrobank is based on three lines of defence namely risk-taking units, risk control units and internal audit.
2. Risk-taking units (departments and branches) form the first line of defence against inherent risk by managing the risk reward trade-off contained within the policies and guidelines laid down by the Bank. Principally, they are responsible for ensuring that a

ini bertanggungjawab untuk memastikan persekitaran kawalan risiko yang beroperasi dengan berkesan sebagai sebahagian daripada aktiviti operasi harian. Penerimaan risiko pada barisan pemantauan pertama harus memenuhi tahap kesanggupan menanggung risiko, dan had-had yang ditetapkan.

3. Barisan pemantauan kedua merangkumi unit kawalan risiko, yang bertanggungjawab untuk menyediakan rangka kerja pengurusan risiko dan membangunkan polisi, metodologi serta instrumen bagi mengurus semua risiko utama dalam Bank. Unit kawalan risiko mengkaji rangka kerja, polisi, metodologi dan instrumen memenuhi keperluan unit-unit pengambilan risiko.
 - a. Bahagian Pengurusan Risiko bertanggungjawab untuk membangunkan dan memantau pelbagai polisi risiko dan keputusan berkaitan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah. Fungsi dan penstrukturannya adalah berasingan daripada unit perniagaan dan unit pengambilan risiko lain di Bank.
 - b. Pengurusan risiko memastikan polisi risiko utama Bank adalah konsisten dengan tahap risiko dan kesanggupan menanggung risiko, bagi memudahkan pelaksanaan rangka kerja pengukuran risiko terlaras.
 - c. Pengurusan risiko turut mengawasi risiko-risiko utama, termasuk risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan, risiko operasi dan risiko Syariah. Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengawasi keseluruhan risiko yang dihadapi oleh Bank, menerusi BRMC.
4. Sebagai barisan pemantau ketiga, audit dalaman membuat penilaian berasingan dan objektif untuk mengesahkan risiko yang telah dikenalpasti, kawalan dalaman yang bersesuaian bertanggungjawab untuk mengurus semua risiko tersebut dan memastikan keberkesanannya. Penilaian audit dalam ini membantu barisan pemantauan pertama dan kedua melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan dan konsisten.

risk control environment is put in place and operating effectively as part of day-to-day operations. The acceptance or generation of risk in the first line of defence should fit with the risk appetite and limits defined.

3. The second line of defence is the risk control units, which establish the risk management framework and develop policy, methodologies and tools for the management of key risks in the Bank. Through reviews, risk control units ensure that the framework, policies, methodologies and tools are fit for use and adhered by the risk-taking units.
 - a. The Risk Management Division is responsible for the development and monitoring of various risk policies and related decisions by the Board. It is functionally and organisationally independent of business units and other risk-taking units within the Bank.
 - b. Risk management ensures that the core risk policies of the Bank are consistent with risk tolerance levels and risk appetite to facilitate the implementation of an integrated risk-adjusted measurement framework.
 - c. Risk management also provides oversight of major risks including credit risk, market risk, liquidity risk, operational risk and Shariah risk. The Board, through the BRMC, is responsible for the oversight of overall risks to which the Bank is exposed.
4. The internal audit, being the third line of defence, provides an independent and objective assessment on whether risks have been adequately identified; appropriate internal controls are in place to manage those risks and whether these controls are working effectively. Through its assessment, the internal audit ensures that the first and second line of defence executes their responsibilities in an effective and consistent manner.



PENYATA PENGURUSAN RISIKO STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Rangka kerja pengurusan risiko direka bentuk untuk mengekalkan risiko-risiko Bank dalam tahap keinginan risiko yang boleh diterima, dan bukan sepenuhnya menghapuskan risiko dalam usaha mencapai matlamat perniagaan dan objektif korporat. Justeru itu, ia hanya mampu memberikan jaminan yang munasabah dan bukannya jaminan mutlak ke atas sebarang bentuk salah nyata, penipuan atau kerugian kewangan.

Penyata Kesanggupan Menanggung Risiko

Untuk menggalakkan tadbir urus yang berkesan dan proses membuat keputusan berdasarkan risiko, Bank telah menetapkan penyata kesanggupan menanggung risiko bagi risiko-risiko yang sedikit sebanyak, mampu dikurangkan dan diuruskan. Penyata kesanggupan menanggung risiko ini menetapkan jumlah dan jenis risiko yang sanggup ditanggung dalam mencapai objektif perniagaan strategik bank yang ditetapkan dan dipantau sewajarnya oleh Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan. Ia turut memperuntukkan tanggungjawab dan sumber yang diperlukan untuk menguruskan pendedahan kepada risiko.

Perancangan keinginan risiko ini disatukan ke dalam strategi dan rancangan perniagaan tahunan Agrobank dan berfungsi untuk mencapai keputusan strategik dan taktikal yang lebih baik. Kesanggupan menanggung risiko disemak setiap tahun, dan disesuaikan dengan sebarang perubahan dalam persekitaran perniagaan dan pasaran, sambil memastikan ianya selaras dengan strategi, persekitaran perniagaan, kawal selia dan keperluan pihak berkepentingan.

Bank menggunakan pelbagai jenis penunjuk kuantitatif dan kualitatif untuk memantau profil risiko, di mana had-had spesifik ditetapkan menurut kesanggupan menanggung risiko bagi Bank. Ujian tekanan dan analisis senario turut dijalankan untuk menilai prestasi portfolio Bank dalam situasi yang berkemungkinan menjelaskan profil risiko dan hala tuju Bank dengan ketara.

Inisiatif Utama dalam Pengukuhan Keupayaan Pengurusan Risiko pada tahun 2019

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Agrobank yakin bahawa pengurusan risiko bukan sekadar meminimakan risiko tetapi juga membolehkan Bank mengambil risiko tertentu terus membangun dan mencipta nilai. Oleh itu, pengurusan risiko di Agrobank dijalankan secara dinamik dan sentiasa bersedia untuk berdepan dengan risiko baharu (dan mengeluarkan risiko lapuk) yang wujud sepanjang tahun ini. Ini dikendalikan menerusi pemantauan persekitaran risiko yang berterusan dan kajian semula prosedur dan dasar-dasar bagi memastikan ia kekal relevan di persekitaran perniagaan. Melihatkan kepada keadaan pasaran global dan serantau, Agrobank meletakkan keutamaan tertinggi untuk terus mengukuhkan infrastruktur risikonya pada 2019.

The risk management framework is designed to keep the Bank's risks within an acceptable level of risk appetite, rather than completely eliminating all risks in pursuit of appropriate rewards to achieve the Bank's business goals and corporate objectives.

Risk Appetite Statement

In support of effective governance and risk-informed decision-making, the Bank has set out a risk appetite statement for those risks which, to a lesser or greater extent, are within its control to mitigate and manage. The risk appetite statement specifies the amounts and types of risk the Bank is willing to undertake in achieving its strategic business objectives, duly set and monitored by the Board and Management. It also informs policies on the allocation of accountabilities and resources to managing its risk exposures.

The risk appetite planning is integrated into Agrobank's annual strategy and business plan and acts as a lever for making better strategic and tactical decisions. The risk appetite of the Bank is reviewed yearly to adapt to changes in the business environment and market conditions, while ensuring that they are consistent with the Bank's strategy, business, regulatory environment and stakeholders' requirements.

The Bank employs a range of quantitative and qualitative indicators to monitor the risk profile whereby specific limits are set in line with the Bank's risk appetite. Stress testing and scenario analyses are also conducted to assess the health and performance of the Bank's portfolios against potential risk events that may adversely impact the Bank's risk profile and business direction.

Key Initiatives in Strengthening Risk Management Capabilities in 2019

The Board and Management of Agrobank believe that risk management is not just about minimizing downside risk, but also enabling the Bank to take on the necessary risks to grow and create value. Hence, risk management at Agrobank is dynamic and responds to new risks (and removes out of date risks) as they arose during the year. This is conducted through continuous monitoring of risk environment and revision of policies and procedures to ensure its relevance to the prevailing business environment. In light of the prevailing global and regional market conditions, Agrobank placed the highest priority on further strengthening its risk management infrastructure during 2019.



Perkembangan dan pencapaian inisiatif utama adalah seperti berikut:

- Bank terus menyemak dan mengemaskini standard penaja jaminannya selaras dengan amalan terbaik pasaran. Sementara di peringkat portfolio, semakan berkala dijalankan terhadap sistem penilaian kredit dalaman yang sedia ada bagi portfolio runcit. Bagi portfolio bukan runcit, model penilaian baharu yang merangkumi platform penilaian dilengkapkan pada 2018. Di samping itu, toleransi risiko Bank telah diterjemahkan kepada had-had risiko yang terperinci untuk mendorong penunjuk risiko utama yang progresif dan memudahkan pemantauan nilai ambang dengan menggunakan had pencetus kesanggupan menanggung risiko. Had terperinci ini ditetapkan untuk membantu perniagaan mencapai matlamat rancangan jangka pendek, serta memberi peluang untuk mereka menilai semula peluang dan risiko berkaitan yang wujud dikala had semakin dihampiri. Pengurusan pendedahan kepada risiko kredit termasuk menyemak had-had risiko kredit seperti had risiko industri dan Pencetus Tindakan Pengurusan (MAT) dari semasa ke semasa, untuk disesuaikan dengan perubahan dalam kawal selia, keperluan perniagaan dan keadaan pasaran.

Key developments and initiatives achieved are highlighted below:

- The Bank continued to review and update its credit underwriting standards to commensurate with market place best practices. At the portfolio level, periodic review was conducted on the existing internal credit rating system for retail portfolios. For non-retail portfolios, new rating models, which includes the rating platform was completed in 2018. In addition, the Bank's risk tolerance was translated into granular risk limits and thus enabling new forward-looking key risk indicators and monitoring thresholds through the risk appetite trigger limits. These granular limits were set to allow businesses to achieve their near-term plans while promoting a reassessment of the opportunity and associated risks as the limit is approached. As part of the Bank's credit risk exposure management, credit risk limits such as industry risk limits and Management Action Triggers (MAT) were regularly reviewed in response to regulatory changes, changing business needs and market conditions.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

- Dengan kenaikan kos dalam sistem perbankan, Agrobank telah mengambil langkah untuk memperbaiki fungsi perantara dengan mengurangkan ketidaksepadanan dalam pendanaan, mempelbagaikan sumber pendanaan komersial, merasionalkan keuntungan dan kadar hibah, dan memantapkan pengurusan profil kematangan bagi aset dan liabiliti milik Bank.
- Bank sentiasa mempertingkatkan pertahanan siber dan pengurusan risiko siber.
- Bank sedang berusaha melaksanakan rangka kerja CAFIB (BASEL II) dalam menilaikan kecukupan modal, serta strategi pengurusan modalnya. Walaupun tidak diwajibkan, Bank telah menggunakan peraturan Basel III bagi Nisbah Liputan Kecairan (LCR) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR) yang dikeluarkan oleh BNM. Peraturan Basel III akan digunakan oleh Bank dalam menguruskan kecairan dan melaksanakan modal dengan lebih berkesan.
- Pengurusan risiko operasi adalah sebahagian dari keseluruhan aktiviti pengurusan risiko Bank yang meliputi kesemua bahagian dan kakitangan Bank. Penekanan turut diberikan untuk memastikan keberkesanan dalam penyelarasan risiko operasi serta risiko lain (seperti; risiko kredit, risiko pasaran dan risiko lain yang wujud hasil interaksi daripada risiko operasi) untuk menyediakan pendekatan yang berintegrasi dan menyeluruh mengikut strategi pengurusan risiko keseluruhan Bank. Penilaian bagi risiko pengoperasian merupakan titik utama dalam mengendalikan penilaian secara sistematis dalam urusan perniagaan sedia ada dan perubahan yang disarankan. Perkembangan bagi isu-isu penting dalam risiko pengoperasian telah dipantau manakala pendedahan terhadap risiko pengoperasian dianalisis dan dilaporkan kepada pengurusan kanan serta Lembaga Pengarah untuk membantu mereka membuat keputusan. Penekanan turut diberi pada pemantauan risiko-risiko baharu seperti risiko siber.
- Agrobank sentiasa memerhatikan pembangunan luaran, dan memantau impak makroekonomi dan faktor risiko yang khusus pada tahap kecukupan modalnya. Penilaian risiko secara "atas ke bawah", dan "bawah ke atas" dijalankan secara berkala dan berstruktur sepanjang tahun untuk mengenal pasti pelbagai jenis risiko, sementara ujian tekanan dijalankan untuk mengukur impak senario negatif terhadap kedudukan kewangan Bank dan sekiranya wujud keperluan, langkah-langkah yang bersesuaian dengan kesanggupan menanggung risiko Agrobank diambil berdasarkan keputusan ujian tekanan tersebut.
- Keutamaan berterusan diletakkan pada usaha menambah baik pelaporan dan kualiti maklumat risiko yang disediakan dan dibentangkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah, yang menjurus kepada penambahbaikan terhadap pemahaman dan kepentingan mengenai risiko di seluruh Bank.
- Bagi membina tadbir urus risiko yang berkesan, budaya risiko dan pematuhan harus diperkuatkan, selain menerapkan sifat bertanggungjawab di setiap peringkat. Usaha Bank bagi memantapkan budaya dan amalan terbaik risiko merangkumi latihan pengurusan risiko dan program kesedaran yang dijalankan dari semasa ke semasa, untuk membantu kakitangan dari semua peringkat meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan risiko, memahami dan memanfaatkan rangka kerja pengurusan kesanggupan menanggung risiko Bank, dan memahami dengan jelas risiko dalam keputusan strategik dan sehari-hari yang dibuat oleh mereka.
- In light of rising cost of funds in the banking system, Agrobank took steps to improve the intermediary function by reducing funding mismatches, diversifying commercial funding sources, rationalising profit and hibah rates, and strengthening the management of maturity profiles of assets and liabilities of the Bank.
- The Bank continuously enhanced its overall cyber security measures and resilience capabilities.
- The Bank is on track towards implementing CAFIB (BASEL II) framework in the measurement of its capital adequacy, and in its capital management strategy. Although it is not a regulatory requirement, the Bank adopted Basel III requirements in relation to Liquidity Coverage Ratio (LCR) and Net Stable Funding Ratio (NSFR) issued by BNM. The Bank intends to continue to manage liquidity and deploy capital efficiently in line with the Basel III rules.
- The management of operational risk is an integrated part of the Bank's overall risk management activities and it concerns all functions and personnel of the Bank. Emphasis was also given towards ensuring effective coordination in the management of operational risk with that of other risks (e.g. credit risks, market risks, and other risk types arising from interactions with operational risks) to provide a holistic and integrated approach to the Bank's overall risk management strategy. Operational risk assessment is the key in systematically assessing operational risks in on-going business and in proposed changes. Progress on outstanding operational risk issues were monitored while operational risk exposures were analysed and reported to senior management and Board to support decision-making; this includes monitoring of emerging risks such as cyber risk that has also been heightened.
- Agrobank keeps track of external developments and closely monitors the impact of specific macro-economic and risk factors on its capital adequacy levels. Regular and structural top-down and bottom-up risk assessments were performed throughout the year to identify various types of risks, while stress tests were conducted to calculate the impact of adverse scenarios on the Bank's financial soundness. Where necessary, measures in line with Agrobank's risk appetite were taken on the basis of stress tests results.
- Continued priority was given to improving risk reporting and the quality of risk information available and presented to the Management and the Board, which led to an overall improvement in the visibility and understanding of risk across the Bank.
- Building a strong risk and compliance culture, and instilling risk accountability and ownership at all levels are essential blocks for effective risk governance. As part of the Bank's efforts to embed a strong risk culture and best practices, on-going risk management trainings and awareness programmes were provided periodically to staff at all levels to enable them to develop their knowledge in risk management, understand and embrace the Bank's risk appetite and risk management framework, and is clear about the risks inherent in their strategic and day-to-day decisions.

- Fungsi tadbir urus akan terus diperbaiki bagi mempertingkatkan kebertanggungjawaban dan prestasi perniagaan di Agrobank. Salah satu langkah yang diambil adalah mengukuhkan barisan pemantauan pertama dalam memantapkan ekosistem pengurusan risiko untuk menghadapi dengan berkesan cabaran persekitaran hari ini. Di Agrobank, keutamaan diberikan kepada unit pengambilan risiko sebagai barisan pertama pertahanan dalam kontaks mempertingkatkan budaya risiko. Secara khususnya, budaya risiko dipertingkatkan untuk memastikan kebertanggungjawaban terhadap pengambilan risiko berhemat. Bagi mencapai hasrat ini, Agrobank memastikan unit pengambilan risiko dilengkappan dengan pengetahuan, kemahiran, maklumat dan kuasa yang diperlukan untuk pengoperasian dasar serta kawalan risiko yang relevan. Ini dijalankan melalui beberapa kaedah termasuk:
 - Menerapkan kesedaran risiko dalam membuat keputusan harian, di unit pengambilan risiko.
 - Menyemai pemahaman dalam kalangan pengurus di barisan pemantauan pertama agar mempertimbangkan implikasi risiko semasa membuat keputusan ataupun perubahan dalam perniagaan.
 - Menyediakan latihan intensif kepada pegawai perhubungan risiko.
- Perkara asas dalam memiliki budaya risiko yang kukuh ialah dengan mewujudkan satu persekitaran di mana, semua risiko dan masalah berbangkit dalam situasi harian dapat dibincangkan secara terbuka. Justeru itu, Bank telah menganjurkan jerayawara di seluruh negara untuk menyelaraskan amalan mereka, menangani ketidakkepastian dan menyediakan platform yang memberi dan menerima maklum balas daripada kakitangan yang menguruskan risiko setiap hari. Melalui jerayawara, RMD menggalakkan perbincangan berterusan mengenai tatacara untuk mengurus risiko untuk menjangkakan cabaran akan datang serta berkongsi amalan-amalan terbaik dan belajar daripada kesilapan lampau dengan menyingkirkan semua punca dan berkongsi pengalaman.
- Bank terus mengukuhkan pengurusan risiko Syariahnya menerusi pelbagai instrumen dan sesi perhubungan. Langkah ini telah membolehkan Bank mengendalikan latihan profil pengurusan risiko Syariah dengan baik. Dengan keupayaan pengurusan risiko Syariah yang dipertingkatkan, Bank telah berjaya melaksanakan latihan profil risiko syariah yang lebih baik.

Komitmen dan Keutamaan Strategik pada Tahun 2020

Bagi tahun 2020, strategi yang telah di susun oleh Bank termasuklah untuk mengekalkan kepimpinan dalam pasaran dan mengukuhkan kewujudannya di sektor pertanian disamping meningkatkan pertumbuhan kewangannya kepada kadar yang lebih seimbang selain untuk mempelbagaikan sumber deposit untuk memamptaikan lembaran imbangan. Bagi mencapai hasrat ini, Bank akan mempertingkatkan infrastruktur dan keupayaannya sambil memperbaiki budaya dan amalan pengurusan risiko di setiap peringkat. Di bahagian operasi, Bank akan menerima amalan-amalan terbaik dalam mengurus risiko pasaran dan kecairan serta mengukuhkan dan menambah baik infrastruktur dan dasar untuk mengurang dan mengawal risiko-risiko sedia ada serta yang berpotensi untuk timbul daripada perubahan dalam harga komoditi, isu keselamatan siber, teknologi media sosial, teknologi media sosial dan pengaruh teknologi kewangan (fintech).

- Agrobank remains steadfast in improving corporate governance functionality as a means to enhance accountability and improve business performance. One of the steps taken is strengthening the first line of defence in building a stronger risk management ecosystem to effectively meet the challenges of today's business environment. At Agrobank, significant consideration is given to risk-taking units as the first line of defence within the context of enhancing risk culture. In particular, the risk culture was enhanced to ensure accountability for prudent risk-taking. Towards this end, Agrobank ensures that risk-taking units have the necessary knowledge, skills, information, and authority to operate within the confines of the relevant risk and control policies and procedures. This is done through several approaches including:
 - Embed risk-conscious behaviour of risk-taking units in their everyday decisions.
 - Foster a risk mind set in the first line of defence among frontline managers so that they consider risk implications when making business decisions or changes.
 - Provide intensive trainings to risk liaison officers.
- An important baseline in having a strong risk culture is creating an environment in which risks and dilemmas that arise in the day-to-day work are openly discussed. The Bank organised nationwide road shows to streamline practices, address inconsistency and serve as a platform to provide and receive feedbacks from staff managing risks daily. Through road shows, RMD fosters continuous debate about how to manage risks so as to anticipate future challenges as well as to share best practices and learn from mistakes so as to avoid repetition by removing the causes and by sharing of experiences.
- The Bank continued to strengthen its Shariah risk management through various tools and engagement sessions. With the strengthening of Shariah risk management capabilities, the Bank was able to conduct an enhanced Shariah risk management profiling exercise.

Commitment and Strategic Priorities in 2020

The Bank's strategy for 2020 is to retain market leadership and build greater presence in agriculture sector well as increase its financing growth to a more respected balance and to continuously diversify deposits sourcing to support balance sheet expansion. In achieving the target, the Bank will enhance its infrastructure and capabilities while at the same time improve its risk management culture and practices at all levels. On the operations side, the Bank will embrace best practices in managing market and liquidity risks as well as strengthening and improving its infrastructure and policies to mitigate and control existing and potential risks arising from changes in commodity prices, cyber security issues, social media technology and financial technology (fintech) influence.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Mengikut konteks pengoperasian bagi tahun 2020, yang dibutirkan di atas, Bank akan meneruskan usaha untuk memperkuat pengurusan risiko dalam aspek-aspek berikut:

- ***Mengekalkan lingkungan kesanggupan menanggung dan paras toleransi risiko***

Sebuah rangka kerja kesanggupan risiko yang menyeluruh menjadi tunjang bagi pengurusan risiko Bank untuk mendalamai dan mengurus risiko dengan menterjemahkan metrik risiko dan kaedah kepada keputusan strategik, pelaporan dan keputusan harian perniagaan. Agrobank akan terus memastikan risiko utama dikekalkan dalam lingkungan kesanggupan menanggung dan paras toleransi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Selain disemak setiap tahun, lingkungan kesanggupan menanggung manakala paras toleransi terus dipantau bagi memastikan ia kekal relevan untuk menangani perubahan dalam faktor persekitaran mikro. Kesanggupan menanggung risiko dan paras toleransi juga harus diterapkan dalam semua polisi dan panduan berkaitan risiko.

- ***Memperkuat pengurusan risiko secara berterusan***

Bank akan menggiatkan usaha dalam melaksanakan peraturan CAFIB (Basel II) yang digariskan dalam struktur pengurusan risiko rasmi Bank, di samping mengawasi tadbir urus, proses dan sistem. Usaha akan diteruskan untuk mengukuhkan kesedaran terhadap risiko, selain menyemai dan mengekalkan budaya risiko yang kukuh dalam Bank bagi mendorong kesedaran terhadap risiko dan memantapkan disiplin, yang bertujuan untuk mendorong tatalaku yang sesuai dalam tiga aspek budaya:

- Menetapkan visi dan hala tuju yang jelas
- Membuat keputusan berdasarkan maklumat risiko yang relevan
- Mentadbir urus risiko dan tanggungjawab pengambil risiko, serta memastikan ketelusan dalam aliran maklumat risiko

Latihan, berkomunikasi secara proaktif dan sesi perkongsian diamalkan untuk membiasakan kakitangan dengan unsur-unsur budaya risiko penting, seperti bertanggungjawab atas keputusan yang dibuat, mengambil iktibar daripada peristiwa lepas, serta menerapkan tatalaku risiko dalam kerja sehari-hari.

- ***Membangunkan keupayaan***

Bank pada 2020 merancang untuk terus memberi tumpuan untuk mengurangkan sebarang jurang kecekapan disamping membangunkan kakitangan dalam bidang-bidang perniagaan dan pengoperasian yang relevan. Aspek ini penting bagi memastikan Bank terus relevan dalam persekitaran risiko yang semakin berubah. Ini adalah sejarah dengan inisiatif Pelan Perniagaan Strategik Bank (SBP) 2016 – 2020 yang bertujuan untuk membangunkan ahli profesional risiko, dan menetapkan platform untuk merapatkan jurang kecekapan.

- ***Memperkuat pertahanan siber dan pengurusan risiko siber***

Perkhidmatan perbankan di negara ini semakin bergantung kepada platform digital berikutan peningkatan dalam penggunaan data digital. Justeru itu, Agrobank juga harus bertindak mengukuhkan pertahanan

In view of the operating context for 2020 as highlighted above, the Bank's approach towards risk management continues to strengthen along the following dimensions:

- ***Ensure key risk areas are within the appetite and tolerance levels***

A comprehensive risk appetite framework is the cornerstone of the Bank's risk management architecture as it helps the Bank to better understand and manage risks by translating risk metrics and methods into strategic decisions, reporting, and day-to-day business decisions. Agrobank will continue to ensure that key risk areas are within the appetite and tolerance levels set by the Board. While bank-level risk appetite and tolerance levels are subject to formal annual reviews, these will be continually monitored for relevance in terms of changing macro-environment factors. Intrinsically, risk appetite and tolerance levels are to be consistently embedded in all risk-related policies and guidelines.

- ***Continuous strengthening of risk management***

The Bank will continue to intensify its efforts to prepare for the adoption of Basel II recommendations, which is embedded into the Bank's formal risk management structure, as well as the governance oversight, processes and systems. The Bank will continue efforts to reinforce risk awareness as well as fosters and maintains a strong risk culture to promote risk awareness, rigor and discipline, which serves to influence appropriate behaviour in three key cultural aspects:

- Leadership in providing clear vision and direction
- Consideration of risk relevant information in decision-making
- Risk governance and accountability of risk takers as well as transparent flow of risk information

During trainings, proactive internal communications and sharing sessions; staff are sensitised in key areas of risk culture, such as taking accountability for decisions, learning from past actions and applying risk behaviours in daily work situations.

- ***Development of capabilities***

As part of the on-going review to ensure the competencies are relevant in today's changing risk landscape, the focus for 2020 will continue to be on efforts toward closing any competency gaps and to develop staff in the relevant areas of businesses and operations. This is in-line with one of the initiatives under the Bank's Strategic Business Plan (SBP) 2016 – 2020 aimed at building deep specialisation of risk professionals and setting the platform to bridge competency gaps.

- ***Strengthen cyber resilience and cyber risk management***

Cyber resilience and cyber risk management are becoming critical challenges to Agrobank in line with the growing reliance on digital platforms and increasing digital data usage in the banking services. Given this scenario, the need of the hour, undoubtedly, is to adopt

dan pengurusan risiko sibinya. Bagi mencapai matlamat ini, Bank akan terus memantapkan pertahanan siber dengan mengintegrasikan pengurusan risiko siber dengan strategi perniagaan dan pelan penambahbaikan yang sedia ada.

- **Mempertingkatkan sistem pengurusan risiko untuk menjalankan penilaian dan pemantauan risiko secara terperinci dan berintegriti**

Pematuhan dan pengurusan risiko kekal sebagai keutamaan Bank. Justeru itu, Bank komited untuk mempertingkatkannya dalam tiga barisan pertahanan dengan menggunakan kawalan risiko secara proaktif. Ini dicapai dengan memperkuuhkan sumber analisis Bank melalui sistem pengurusan risiko yang dipertingkatkan. Sistem ini akan memantapkan keupayaan Bank untuk memantau dan mengawal risiko, dengan mengesan risiko lebih awal supaya dapat bertindak balas tepat pada waktunya.

- **Lebih berhemat dalam menguruskan portfolio**

Dalam memastikan pengurusan portfolio yang berhemat, Bank akan terus mempelbagaikan portfolio mereka sambil mengurangkan sebarang pengumpulan risiko yang didapati. Bank menyedari kepentingan memiliki sistem pengelasan pembiayaan yang berkesan bagi mencapai dua objektif, iaitu memantau kualiti aset Bank secara berterusan dan memastikan kecukupan peruntukan aset pada setiap masa.

- **Mengenal pasti risiko secara proaktif**

Berikutan kerumitan keadaan persekitaran semasa dan realiti baharu pasaran, Agrobank menyedari bahawa keupayaan pengurusan risikonya perlu diperkembangkan dengan mengadaptasikan proses pengenalan risiko yang proaktif. Proses ini melibatkan pengawasan semua risiko semasa dan baharu yang mungkin timbul daripada ketidaktentuan global dan domestik, daripada perspektif dalam ke luar, iaitu daripada risiko makroekonomi (luaran) kepada risiko industri dan risiko dalaman. Fokus khusus akan diletakkan pada impak ketidakstabilan Ringgit terhadap kedudukan kredit portfolio pembiayaan Bank, impak ekonomi akibat kejatuhan harga komoditi, ancaman siber baharu dan pengurusan keselamatan maklumat, kepesatan evolusi ICT yang mengubah cara industri perbankan beroperasi dan pengawasan serta pematuhan AML/CMT.

- **Mewujudkan metodologi dan guna pakai penarafan risiko kredit**

Bank bertekad untuk meneruskan penambahbaikan dalam metodologi penarafan risiko kredit dalaman, dan polisi serta amalan pengurusan risiko kredit. Matlamatnya adalah untuk mencipta nilai melalui metodologi risiko kredit yang bersesuaian, dan polisi serta proses kredit yang konsisten merentasi seluruh Bank.

- **Menguruskan risiko kecairan secara proaktif**

Bank memberi penekanan utama untuk menanda aras kegiatannya dengan amalan-amalan terbaik. Pada tahun 2020, Bank akan menumpukan kepada kepelbagaian sumber pendanaan dengan Pelan Pendanaan Luar Jangka (CFP). Bank akan merangka strategi untuk memasukkan kepelbagaian dan kestabilan langkah asas pendanaan yang meliputi ujian tekanan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk bertahan daripada kejutan.

and strengthen cyber resilience. Towards this end, the Bank will continue to strengthen cyber resilience by integrating cyber risk management into the overall business strategy and on-going improvement plan.

- **Enhancement of risk management system for greater granularity and integrity in risk assessment and monitoring**

As compliance and risk management remain a priority, the Bank is committed to enhance its application of the three lines of defence by employing proactive risk control. This will be achieved by strengthening the Bank's analytical resources through enhanced risk management system. This system will reinforce the Bank's ability to monitor and control risks as it is geared to early risk detection and the identification and timely implementation of appropriate countermeasures.

- **Greater prudence in portfolio management discipline**

In ensuring prudent portfolio management, the Bank will continue to curtail any build-up of risk as the Bank continues to diversify its portfolio. The Bank is heedful that having an effective financing classification system is an essential tool to achieve the twin objectives of continuous monitoring of the Bank's asset quality and ensuring that they maintain adequate provisions at all time.

- **Proactive risk identification**

In view of the complexity of today's environment and new market realities, Agrobank is conscious that its risk management capabilities need to evolve to include the adoption of a proactive risk identification process. This process entails scanning all current and emerging risks that may arise from global and domestic uncertainties from an 'outside-in' perspective, i.e. from a macroeconomic (external) risks to industry and internal risks. Particular focus will be placed on the impact of Ringgit's volatility on the credit health of the Bank's financing portfolio, the economic impact of declining commodities prices, the emerging cyber threats and management of information security, the rapid ICT revolution that is changing the banking industry operations and the oversight and compliance of AML/CMT.

- **Establish credit risk rating methodologies and applications**

The Bank endeavours to continuously improve internal credit risk rating methodologies and credit risk management policies and practices, aimed at achieving value creation through congruent credit risk methodologies and consistent credit policies and processes across the Bank.

- **Proactive management of liquidity risks**

The Bank places greater emphasis in benchmarking itself against best practices. In 2020, the Bank will focus on diversification of funding source with a well-defined Contingency Funding Plan (CFP). The Bank will strategise to include diversification and stability of funding base measures which includes stress testing to ensure sufficient liquidity to withstand shocks.

PENYATA TADBIR URUS SYARIAH

STATEMENT ON SHARIAH GOVERNANCE

Bank sentiasa peka bahawa tadbir urus Syariah yang komprehensif dan mapan adalah penting untuk memastikan Agrobank memenuhi semua tanggungjawabnya untuk mendukung ajaran Syariah, prinsip-prinsip dan syarat dalam semua aspek operasi perniagaannya. Lantaran itu, Manual Pematuhan Syariah telah disemak semula selaras dengan kehendak Garis Panduan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah (SGF) bagi Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Manual ini antara lain menggariskan mekanisme kawalan patuh Syariah yang lengkap, termasuk pengawasan yang efektif oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan, termasuk juga prosedur operasi Jawatankuasa Syariah (SC), serta kod etika dan tatalaku ahli-ahlinya. Jawatankuasa tadbir urus ini disokong oleh fungsi-fungsi khusus Syariah yang bertindak sebagai organ dalaman bagi Bank iaitu Jabatan Syariah, Semakan Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan Audit Syariah, yang mana peranan dan tanggungjawab serta bidang tugas dan kuasa telah termaktub dalam SGF serta polisi dan garis panduan Syariah dalaman bagi Bank. Di peringkat institusi, Jabatan Syariah bertindak sebagai perantara antara SC dan pihak Pengurusan Bank termasuk unit-unit perniagaan dan sokongan, manakala fungsi-fungsi Semakan Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan Audit Syariah masing-masing dijalankan oleh bahagian Pematuhan, Pengurusan Risiko dan Audit Dalaman.

Parameter perwakilan kuasa telah dibangunkan bagi meningkatkan tahap kecekapan dengan memberi kuasa kepada Ketua Jabatan Syariah untuk meneliti antara lain mana-mana cadangan yang bersifat jelas dan ringkas, manual operasi, dan aktiviti perbankan sehari-hari dan memberi kelulusan awal selagimana ia dalam perkara yang memenuhi kriteria kelulusan, yang mana kemudiannya akan dimaklumkan kepada SC sewajarnya.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab atas keseluruhan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah dan status pematuhan terhadap Syariah. Lembaga Pengarah perlu memastikan rangka kerja tadbir urus tersebut berpadanan dengan saiz, kerumitan, dan jenis operasi perniagaan Bank, dan bertanggungjawab untuk melaksanakannya secara berkesan. Dalam melaksanakan fungsi pengawasan ini, Lembaga Pengarah berhubung secara aktif dengan SC bagi mendapatkan khidmat nasihat dan penjelasan berhubung prinsip-prinsip dan syarat-syarat Syariah. Lembaga Pengarah melantik ahli-ahli SC bersandarkan cadangan daripada Jawatankuasa Pencalonan Lembaga Pengarah. Semua polisi berkaitan Syariah perlu diluluskan oleh SC sebelum boleh dibincangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Syariah

Jawatankuasa Syariah (SC) ditubuhkan untuk memastikan perniagaan perbankan Islam dan hal-ehwal operasi serta aktiviti Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah. Peranan dan tanggungjawab SC sebagaimana ditetapkan dalam SGF yang dikeluarkan oleh BNM, yang menyatakan bahawa SC bertanggungjawab untuk memberi nasihat yang objektif dan bernes kepada Bank untuk memastikan matlamat dan operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktivitinya berlandaskan prinsip Syariah. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memberi keputusan atau nasihat kepada Bank berhubung dengan pelaksanaan sebarang keputusan oleh pihak Majlis Penasihat Syariah (SAC) atau piawaian bagi hal-hal Syariah yang berkenaan untuk Bank. Jawatankuasa ini meluluskan dasar dan prosedur Syariah, menyemak laporan yang dipanjangkan oleh fungsi-fungsi khusus Syariah, dan meluluskan langkah pembetulan bagi isu-isu tersebut. Ahli jawatankuasa membincangkan secara mendalam isu dan cadangan yang diterima bagi mengurangkan kelemahan dalam kawalan Syariah, dan risiko ketidakpatuhan Syariah.

The Bank is mindful that comprehensive and robust Shariah governance is essential to ensure that Agrobank meets all its obligations in relation to upholding Shariah tenets, principles and conditions in all aspects of its business operations. In view of that, our internal Shariah Compliance Manual has been revised in line with the requirements prescribed under the Shariah Governance Framework (SGF) issued by Bank Negara Malaysia (BNM).

Among others, the manual outlines the end-to-end Shariah-compliant control mechanisms including effective oversight by the Board and management as well as the operational procedures of the Shariah Committee (SC) and code of ethics and conduct of its members. These governing committees are supported by dedicated functions acting as internal Shariah organs of the Bank, namely Shariah Department, Shariah Review, Shariah Risk Management and Shariah Audit, whose roles and responsibilities as well as scope of duties and authorities are embedded in the SGF and the Bank's internal Shariah policies and guidelines. At the institutional level, the Shariah Department acts as an intermediary between the SC and the Management of the Bank including the business and support units; whilst Shariah Review, Shariah Risk Management and Shariah Audit functions are performed by the Compliance, Risk Management and Internal Audit division respectively.

Delegation of authority parameter have been further developed for efficiency purposes whereby the Head of Shariah Department is empowered to peruse straightforward and non-complicated proposals, operational manuals, and day-to-day banking activities among others and provide an upfront approval as long as it is within the approved criteria where subsequently it will be notified to the SC accordingly.

ROLES AND RESPONSIBILITIES

Board of Directors

The Board is ultimately accountable and responsible for the overall Shariah Governance and state of compliance with Shariah. The Board ensures that the governance framework is commensurate with the size, complexity and nature of the Bank's business operations, and is responsible for its effective implementation. In performing its oversight functions, the Board actively engages with the SC for advisory and clarification relating to Shariah principles and requirements. The Board appoints members of the SC based on recommendations of the Board Nominating Committee. All Shariah-related policies are approved by the SC prior to deliberation and approval of the Board.

Shariah Committee

The Shariah Committee (SC) was established to ensure that the Bank's Islamic banking business and operational affairs as well as activities are in compliance with Shariah rules and principles. The roles and responsibilities of the SC are as prescribed in the SGF issued by BNM, which states that the SC is responsible to provide objective and sound advice to the Bank to ensure that its aims and operations, business, affairs and activities are in compliance with Shariah. The committee responsible to provide a decision or advice to the Bank on the application of any rulings of the SAC or standards on Shariah matters that are applicable to the Bank. The committee endorses Shariah policies and procedures, reviews reports escalated by the dedicated Shariah functions, and endorsing a rectification measure on the issues. The committee members rigorously deliberate on issues and recommendations to mitigate Shariah control weaknesses and potential Shariah non-compliances.

SC terdiri daripada enam orang ahli, yang mana lima daripadanya berpengalaman dan berpengetahuan dalam aspek Syariah yang pelbagai, manakala ahli keenam pula merupakan ahli perbankan Islam yang berpengalaman, dan bertanggungjawab untuk memberikan pandangan tentang amalan dan operasi perbankan kepada jawatankuasa. Bagi memastikan keberkesanan mesyuarat SC, Bank mengadaptasi mekanisme penilaian prestasi SC secara individu untuk menilai prestasi, kecekapan, pengetahuan, sumbangan serta kehadiran SC.

Di bawah polisi ini, kekerapan mesyuarat SC ditetapkan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua bulan, sementara korum minimum bagi mesyuarat adalah seramai 4 orang ahli. Pada tahun 2019, SC telah mengadakan 12 mesyuarat di mana cadangan, kelulusan awal, semakan dan laporan dibentangkan dan dibincangkan secara terperinci terutamanya tentang produk dan perkhidmatan sedia ada dan baharu. Temuan Semakan dan Audit Syariah, laporan risiko Syariah, proses pembetulan dan kawalan, laporan tahunan, dan laporan zakat Bank juga dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

Ahli-ahli SC dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

Ahli Jawatankuasa Committee member	Jawatan Designation	Bilangan mesyuarat dihadiri Number of meetings attended
Assoc. Prof. Dr. Mohamed Fairooz Abdul Khir	Pengerusi/Chairman	12
Dr. Mohamad Sabri Zakaria	Ahli/Member	11
Y.M. Engku Ahmad Fadzil bin Y.M. Engku Ali	Ahli/Member	12
Tn. Hj. Azizi bin Che Seman	Ahli/Member	11
Tn. Hj. Jahaidi bin Harun	Ahli/Member	12
Dr. Ahmad Dahlan Salleh (Dilantik pada bulan Mei/Appointed in May)	Ahli/Member	9

Jabatan Syariah: Fungsi, Aktiviti Utama pada tahun 2019 dan Keutamaan Strategik pada tahun 2020

Mekanisma tadbir urus Syariah yang mapan di Agrobank terus memainkan peranan penting dalam memacu penjanaan nilai dengan memastikan bahawa semua produk dan perkhidmatan diiktiraf dan sejajar dengan prinsip Syariah. Jabatan Syariah menyediakan fungsi sokongan merentasi semua aktiviti perbankan untuk memastikan pelaksanaan SGF secara menyeluruh, termasuk pembentukan dan pengurusan SC, selain berhubung dengan mereka bagi mendapatkan kelulusan produk dan perkhidmatan. Jabatan Syariah turut bekerjasama dengan lain-lain jabatan dan jawatankuasa berhubung isu-isu Syariah.

Lain-lain peranan dan fungsi merangkumi:

- Meneliti pra-kelulusan produk, menilai isu-isu dan mengendalikan urusan pentadbiran dan kesetiausahaan berkaitan dengan SC.
- Melakukan penyelidikan Syariah dan memberikan khidmat nasihat serta rundingan berkenaan Syariah kepada pihak yang berkaitan, termasuk mereka yang terlibat dalam pembangunan produk, di samping menjalankan fungsi sokongan lain.
- Menyelaras mesyuarat, menyusun kertas-kertas cadangan, menyampaikan keputusan berkaitan Syariah kepada pihak berkepentingan yang relevan, serta berhubung rapat dengan SC untuk membincangkan isu-isu Syariah tertentu.

The SC comprises six members, five of whom have extensive experience and knowledge of different aspects of Shariah, while the sixth member is an experienced Islamic banker who provides insights on banking practices and operations to the committee. In ensuring the effectiveness of the SC meeting, the bank adopts performance assessment mechanism of SC by assessing individual SC's performance, competency, knowledge, contribution and attendance.

Under the policy, the frequency of the SC meeting to be held is at least once in every two months, while the minimum quorum for the meeting is 4 members. In 2019, the SC held 12 meetings at which proposals; upfront approval, reviews and reports were presented and thoroughly discussed mainly on new and existing products and services. Findings of Shariah Review and Audit, Shariah risk report, rectification and mitigation process, financial report, and zakat report of the Bank were also discussed during these meetings.

The SC members and their record of attendance are as follows:

Ahli Jawatankuasa Committee member	Jawatan Designation	Bilangan mesyuarat dihadiri Number of meetings attended
Assoc. Prof. Dr. Mohamed Fairooz Abdul Khir	Pengerusi/Chairman	12
Dr. Mohamad Sabri Zakaria	Ahli/Member	11
Y.M. Engku Ahmad Fadzil bin Y.M. Engku Ali	Ahli/Member	12
Tn. Hj. Azizi bin Che Seman	Ahli/Member	11
Tn. Hj. Jahaidi bin Harun	Ahli/Member	12
Dr. Ahmad Dahlan Salleh (Dilantik pada bulan Mei/Appointed in May)	Ahli/Member	9

Shariah Department: Functions, Key Activities in 2019 and Strategic Priorities in 2020

Agrobank's robust Shariah governance mechanism continues to play an integral part in driving value creation by ensuring that all the products and services are duly accredited and in line with Shariah principles. Providing cross-functional support for all banking activities, the Shariah Department ensures the implementation of a comprehensive SGF, including the formulation and management of the SC and liaising with them for product and transaction approvals. The Shariah Department also coordinates with the Bank's various departments and committees on Shariah issues.

Other roles and functions include:

- Conduct pre-product approvals, appraise issues and undertake administrative as well as secretarial matters relating to the SC.
- Perform in-depth Shariah research and provide day-to-day Shariah advice and consultancy to relevant parties including those involved in the product development process as well as other supporting functions.
- Act as a central coordinator for meetings, compiling proposed papers, disseminating Shariah decisions to relevant stakeholders and engaging with the SC when seeking further deliberation on Shariah issues.

PENYATA TADBIR URUS SYARIAH

STATEMENT ON SHARIAH GOVERNANCE

Mewujudkan budaya tadbir urus Syariah yang teguh di seluruh Bank terus menjadi fokus bagi tahun 2019. Agrobank menyedari hakikat bahawa mengubah tatacara dan pemikiran terhadap pematuhan Syariah mampu mewujudkan tahap kesedaran, motivasi dan kebertanggungjawaban yang lebih baik. Oleh itu, pemahaman mendalam berhubung risiko Syariah dan pematuhan Syariah adalah amat penting dalam usaha menginstitusikan budaya pematuhan Syariah.

Sepanjang tahun ini, jabatan Syariah terus menjalankan program kejurulatihan berkaitan Syariah termasuk sesi halaqah selama sejam pada hari Jumaat untuk pegawai Syariah. Ini bertujuan membina pemahaman mereka mengenai fatwa dan piawaian yang dikeluarkan oleh Organisasi Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI). Pemahaman yang lebih mendalam dan komprehensif tentang piawaian AAOIFI akan mendorong pegawai Syariah untuk memanfaatkan amalan terbaik antarabangsa dalam tadbir urus dan pematuhan Syariah. Adakalanya, sesi halaqah ini turut disertai oleh SC sebagai pembimbing.

Bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran Syariah di kalangan kakitangan cawangan, antara inisiatif yang dijalankan pada tahun 2019 termasuklah program Keterlibatan Syariah di Cawangan (SBE). Program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan antara Pegawai Syariah dan kakitangan cawangan melalui sesi bimbingan tentang perkara berkaitan Syariah dalam operasi perbankan Islam. Menerusi platform ini, pegawai-pegawai Syariah boleh menjawab pertanyaan dan kemosyikilan tentang perkara berkaitan Syariah yang ditanyakan oleh kakitangan cawangan, selaku barisan pertahanan pertama bagi Bank.

Dalam pada itu, Jabatan Syariah bersama wakil-wakil pematuhan dan risiko telah dilantik untuk memupuk budaya pematuhan di kalangan kakitangan Bank melalui Program Keterlibatan Tadbir Urus (GEP). Program ini bermatlamat untuk membiasakan kakitangan dengan perkara tadbir urus untuk dijadikan rujukan pengajaran pada masa depan.

